

MAJALAH KORPORAT • PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# QIADDAH



[www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)

**FOKUS**

TOK GURU: MURABBI  
YANG MENGUBAH NEGERI

**PEMIMPIN**

YB DATO' ABDUL FATTAH MAHMOOD

**WARISAN**

KERTOK

*Perginya Sang*  
**Murabbi Ummah**

ISSN 2289-5418



MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM | KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN





# بازر توؤ خورو

BAZAR TOK GURU



**PROMOSI  
JUALAN & SEWAAN  
LOT NIAGA  
DENGAN HARGA  
DISKAUN  
- LOT TERHAD -**

f BAZAR TOK GURU

AKAN DIBUKA DI TINGKAT 2  
**IMBNET MALL**  
INTERNATIONAL RETAIL &  
WHOLESALE SHOPPING MALL

- \* HASIL SENI & KRAFTANGAN (EMAS, PERAK, UKIRAN KAYU)
- \* BATIK, KAIN TUDUNG, PAKAIAN MUSLIMAH
- \* PRODUK KOSMETIK DAN AKSESORI KECANTIKAN
- \* PELBAGAI PRODUK MAKANAN
- \* MEDAN SELERA TELAH DIBUKA

UNTUK MAKLUMAT LANJUT  
SILA HUBUNGI:

**GEE:** 019-932 2295

**JUE:** 013-901 6552

**SYAMSUL:** 017-968 7879

**MUROH, ADO BLAKO**





قَدْرَانِن مَنْتَرِي بَسْرِكَلَنْتَن  
 PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN  
 www.pmbk.gov.my



PERUMAHAN FASA IV  
**WADI IMAN**  
 MAHANG WEST, KOK LANAS



*Banglo* (4 UNIT) | *Semi-D* (8 UNIT)

- Unit terhad
- Hanya 2km dari Kolej Komuniti Kok Lanas
- Kawasan kejiranan yang selesa & bersepadu
- Berdekatan dengan Politeknik Kota Bharu, Kok Lanas

*En Syazwan*  
 013-981 0054

*Pn Noorin*  
 013-907 3209

PEJABAT URUSAN: Tingkat 4, Bangunan PMBK,  
 Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan  
 Tel: 09-747 4082 Faks: 09-747 7815



قَدْرَانِن مَنْتَرِي بَسْرِكَلَنْتَن  
 PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN  
 www.pmbk.gov.my



**UNIT TERHAD**

- 2km ke Jalan Kebun Sultan, Jalan Padang Garong dan Jalan Mahmood.
- Hospital Raja Perempuan Zainab II hanya beberapa kilometer sahaja.
- Kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan teksi.
- Akses mudah ke prasarana utama.
- Pembiayaan diuruskan pemaju.
- Aset Pelaburan.

**KEDAI & PEJABAT 3 TINGKAT**  
 JALAN PENGKALAN CHEPA KOTA BHARU

**10 UNIT**

Dibangunkan Oleh :  
 Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Sila Hubungi :  
 013 - 907 3209 / 013-981 0054 / 09-7478809



# Perginya Sang Murabbi Ummah

## **Ketua Editor**

Abdul Rashid Mohd Yusoff  
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## **Setiausaha Jawatankuasa Editorial**

Mohd Haikal Rozaini  
Eksekutif Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## **Jawatankuasa Editorial**

Zamakhshari Muhamad  
Pengurus Kanan Pemasaran & Komunikasi  
Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Muhammad Najid Abdullah  
Eksekutif Latihan Modal Insan  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## **Penyelaras Editorial**

Shariah Derahman  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## **Pembantu Penyelaras Editorial**

Siti Norazami Mohd Anuar  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## **Penulis**

Dr Wan Nik Wan Yusoff

## **Penulis Bersama**

Nazri Abdullah  
Muh Na Abdullah  
Tuan Mohd Nor Tuan Yahya  
Muhammad Yusri Amin  
Salmah Husain  
Zananzaly  
Norazelan Abdul Rahim  
Nik Najmil Hanif Ab Rahim  
Muhammad Nabil Naufal Mohamed Nasim  
Abdul Hadi Yusoff  
Mohd Asri Mat Daud  
Shariah Derahman  
Siti Norazami Mohd Anuar  
Nurul Dayanna Norji

## **Pereka Grafik & Layout**

Mohd Muhaimin Mohd Aripin  
Mohd Zahid Mohd Yaziz  
Mustaqim Isa  
Muhd Shakirin Naim Mohammed Yazid

## **Jurugambar**

Ahmad Nai'me Muhammad  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## **Jurugambar Bersama**

Zamani Mohd Zain  
Rizal Tahir  
Muhammad Hanif Wan Ahmad  
Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB)  
Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan  
Kebajikan  
\*Koleksi peribadi Dr Nik Mohd Azlan

## **Pengiklanan, Pemasaran & Promosi**

Jabatan Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan  
Tel: 09-747 4082

## **Diterbitkan oleh**

Perbadanan Menteri Besar Kelantan  
Tingkat 6, Bangunan PMBK  
Jalan Kuala Krai, 15150  
Kota Bharu, Kelantan  
Malaysia  
Tel: 09-747 4082  
Fax: 09-747 7815  
Portal: [www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)

## **Dicetak oleh**

Kelantan ICT Gateway Sdn Bhd  
Tingkat 5, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani, 15710  
Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-743 5650  
Faks: 09-743 5651

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.



Muat turun aplikasi  
QR Code dan imbas  
E-QIADAH



# تابوئن ممباوا كابرکتن Tabungan Membawa *Keberkatan*



**Hadith**

"Akan tiba suatu zaman di mana tiada apa yang bernilai dan boleh digunakan oleh umat manusia. Maka simpanlah dinar dan dirham (untuk digunakan)". Hadis dari Musnad Imam Ahmad Ibn Hanbal.

# DINAR DIRHAM WAFER



كَلَنْتَانْ كَوَلْدَرَا سِنْدَانْ وَرَا نَرْهَابَا  
KELANTAN GOLD TRADE SDN BHD  
KELANTAN NISAZ FINEST PERABAHAN MENTERI BEKAS KELANTAN (1999/01)

**Ibu Pejabat:**

PT 473 Tingkat Bawah Bandar Baru Tunjong, 15100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.  
Tel : +609-744 1901 Fax: +609- 744 1902

**DND Shoppe:**

1. Kiosk Bazar Tok Guru, Lot A111 & A112 Jalan Sultan Ibrahim, Kota Bharu, Kelantan.
2. Lot No. L1L10, Level 1, Public Concourse(Landside), Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan.







# QIADAH

LAMAN HADAPAN  
**PERGINYA SANG  
 MURABBI  
 UMMAH**

Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat atau lebih mesra dipanggil Tok Guru adalah seorang ulama dan umara, sehingga nafasnya yang terakhir pada hari Khamis malam Jumaat (12 Februari 2015 bersamaan 22 Rabiul Akhir 1436H), Allahyarham merupakan susuk yang dihormati oleh rakyat Malaysia tidak kira agama dan ideologi politik. Dialah Sang Murabbi Ummah. Pemergiannya ditangisi namun ilmu dan ketokohnya kekal menjadi panduan.

PERISTIWA



08

HARI TERAKHIR  
 ALLAHYARHAM  
 TOK GURU

FOKUS



12

MURABBI YANG  
 MENGUBAH NEGERI

VARIASI



18

PERSONALITI  
 ULAMA & UMARA

VARIASI



24

TUAN SABARIAH  
 (ISTERI)

VARIASI



28

NIK AMALINA  
 (ANAK)

VARIASI



32

NIK AMINAH  
 (ADIK)

VARIASI



34

DR NIK  
 MOHD AZLAN  
 (SETIAUSAHA SULIT)

VARIASI



37

UST FADHLI  
 (SETIAUSAHA  
 AKHBAR)

VARIASI



40

DATO' DR  
 ZAINUDDIN  
 (DATO' SUK)

VARIASI



43

MUSTAPHA  
 (ANAK MURID)

VARIASI



46

ZAKARIA  
 (PENGAWAL  
 PERIBADI)

VARIASI



49

MOHD SALEH  
 (PEMANDU)



VARIASI



52 SIMBOL LEGASI

PEMIMPIN



56 DATO' ABDUL FATTAH MAHMOOD TOK GURU, IDOLA SEMUA INSAN

WARISAN



60 KERTOK

TOKOH



64 DR MD NOOR

MAKANAN



68 GELEMBUNG BUAYA

JENAMA KELANTAN




72 SUP KEPALA IKAN PAK MAT

KELANTAN SANA-SINI



76 KEMUDI TIMUR ELEKTRONIK

FOKUS PMBK



80 WADI IMAN - LEMBAH NAN BERIMAN

AKTIVITI PMBK



84 PENARAFAN 4 BINTANG

AKTIVITI PMBK



86 PELANCARAN DINAR & WAFER BAHARU

AKTIVITI PMBK



88 MAJLIS UCAPTAMA & PELANCARAN INTEGRITI

AKTIVITI PMBK



90 SKIM BANTUAN IMAM AL-GHAZALI KALIKE-8

TEROWONG MASA



92 KELUARGA TOK GURU

DIALEK KELANTAN



94







# Tok Guru kau pergi jua

Cinta ini relung cahaya  
lestari hanya pada rasa  
melingkar pada damba  
meresah pada sekudrat dansa

Kendati tertangis mata  
terpercik darah merah saga  
tersembul semereh daya  
tidak akan tergugat ajal masa  
tok guru kau pergi jua

Nah!  
di atas lambung insaf  
anak-anak tarbiah bingkah  
memaut selembur mashaf  
membekal jalan dakwah

Biar diratah lumat  
bertetak tulang kerat  
berpisah nyawa kudrat  
mengalah tidak sesaat

Keramat Tok guru  
meninggal hanya jasad  
berkelana ke liang lahad  
sedang ruh malar wasiat  
merata ajar dan makrifat  
membekal anak-anak jihad

Ya Rabbi  
rindu pada tok guru kami  
tidak tertahan lagi  
sedang pasrah direlung fuadi  
tok guru akhirnya pergi

Gaya bahasa pekerti  
tutur bicara santuni  
bijaksana melakar strategi  
sesaat tidak dilupai

Saat rindu meratah diri  
kau diingati dalam dakap budi  
simpul kasih yang terpatri  
perjuangan yang diwarisi

Ya Rabbi  
pasti melatar janji  
dunia ini dan ukhrawi nanti  
lalu bangkitkan ummah ini  
bersama murabbi kami  
dalam bahtera janji  
Syafaat Rasul kami  
Allahu Rabbul Izzati

Muh Na Abdullah







## *Tok Guru: Keperibadian yang diteladani*

Bismillahir Rahmanir Rahim...

Alhamdulillah, syukur kepada Allah yang mengizinkan penerbitan Qiadah bagi siri ke seterusnya. Fokus QIADAH pada kali ini ialah tentang ketokohan dan keperibadian unggul mantan Menteri Besar Kelantan yang telah banyak berjasa kepada bumi Serambi Mekah. Beliau adalah Murabbi Ummah, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Dasar Membangun Bersama Islam di negeri Kelantan telah diterokai dan diasaskan oleh Allahyarham Tok Guru. Kini usia kerajaan telah genap 26 tahun. Sejarah telah menyaksikan bahawa kegigihan beliau mengharungi pelbagai halangan dan tribulasi telah berjaya meletakkan asas yang kukuh dan destinasi yang jelas dalam membawa rakyat membangun mengikut acuan Islam. Kejayaan beliau diukur mengikut neraca al-Quran dan sunnah, bukan dinilai melalui kaca mata pemikiran sekular.

Asas yang unggul dalam peninggalan beliau itu menjadi rujukan kita semua selaku generasi penyambung, untuk membawa negeri warisan ini melangkah laju ke hadapan, berteraskan tonggak Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan. Kita mestilah sentiasa bahu-membahu mengembalikan cara hidup dan pendekatan pentadbiran serta politik yang dibawa oleh Allahyarham Tok Guru.

Dalam aspek politik umpamanya, generasi sekarang dan akan datang perlu memahami kehendak politik Tok Guru iaitu politik Islam. Ia telah diberitahu oleh Tok Guru berkali-kali, betapa wajibnya membangunkan politik yang syumul. Selama ini ramai yang keliru dan memahami politik hanya mengikut acuan barat. Sebenarnya bagi Tok Guru, Islam itu adalah agama yang tidak boleh dipisahkan dengan pentadbiran, begitu juga dakwah dengan politik.

Maka politik Islam adalah suatu yang sangat lengkap ditinggalkan oleh Rasulullah SAW dan selama ini telah dikaburi oleh penjajah barat menyebabkan sebahagian besar perundangan, mualamat dan politik Islam diselewengkan. Contohnya dalam muamalat Islam, Tok Guru ketika dilantik sebagai Menteri

Besar, dia mengarahkan supaya kewangan riba, simpanan wang kerajaan di bank-bank konvensional dipindahkan ke bank Islam. Itu merupakan satu usaha awal yang beliau hendak samakan dari segi ilmu teori dan kerja.

Apabila mempunyai kuasa, maka tuntutan Islam terus dilaksanakan dengan bertukar terus kepada muamalat Islam. Begitu juga dengan perkara-perkara lain, contohnya wayang kulit, ketika itu masih ada unsur-unsur syirik dan boleh menyebabkan rakyat terdedah kepada kelalaian dan percaya kepada tahyul. Apabila kita berkuasa, kita buang dan tidak memberikan kebenaran untuk mana-mana wayang kulit versi lama kerana ada unsur-unsur syirik.

Dengan kuasa pentadbiran yang dianugerahkan oleh Allah untuk memimpin negeri Kelantan, maka Tok Guru menggunakan kuasa yang ada dengan tidak lagi membenarkan wayang kulit seperti itu berleluasa. Tok Guru sentiasa menasihati kami semasa hayatnya supaya apa jua tindakan hendaklah ada hubungan dengan akhirat.

Katanya dalam diri kita ini ada cetusan baik dan tidak baik. Sekiranya kita jaga diri kita dengan baik, insya-Allah kita selamat. Kalau kita ikut perkara tidak betul, kita tidak akan selamat. Nasihat tersebut sentiasa segar dalam ingatan saya. Semoga Allah meredai segala amalannya dan menempatkannya di Syurga Firdaus yang tertinggi.

Sekian, Wassalam.

**\*\*Syariat Allah Membimbing Raja Dan Rakyat Sepanjang Zaman**  
**\*\* Membangun Bersama Islam - Kelantan Menerajui Perubahan**  
**\*\* Kebajikan - Keberkatan - Kemakmuran**

**Dengan Hormatnya,**  
**Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, S.J.M.K.,**  
**D.J.M.K., ( Kelantan )**  
**Menteri Besar Kelantan**



Alhamdulillah. Hanyasanya pujian dan syukur ke hadrat Allah SWT. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi dan Rasul Muhammad SAW. Tidak dilupakan mereka yang menyambung ajaran Nabi Muhammaad sehingga ke hari ini.

Allah berfirman dalam surah yang selalu kita ulang setiap kali menutup majlis atau mesyuarat iaitu surah al-Asr yang bermaksud: "*Demi masa (yang berharga). Sesungguhnya manusia sentiasa dalam kerugian, melainkan mereka yang benar-benar beriman dan beramal soleh; yang berpesan-pesan dengan kebenaran dan penuh kesabaran.*"

Ambo (saya) sengaja bawakan ayat yang ringkas ini untuk kita muhasabah kembali apakah kategori kita hari ini. Indikator rugi yang dikaitkan dengan iman dan amal soleh sepatutnya dijadikan panduan dalam menentukan aras kedudukan kita masing-masing. Ambo enggan menuding jari tetapi cukuplah kiranya peringatan 'dalam kerugian' mengikut piawai agama dijadikan petunjuk prestasi diri sebagai hamba Allah SWT.

Daripada Abi Qatadah, Rasulullah SAW bersabda: "Sebaik-baik perkara yang ditinggalkan oleh seseorang setelah kematiannya ada tiga perkara; anak soleh yang mendoakannya, sedekah jariah yang pahalanya sampai kepadanya serta ilmu yang diamlkan oleh orang sesudahnya (setelah kematiannya)" (Ibnu Majah: 241).

Ambo bawakan hadis masyhur berkaitan dengan apa yang bermanfaat bagi manusia setelah kematiannya. Sesuai dengan fokus QIADAH pada kali ini berkaitan dengan figura teladan dalam kepimpinan dan disiplin ilmu.

Al-Quran banyak menukulkan catatan sirah umat terdahulu yang penuh warna sebagai pengajaran. Antaranya ulangan kisah Nabi Musa dan Isa AS dalam Surah As-Saf ayat 5 dan 6.

Imbasan kisah terdahulu bagaikan siri episod drama yang bersambung dan memperihal kisah-kisah teladan. Jika al-Quran boleh memasukkan genre "flash back" atau sequel suri teladan kehidupan, kenapa tidak kita hari ini.

Dalam konteks QIADAH dengan mengangkat tema berkaitan Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat seakan direstui oleh gaya bahasa al-Quran. Tujuannya tidak lain hanya lah sebagai panduan untuk generasi seterusnya.

HAMKA pernah ditanya apakah sejarah akan mengulangi dirinya? Lantas beliau memberikan jawapan; "Tidak anakku. Sejarah tidaklah mengulangi dirinya (secara aturan) tetapi manusia disepanjang zaman akan menentukannya (sikap yang sama akan mengulangi peristiwa yang sama)".

Sayugia dalam menyiapkan bahan atas fokus yang besar ini, ambo percaya ia bukanlah benda mudah. Sekian banyak kajian perlu diperincikan dan



sumbernya juga perlulah tepat. Atas keringat dan susah payah itu ambo rakamkan jutaan terima kasih kepada semua penulis dan tidak dilupakan sidang editorial. Kerjasama yang baik ini pastinya memberikan hasil yang mengagumkan. Tahniah ambo ucapkan.

Tidak ada perkataan sebenarnya mampu ambo rakamkan. Fokus yang bermakna ini akan dicatatkan sejarah sebagai bahan rujukan dalam memperihalkan Allahyarham Tuan Guru yang digelar murabbi ummah ini. Inilah tujuannya. PMBK perlu ke hadapan kerana Allahyarham yang telah mengasaskan penubuhan sehingga berdiri seadanya Kumpulan PMBK hari ini.

Justeru, mengambil peluang dalam memaparkan segala yang berkaitan Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz adalah episod cemerlang QIADAH. Harapan ambo agar segala yang dipaparkan akan dimanfaatkan. Contohilah pemimpin yang banyak melakukan perubahan ke arah kebaikan ini. Semestinya Allahyarham Tuan Guru bukanlah sahaja milik orang Kelantan tetapi sebenarnya jasa dan peranan Allahyarham adalah untuk ummah.

Semoga bermanfaat dan jutaan terima kasih kepada yang telah bertungkus-lumus menyiapkan QIADAH untuk sesi ini. Saya doakan agar usaha ini akan dikira pahala berganda di akhirat sana kerana ia bukanlah kerja yang boleh dipandang ringan.

Siru ala barakatillah. Terima kasih.

**Abdul Rashid Mohd Yusoff**  
**Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan**  
**Perbadanan Menteri Besar Kelantan**

*\* Ambo bermaksud hamba. Allahyarham Tok Guru gunakan perkataan ini sebagai ganti dirinya, sebagai tanda merendah diri.*



Suatu pengiktirafan negara selayaknya dianugerahkan kepada Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) atas kejayaannya memimpin dan mengubah cara hidup rakyat Kelantan selama 23 tahun sebagai Menteri Besar Kelantan. Ia suatu nilai tamadun yang berjaya dipasak oleh seorang Tok Guru bertaraf ulama yang sentiasa menyuburkan peranannya sebagai murabbi ummah beralaskan ilmu, amal dan akhlaknya selama menyandang jawatan Menteri Besar. Sehubungan itu, penulisan ini mengambil sedikit sudut kejayaan daripada banyak sudut yang Tok Guru berjaya mengubah negeri Kelantan berkonsepkan minda seorang murabbi yang mentadbir negeri.

**Maksud Tok Guru**

Semasa Majlis Pelancaran Penghayatan Ramadan (27 Januari 1995), Tok Guru mengulas mengenai maksud 'tok guru' dari perspektif ilmunya. Menurutnya, bila orang panggil kita tok guru, ustaz dan sebagainya, ertinya orang meletak harapan yang begitu besar sekali kepada kita. Bagi seorang tok guru, kerjanya ialah membetulkan perangai, tingkah laku, kerenah, dan *fe'el* (perbuatan) manusia. Ia bersandarkan kepada maksud hadis: "*Aku hanya diutus menyempurnakan keluhuran akhlak.*" Maksudnya, bila Nabi Muhammad SAW tiada (wafat), maka tugas itu diteruskan oleh orang tertentu yang dalam bahasa Arabnya disebut ulama, dalam bahasa Melayu, kita panggil tok guru.

Sebelum itu, Tok Guru Nik Abdul Aziz pernah menyebut semasa *Forum Perdana Kelantan Membangun*

*Bersama Islam* (17 November 1994). Menurutnya, rakyat Kelantan menerima Islam sebagai ad-Din dan mereka undi parti yang memperjuangkan Islam sebagai ad-Din. Boleh jadi satu daripada sebab Allah SWT anugerahkan keistimewaan kepada Kelantan, iaitu ramai tok guru. Ada tok guru balik dari Mekah, balik dari Pattani, dia ada ilmu, kemudian buka pondok. Maka banyaklah tempat mengaji kitab jawi dan ramailah yang faham agama. Ini menunjukkan bahawa orang Kelantan telah dididik dengan fahaman agama sudah begitu lama. Apabila disebut undilah 'Islam sebagai ad-Din' dia boleh terima.

Ketika berucap di Markaz Tarbiyah di Taman Melewar bersempena '100 Hari Tok Guru sebagai Menteri Besar Kelantan' (19 Februari 1991), Tok Guru turut menyentuh berkaitan betapa berkesannya sebutan tok guru di sisi masyarakat. Menurutnya, bukan sekali dua berucap di Markaz Tarbiyah, tetapi kali ini sambutannya luar biasa. Apa sebabnya, boleh jadi kerana dulunya tok guru yang sama berucap (sambutan biasa sahaja), kerana ketika itu Tok Guru belum jadi Menteri Besar.

"Sekarang ini, tok guru gabung dengan Menteri Besar, menyebabkan kehadiran ramai pada malam ini," sebutnya dengan bersemangat.

Berdasarkan pemikiran Tok Guru tersebut, di sisi masyarakat Kelantan mahupun luar Kelantan, kalinah tok guru dan ad-Din amat rapat dengan nilai-nilai murabbi (mendidik ke arah keagamaan). Justeru kedua-duanya bersifat simbiosis. Dalam erti kata lain, tok guru-tok guru di Kelantan semenjak



**TOK GURU**

**MURABBI YANG MENGUBAH NEGERI**

*©Oleh Dr Wan Nik Wan Yusoff*



dahulu lagi berperanan sebagai murabbi kerana berjaya memandu kehidupan masyarakat demi menerapkan 'cara hidup' berteraskan agama. Justeru bila diajak untuk menghayati Islam sebagai ad-Din, maka boleh dianggap ia suatu premis tarikan dalam membina tamadun yang memuliakan agama dalam segenap aspek kehidupan. Lalu agama dari satu segi melengkapi keperluan (sebagai panduan) bermasyarakat dan masyarakat pula sentiasa memerlukan panduan agama demi melengkapi tamadun kehidupannya. Justeru itu Islam sebagai ad-Din adalah kalimah suci yang amat berpengaruh dalam membina tamadun ummah. Tepatlah dikatakan pemikiran Tok Guru bertapak di atas premis sebegini.

Sesungguhnya pemikiran sedemikian dilihat sebagai satu kekuatan berteraskan nilai agama (Islam) yang paling berharga. Oleh itu, di sisi Tok Guru kekuatan agama hendaklah dipraktikkan dalam urus tadbir kerajaan negeri tatkala diamanahkan sebagai Menteri Besar. Ia menepati suasana sosiologi rakyat Kelantan yang berteraskan sistem kehidupan Islam, iaitu suatu sistem nilai yang sudah tertanam semenjak abad ke-18 hasil berkatnya tok guru-tok guru kita yang berperanan sebagai murabbi.

### **Dasar pentadbiran**

Peranan sedemikian telah diteruskan berikutan kehadiran Tok Guru di kerusi kuasa pentadbiran negeri. Hasilnya sistem yang terabai (akibat penjajahan British) itu berjaya disuburkan dalam bentuk peraturan dan pekeliling pentadbiran. Tok Guru tidak perlu menunggu lama untuk mengisytiharkan dasar Membangun Bersama Islam dengan tiga teras iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan.

Dasar Membangun Bersama Islam telah merasmikan Kelantan ditadbir menurut sistem Islam dan Tok Guru adalah arkitek yang telah menggubal arahan dan peraturan pentadbiran yang mesra syariah. Di antaranya amalan membuka majlis dengan bacaan al-Fatihah) dan menutup majlis dengan bacaan tasbih kafarah dan surah al-Asr, arahan menyimpan wang kerajaan di bank bebas riba, peraturan menutup aurat, pengawalan premis minuman keras (arak), penutupan premis judi, galakan menderma melalui Tabung Serambi Mekah dan diikuti dengan penggubalan enakmen Kanun Jenayah Syariah, dasar-dasar sosial dan kebudayaan serta ekonomi yang memacu pembangunan berkonsepkan mesra syariah.

### **Misi mengubah cara hidup**

Apa yang pasti, sejak dari awal Tok Guru menjadi Menteri Besar, beliau telah pun berusaha menjayakan misinya dengan cemerlang untuk mengubah masyarakat Kelantan dengan ilmu Islam bagi memastikan kehidupan berteraskan Islam berkembang baik. Sebagaimana disebutkan oleh Tok Guru semasa berucap di Majlis Sambutan

Ulang Tahun ke-3 Kerajaan Angkatan di Balai Islam Lundang (21 Oktober 1993), kerja utamanya apabila diamanahkan sebagai Menteri Besar ialah untuk mengubah cara hidup rakyat Kelantan kepada cara hidup Islam yang sebenar.

Bagi Tok Guru, apabila berfikir secara Islam, maka kebaikan Islam akan diterjemahkan dalam pelbagai cara dan akan berlakulah kehidupan beragama yang mengutamakan suruhan Allah dan sunnah Nabi.

### **Sambutan semua kaum**

Sesungguhnya, cara pendekatan dan misi Tok Guru tersebut mendapat sambutan termasuklah kaum bukan Islam pun turut bersetuju. Tambahan pula misi itu turut diterapkan dengan unsur dakwah apabila Tok Guru sendiri hadir di majlis-majlis anjuran kaum bukan Islam seperti perayaan Tahun Baru Cina dan majlis di Wat Siam.

Pernah satu ketika, Tok Guru mempercepatkan mesyuarat atas sebab untuk hadir ke majlis meraikan pelantikan Ketua Sami Buddha di Pasir Mas. Meskipun begitu, Tok Guru sempat menjelaskan tujuan kehadirannya adalah untuk menyampaikan pandangan Islam dalam konteks masyarakat yang pelbagai agama.

Di antara ayat yang selalu disebutkan oleh Tok Guru dalam majlis orang bukan Islam ialah maksud surah Al-Hujurat, ayat 13; "*Wahai manusia! Sungguh, Kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenali. Sungguh, yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa. Sungguh, Allah Maha Mengetahui, Maha Teliti*".

Dalam suasana yang lain, Tok Guru juga acap kali menyebut, "hakikat kejadian manusia ialah Allah ciptakan Adam dan dari Nabi Adam inilah bercambahnya pelbagai keturunan manusia yang berkembang biak ke seluruh pelusuk alam. Walaupun ia sekarang dilahirkan sebagai Melayu, Cina, Siam, India, Orang Asli dan sebagainya, tetapi datuk kita semua adalah Adam. Jika tidak mahu terima Nabi Adam sebagai datuk kita semua, cuba tunjukkan dalil, bahawa ada datuk yang lain. Jika tidak, terimalah yang kita ini dari satu keturunan."

Kata-kata Tok Guru tersebut secara tidak langsung memberi mesej iaitu masyarakat manusia yang pelbagai kaum hari ini tidak perlu berbalah, walaupun berbeza warna kulit, adat resam, bahasa, agama dan keturunan. Apa yang penting, kita semua perlu hidup dengan saling menghormati dan mengamalkan keharmonian dalam kehidupan.

### **Falsafah keharmonian**

Berdasarkan falsafah kepelbagaian kaum yang dipegang oleh Tok Guru di sepanjang pentadbirannya,





*Tok Guru menyantuni tetamu dari pelbagai kaum.*

Kelantan sering dijadikan rujukan keharmonian dan kesejahteraan hidup masyarakat pelbagai kaum. Orang bukan Islam yang minoriti sekitar lima peratus sahaja daripada komposisi penduduk, tetapi layanan kerajaannya tanpa diskriminasi.

Malah banyak program yang dilaksanakan mengambil kira falsafah keharmonian. Tok Guru mengarahkan pelantikan (lantikan politik) wakil kaum sebagai penghulu, ahli Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dan juga Majlis Daerah serta dalam agensi kerajaan seperti di Urusetia Penerangan.

Selari dengan itu juga, diperingkat parti diwujudkan portfolio hubungan antara kaum. Mengambil kira latar keharmonian yang dimulakan oleh Tok Guru di Kelantan inilah, pihak parti turut mengembangkan sayapnya lalu ditubuhkan Kelab Penyokong (Oktober 2004) dan kemudiannya dinaik taraf menjadi Dewan Himpunan Penyokong (10 Januari 2010).

### **Tok Guru dalam kenangan**

Ketokohan Tok Guru sebagai pemimpin gerakan politik, dakwah dan pentadbiran sentiasa disebut sepanjang masa. Sehingga kini, ramai rakan seperjuangannya termasuk bukan rakan seperjuangan

(lawan dan kenalan) sedia berkongsi pengalaman dan boleh berbicara serta bercerita mengenai kepimpinan atau legasi Tok Guru. Ia menunjukkan Tok Guru telah meninggalkan sesuatu yang berharga buat kita semua.

Apa yang pasti 'sepeninggalannya' ramai insan yang tidak akan luput dalam ingatan sepanjang pengalaman bersamanya. Realiti sedemikian sewajarnya dapat dinukilkan untuk paparan generasi akan datang. Justeru penulisan ini sempat merujuk semula beberapa pandangan rakan dan pemimpin seperjuangan mengenai pengalaman mereka bersama-sama Tok Guru.

### **Kasih rakan seperjuangan**

Seorang rakan seperjuangan, bekas ADUN Limbongan, Drs. Zainuddin Awang Hamat (baca Cikgu Din) menceritakan peristiwa penting yang dihadapinya ketika beliau sakit tenat pada tahun 2006. Beliau telah dimasukkan ke hospital sebanyak dua kali dalam keadaan tidak sedarkan diri. Lalu ada pihak yang memberitahu Tok Guru (sewaktu mesyuarat EXCO berlangsung).

Terungkap kata-kata Tok Guru, "lebih baik Allah ambil anaknya daripada Cikgu Din tiada." Suatu



*Tok Guru mengamalkan keharmonian hidup beragama.*



kata-kata yang merujuk kepada kasih dan sayangnya Tok Guru kepada anak buahnya dan secara tersirat kata-kata itu juga merujuk kepada perlunya kestabilan kerajaan negeri yang akan hilang suara majoriti sekiranya berlaku apa-apa yang tidak diingini terhadap ADUN di sebelah kerajaan negeri (kedudukan kuasa kerajaan dengan kelebihan satu kerusi). Berkat daripada kata-kata Tok Guru itu, semua ahli jemaah (dalam parti) telah mengadakan solat hajat untuk kesihatan Cikgu Din dan keselamatan kuasa kerajaan negeri.

### Pujian kawan

Demikian pula, sewaktu Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah (1990-1996), kawan-kawan daripada Parti Semangat 46 turut dilantik sebagai Ahli EXCO Kerajaan Negeri, dan Pengerusinya Dato' Rozali Isahak adalah Timbalan Menteri Besar II. Sewaktu berkongsi pengalamannya, Rozali Isahak menyifatkan Tok Guru adalah seorang pentadbir yang baik biarpun beliau tidak berpengalaman.

wakil rakyat yang berjumpanya atas kerana mahu membolot hasil kerajaan negeri. Sambil itu, menurut Rozali lagi, sekiranya ada perkara yang tidak betul, cukup hanya 'menjegli mata' sebagai tanda amaran, wakil rakyat atau pegawai kanan kerajaan negeri tidak akan berani lagi.

### Pengiktirafan antarabangsa

**Satu catatan sejarah gemilang buat Tok Guru ialah beliau terkenal hingga ke peringkat antarabangsa. Ini kerana Tok Guru satu-satunya pemimpin bertaraf ulama di rantau ini yang berjaya memposisikan gaya kepimpinan Islamik di dalam mentadbir negeri. Ditambah lagi dengan kedudukannya sebagai Mursyidul Am PAS, sebuah gerakan Islam kontemporari, apabila sebagai Menteri Besar, berupaya merancang dan mengubah sistem pentadbiran (order penjajah) kepada sistem Islam.**



*Tok Guru bermesyuarat bagi mencapai kata sepakat.*

Menurutnya lagi, Tok Guru seorang yang mudah (terbuka), bersedia menerima pandangan dan tunjuk ajar dari orang yang berpengalaman berhubung pentadbiran kerajaan negeri.

"Antaranya, pandangan dan nasihat dari timbalan-timbalannya, Penasihat Undang-Undang atau dari anggota EXCO, dan Setiausaha Kerajaan Negeri, sering diterima malah menjadi rujukannya. Kerana itu Tok Guru berjaya menjadi seorang pentadbir yang baik," ujarnya.

Bagaimanapun, menurut Rozali tidak semestinya pandangan yang diberikan akan diterima begitu sahaja, biasanya Tok Guru akan menilai atau merujuk terlebih dahulu dari sudut keagamaan (dengan kehendak Islam).

Rozali turut memuji Tok Guru apabila Tok Guru tidak membiarkan dirinya melayan mana-mana

ia berlaku di bawah payung demokrasi bukannya monarki, rakyatnya boleh menilai setiap lima tahun sekali semasa pilihan raya. Namun Tok Guru tetap mendapat mandat kuasa selama enam kali pilihan raya (1990, 1995, 1999, 2004, 2008 dan 2013).

Justeru itu, pihak *The Royal Islamic Strategic Studies Centre* yang berpusat di Amman, Jordan telah menyenaraikan ketokohan Tok Guru di dalam senarai buku "*The 500 Most Influential Muslims*" (diterbitkan pada tahun 2009).

Maka di dalam senarai 50 teratas (daripada 500 orang) nama Tok Guru Nik Abdul Aziz menduduki tempat yang ke-42. Menurut sumber Pusat tersebut (di bahagian pengenalan buku), "Kita cuba untuk mengetengahkan mereka yang berpengaruh dalam kalangan Muslim, dan pengaruh mereka dinilai hasil amalan ajaran Islam ataupun pada hakikatnya mereka adalah seorang Muslim yang berpengaruh."





**42**  
**DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ NIK MAT**  
 Religious Guide of the Islamic Party of Malaysia

Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat is a Malaysian politician, an Islamic scholar and the current chief minister of the State of Kelantan. He holds the position of *Mursyidul Am*—the religious guide—within the Pan-Malaysian Islamic Party (PAS).

**Scholarly Influence over Malaysian Politics**  
 As the religious guide of the Pan-Malaysian Islamic Party, Nik Mat is the spiritual leader of Malaysian Islamic politics and holds very important sway over the tenor of politics in the nation. His advocacy of *sharia* law to be applied to all Malay Muslims has, however, drawn criticism, especially his suggestion that women would be at a lower risk of being raped if they abandoned wearing lipstick.

**Political Importance in Malaysia**  
 Nik Abdul Aziz's fundamentalist party has close to one million members and enjoys strong support from the northern rural and conservative states such as Kelantan and Terengganu. Nik Mat is the chief minister of the Kelantan state, the only one of Malaysia's thirteen states that is not ruled by the governing coalition.

**Country:** Malaysia  
**Date of Birth:** 1931  
**Source of Influence:** Administrative, Political, Scholarly  
**Influence:** Spiritual leader of largest Islamic political party in Malaysia  
**School of Thought:** Traditional Sunni

**Murabbi Ummah**

Selain daripada ketokohan dalam kepimpinan, Tok Guru bagi kalangan warga Kelantan, khususnya pencinta ilmu akan menyifatkan beliau sebagai murabbi ummah. Ini kerana setiap percakapannya, sama ada formal atau tidak, pasti sarat dengan falsafah, bimbingan dan poin yang mendidik. Di sini



*Tok Guru memanfaatkan masa terluang dengan membaca.*

dipaparkan beberapa nilai ilmu dan pedoman yang terungkap daripada Tok Guru.

Di antara kata-kata yang dijadikan rujukan pihak pentadbiran ialah sewaktu merasmikan majlis sambutan Hari Kualiti Peringkat Negeri Kelantan di Dewan Bunga Teratai, Kota Darulnaim (24 Zulkaedah 1430H/12 November 2009), Tok Guru mengemukakan falsafah pentadbiran berteraskan dasar Membangun Bersama Islam. Menurutnya, "(Pentadbiran) kerajaan negeri (berperanan) berasaskan tiga tuku jeram: Ubudiah, Mas'uliah dan Itqan. (Maka) semua kakitangan bertanggungjawab (untuk jawab) bukan sahaja kepada ketua masing-masing, tapi juga kena jawab di hadapan Allah di akhirat kelak."

Sambungannya lagi, "manusia ada 360 sendi. Anugerah sendi adalah nikmat Allah, maka ia satu nikmat untuk manusia bergerak. Caranya macam-macam, antaranya solat dhuha, zikir, tasbih dan bersyukur."

**Allah menjaga manusia**

Pada majlis yang sama, Tok Guru turut menyentuh aspek ketuhanan. Menurutnya, "Banyak belanja Allah untuk pelihara (kehidupan) manusia (kerana) 24 jam Allah duk jaga kita."

Dalam konteks itu, Tok Guru mengaitkan pula bahawa asas kualiti bukan sekadar beriman, tapi kena beramal dengan cemerlang, sesuai dengan seruan Allah "wahai orang-orang beriman, beramallah dengan amalan yang baik."

**Nikmat bahasa**

Demikian pula, Tok Guru turut prihatin terhadap persoalan bahasa ketika menerima kunjung hormat Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ketika itu, (Dato' Termuzi Abdul Aziz) di Pejabat Menteri Besar (Mei 2009). Antaranya Tok Guru menyebutkan, "**bahasa merupakan nikmat yang tidak terkira yang dianugerahkan oleh Allah SWT ke atas seluruh manusia dan ia mesti digunakan sepenuhnya dalam berkomunikasi sesama manusia.**"

Bagi Tok Guru, nikmat itu harus diberi nafas baru setiap tahun. Oleh itu, Tok Guru mencadangkan pihak DBP memperluaskan kempen perayaan Bulan Bahasa Melayu bagi memberi kesedaran terhadap kepentingan penggunaan bahasa ibunda dalam setiap aspek kehidupan harian rakyat.

**Baca blog kerana ilmu**

Satu perkara lagi yang menarik mengenai Tok Guru ialah keupayaannya menghujahkan persoalan semasa dari sudut murabbinya. Antaranya, ketika menyampaikan Kuliah Pagi Jumaat di Medan Ilmu, Kota Bharu (15 Januari 2010), Tok Guru mengulas etika penggunaan media baru berkaitan penulisan blog.



**Bagi Tok Guru, "kita baca blog kerana nak ilmu. Tapi kalau apa yang dituliskan blogger itu banyak perkara yang berunsur provokasi dan fitnah, apa ilmu yang kita dapat? Itu maknanya lebih kepada perbuatan mengumpat. Tambah pula jika tulisannya itu dengan niat nak melaga-lagakan orang. Kalau molek (betul) tak apa," sambungnya lagi.**

### **Royalti minyak hak kita**

Demikian pula, Tok Guru ada ketikanya menyampaikan *taujiht* (nasihat yang mendalam) yang boleh menyuntik semangat dalam kalangan kepimpinan bersandarkan isu-isu kenegaraan.

Misalnya, di dalam Usrah Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan (13 November 2009), Tok Guru ada menyebutkan betapa kerajaan Pusat yang tidak ada bumi, tidak ada setitik minyak yang keluar atas nama Pusat. Sebaliknya, Kelantan yang ada bumi, yang ada hasil minyak, maka sepatutnya Pusat yang terima ehsan bukan Kelantan. Maka logiknya Negeri [Kelantan] tuntutan royalti kerana ia hak kita di Negeri.

Justeru *taujiht* itulah yang menjadi penyuntik semangat anak-anak muda Kelantan bangkit menerusi pertubuhan menuntut Royalti 'R' yang kemudiannya menjadikan Tok Guru sebagai ikon perjuangan mereka. Sehingga kini, isu keingkaran Pusat membayar royalti kepada Negeri telah dijulang di persada nasional dan pihak kerajaan Negeri telah membawa kes keingkaran itu ke mahkamah.


### **Penutup**

Demikianlah catitan dan kutipan pengalaman bersama-sama Tok Guru, seorang tokoh murabbi yang memimpin Kelantan selama 23 tahun. Selama itu, titipan murabbinya begitu banyak mengubah senario pentadbiran dan cara hidup warga negeri Kelantan.

Justeru amat tepat dasar pentadbiran kerajaan negeri berbunyi, "Membangun Bersama Islam – Kelantan Menerajui Perubahan." Kini pula, dasar itu sedang disambung oleh Menteri Besar, Ustaz Ahmad Yakob, penerus legasi Tok Guru.

Teringat kita kepada pesanan Tok Guru (di Majlis Sambutan 23 tahun Kelantan Membangun Bersama Islam di Perkarangan Stadium Muhammad IV, 21 Oktober 2013);

**"Kita kena ingat barang lagu ni (bumi Kelantan ini hak Allah) hanya Islam yang sebut macam tu dan Islam dari Allah. Inilah benda-benda hak kita buat di Kelantan (dasar Membangun Bersama Islam) perlu kita jaga mmolek, jangan ada daripada kita buat kacau, kita panggil buat kacau benda hak siap dah ni, buat kacau jangan, berdosa besar, jaga mmolek, keadaan susunan yang ada di Kelantan khasnya."**

Semoga Allah memuliakan Tok Guru Haji Nik Abdul Aziz di atas segala titipan murabbinya yang mengubah negeriku, Kelantan Darul Naim. 



*Tok Guru mengetuai solat hajat di Stadium Sultan Muhammad IV.*



*Firman Allah SWT yang bermaksud; "Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya, hanyalah orang yang berilmu, Sesungguhnya Allah Maha berkuasa, lagi Maha Pengampun." (Surah Al-Fathir: Ayat 28)*

*Sabda Nabi SAW yang bermaksud; "Seorang ulama yang menggunakan ilmunya untuk mencari keredaan Allah maka segala sesuatu akan tunduk dan kagum padanya. Tetapi jika dia menggunakan ilmunya hanya untuk mendapatkan harta dunia, maka hilanglah segala sesuatu darinya" (Hadith riwayat Al-Dailami)*

Ulama sering diterjemahkan sebagai pewaris nabi-nabi. Ia dipaksakan atas dasar ilmu, iman, taqwa, takut bimbang (dari melanggar perintah Allah) dan istiqamah. Kerana itulah nabi SAW menggesa umatnya supaya "memuliakan ulama kerana sesungguhnya mereka memuliakan Allah dan Rasul-Nya" (Riwayat Imam Khatib dari Jabir).

Ertinya, syarat kemuliaan ulama adalah dengan indikator 'ulama itu', memuliakan Allah dan Rasulnya. Prasyarat ini adalah selari dengan tafsiran ayat di atas. Sayugia seorang ulama yang rabbani adalah mereka yang takutkan Allah dalam

melakukan sebarang maksiat.

Parameter ini juga melebarkan takrifan ulama sebagai mereka yang tidak tunduk kepada ugutan dan tidak hanyut dengan buaian dunia. Tidak menjual agama demi kemewahan dunia. Tidak menjadikan agama sebagai tali pacu kemewahan hidup.

**Tanpa mampu disangkal sesiapa, ilmu yang disifatkan sebagai mahaguru kerana mindanya sarat dengan hujahan al-Quran dan Hadis, sifatnya serta akhlak zuhud, jujur dan paling penting kehebatan rohaninya tersingkap dengan sejernih raut wajah serta sifat rendah hati. Itulah personaliti seorang ulama, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Hj Nik Mat, juga seorang pemimpin ulung yang dikenali sebagai umara.**

**Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz; Seorang Ulama**

Muslim berprinsip sering dikaitkan dengan neraca akademik, jujur dan ikhlas dalam memperkatakan sesuatu yang berkaitan dengan ilmu dan kebenaran. Jalurnya sememangnya begitu. Disiplin ilmu yang melingkari setiap tahap akademik setiap muslim.

**Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat**

# PERSONALITI ULAMA & UMARA

*Oleh Muh Na Abdullah*





Jika diamati Tuan Guru secara akademik melalui analisa tindakan, pendirian dan siri-siri ucapan sama ada semasa sesi tazkirah, bacaan tafsir mingguan, khutbah mahupun ucapan rasmi kerajaan juga mengangkat perkara yang sama. Beliau sering menggunakan hujahan akademik dengan lidah jujur dan ikhlas mengharap redha Allah SWT.

Penulis mengutip beberapa persamaan yang boleh dibuat antara personaliti Tuan Guru sebagai seorang ulama yang ikhlas serta kemulusan muslim yang menjunjung prinsip ilmu dan amanah akademik. Persamaan tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Sama-sama berpegang kepada Islam.
2. Orientasi ilmu, data, fakta dan maklumat.
3. Sama-sama menjunjung amanah khalifah yakni masing-masing wajib mengabdikan diri kepada Allah SWT sepenuhnya.
4. Tidak menggunakan ilmu semata-mata untuk kepentingan dunia.
5. Sama-sama memimpin umat dengan ilmu yang terpasang dihujung lampu suluhnya. Dia menerangi dirinya dan menunjuki umat haluan hidup yang paling selamat dunia dan Akhirat.

Kesemua persamaan ini menepati parameter ilmu-an ataupun ulama. Persamaan yang dicatatkan hanyalah sebagai suatu pembuktian bahawa keikhlasan Tuan Guru dalam menyampaikan kebenaran bertunjangan personaliti beliau sebagai ahli akademik dan ulama profesional yang memimpin umat ke jalan rahmat.

Ketegasan Tuan Guru sebagai ulama dibuktikan dengan keberanian beliau menegur kesilapan umara. Surat beliau kepada Barack Obama, Presiden Amerika Syarikat yang ke-44 lama dulu dan beberapa siri teguran kepada pemerintah sekalipun telah bersara adalah menjadi bukti keikhlasan ulama. Beliau berdakwah kepada Barack Obama berkenaan dengan silap tanggap barat terhadap Islam atas nama keganasan dan memperkenalkan Islam sebagai agama keamanan.

**Tuan Guru juga telah menaikkan nama ulama dalam kalangan rakyat dengan kemampuan mentadbir Kelantan sebagai Menteri Besar selama 23 tahun dengan banyak perubahan. Keberanian jiwa ulama, hasil didikan dari ayahandanya sehingga merantau jauh ke negara orang mendalami ilmu agama dengan sekatan judi, arak dan konsisten menolak riba dalam amalan bank simpanan kerajaan dan perniagaan serta beberapa enakmen kawalan hiburan adalah suatu bukti ketegasan.**

Tuan Guru mempraktikkan ilmu yang dipelajari tanpa takut hilangnya pengaruh. Beliau bertegas dalam perkara-perkara fardhu ain umat Islam, malah fardhu kifayah semampu yang beliau dapat kuasai. Sekalipun demikian akhlak ulama yang dipakainya juga menjadikan bukan Islam dilayan secara sama rata.

## **Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz; Seorang Umara**

Jika diteliti terdapat beberapa faktor yang menjadikan Tuan Guru seorang pemimpin yang hebat. Anugerah Hadiah Nobel Keamanan Asia 2008 kepada beliau oleh Yayasan Bary Gusi di Manila memberikan nilai tambah dalam melengkapkan pengiktirafan dunia terhadap jiwa kepimpinan yang telah tersedia ada. Pada tahun 2009, beliau diletakkan diantara 50 tokoh Islam berpengaruh di dunia dan disenaraikan dalam buku berjudul "The 500 Most Influential Muslims (rujuk muka surat 16).

Jika diamati personaliti Tuan Guru ini, dapatlah kita simpulkan bahawa beliau bukanlah lahir lantas dengan mudah diangkat sebagai pemimpin. Sejarah pengajiannya merentasi zaman. Ketika anak-anak muda melayu pada zamannya sedang asyik bertani dan bersawah, Tuan Guru dihantar ayahnya belajar hingga ke India dan Mesir.

Beliau bukanlah anak Melayu biasa tetapi seorang pemegang sarjana Perundangan Islam Universiti Al-Azhar sekitar tahun 60-an. Itu suatu yang luar biasa. Banyak perkara kalau dikaji akan menjelaskan kenapa Tuan Guru ini adalah seorang manusia biasa yang telah mencipta aura kepimpinan yang luar biasa.





Penulis titipkan enam analisa faktor yang sering diperkatakan orang mengenai beliau sebagai seorang pemimpin berpengaruh sebagaimana berikut.

1. Keturunan; susur-galur keturunan bangsawan Kelantan ini dikatakan miliki aura kepimpinan keluarga.
2. Budaya ilmu, disiplin ilmu dan persekitaran akademik yang cemerlang sejak zaman kanak-kanak. Ilmu Al-Quran dan Hadis yang memandu beliau menjadi umara yang wasatiah dan berpandangan jauh menuju Akhirat.
3. Beliau telah melalui enam zaman pemerintahan atau enam era pentadbiran Perdana Menteri.
4. Kerangka fikrah Tuan Guru dibina di atas Al-Quran, Hadis, Ijma' ulama dan Qias sepenuhnya.
5. Original; Beliau tidak tiru-tiru dan semestinya watak kepimpinannya tidak dibuat-buat. Keikhlasan dan amanah dalam hidup menjadikan kepimpinan beliau selari dengan kehendak rakyat.
6. Autentik (benar dan tidak palsu) dan menghantar aroma Islam yang dibuktikan sesuai dengan semua zaman.

Jika diteliti dengan mendalam, secara keseluruhannya pemikiran Tuan Guru bersifat *tajdid*. Dia mengajak orang kepada perkara-perkara biasa yang sering disebut dan diseru oleh segenap nabi dan Rasul.

Tuan Guru telah menggali dan meletakkannya di tengah-tengah masyarakat. Islam dan iman, al-Quran dan as-Sunnah, dosa dan pahala telah disebut-sebut semula dengan terjemahan yang mudah difahami melalui contoh-contoh setempat. Atau lebih tepat, beliau mengingatkan semua umat akan pimpinan al-Quran yang bersifat 'Ar-Rahman' yakni amat pemurah dengan tunjuk ajar yang dihadihkan oleh Allah yang bersifat dengan segala sifat 'ar-Rahim'.

Oleh kerana berpuluh tahun, mesej-mesej pembaharuan ini diulang secara konsisten, ia secara berperingkat membentuk atau memperbaiki kerangka pemikiran umat agar menjalani proses 'redefinition'.

### **Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz; Personaliti Ulama dan Umara**

Personaliti Tuan Guru sebagai ulama dan umara seharusnya dilihat dari kaca mata rentak dan corak pemikiran. Dibesarkan dalam keluarga orang alim yang baik-baik dan belajar dengan sistem yang bercikan penjajah menjadikan beliau punyai cara dan rentak fikir tersendiri.

Penulis himpunkan sebahagian analisa yang telah dibuat mengenai rentak dan corak pemikiran penerima anugerah Hadiah Nobel Keamanan Bary Gusi 2008 ini sebagaimana berikut:

1. Bercorak mencabar 'status quo'.

Adakala mengajak orang kembali kepada yang asal (fundamental). Ada masanya mengajak orang berfikir (think). Ada masanya dia mengajak khalayak berbicara dan bingkas melawan (to react, be reactive and interactive).





## 2. Bercorak berfikir di luar kotak.

Diajaknya orang tidak terlalu ghairah untuk terus-terusan menunaikan haji (hinggakan ada yang sampai 10 kali – misalnya). Lalu beliau anjurkan duit yang sama dimanfaatkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berpahala dipelbagai lapangan lain.

## 3. Kaedah 'kembali semula ke kotak asal' (To revisit the same box).

Beliau sering menggunakan pendekatan mengajak manusia untuk fokus kepada masalah asal dan merawat sesuatu bermula dari akar umbi. Penyelesaian setiap masalah adalah fokus dan tidak meleret-leret.

## 4. Manusia berasal dari mana, di mana kita kini dan masuk ke mana nantinya.

Pertanyaan sebegini sering dijadikan lontaran dalam majlis-majlis ilmu dan pertanyaan ini akhirnya akan menatijahkan manusia yang sedar diri dan penuh tanggungjawab dalam melakukan segala sesuatu di dunia ini.

## 5. Manusia ini dicipta.

Manusia sifatnya lemah dan amat berkehendak kepada Pencipta. Tuan Guru seolah memberi ingat akan hakikat Allah adalah Tuhan dan manusia adalah hamba. Seharusnya hamba mematuhi Allah SWT.

## 6. Manusia berasal dari Adam dan kita umat yang satu.

Ia memberi kesan muhibah dan perpaduan kaum. Islam adalah agama yang merentasi bangsa dan kaum. Islam untuk semua.

## 7. Di hujung dunia ini ada hari pembalasan, kematian, pahala, dosa, syurga, dan neraka.

Pemikiran Tuan Guru juga harus dilihat secara ciri dan jalurnya. Ciri-ciri pemikiran tersebut mewarisi kepimpinan nabi kerana beliau adalah ulama. Penulis kutip pandangan akademik dalam soal jalur dan ciri pemikiran Tuan Guru sebagaimana berikut:

1. Unik, original dan 100% Islam. Dalam poketnya semua bahan adalah Islam.

2. Ia tidak *klise*, tetapi berdiri berasingan, sekalipun kerap menyalahi konvensional.

3. Islam wajib memimpin, bukan diatur, dipapah dan dipimpin bagi memenuhi hajat keduniaan.

4. Bukan jenisnya Islam itu di bawah. Ia mesti di atas dan sentiasa di atas. Islam jenisnya memerintah dan bukan diperintah. Islam menyuruh (*direct*) dan bukan disuruh (*direct to do this and that*).

5. Sebarang usaha meminggirkannya atau berkongsi kuasa dengannya adalah sejenis syirik.

6. Islam ini universal. Ciri-cirinya global tanpa sempadan. Ia lahir dan dicipta oleh Allah yang bersifat universal, menguasai, Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui.

7. Islam bersifat sejagat. Islam juga boleh dipadankan dengan isu-isu lokal, nasional dan global. Ia boleh menangani perkara magik dan mistik. Ia juga boleh menjawab persoalan kedamaian, persaudaraan etnik, bahasa dan bangsa.

8. Mempercayai Islam itu *multi-dimensional* dan kuasa yang tidak dikendalikan oleh Islam akan menjadi kuda liar. Ia boleh merempuh sempadan dan kedaulatan Tuhan. Untuk itu, kuasa perlu dikuasai. Demokrasi adalah wasilah dan ia bukan matlamat. Ia cuma sekadar perkakas atau alat.

9. Menggunakan demokrasi sebagai pentas. Semasa hangat istilah Islam Hadhari, Tuan Guru pernah menyebut cabaran berbunyi "saya sentiasa bersedia untuk bermuzakarah mengenai Islam hadhari. Pilihlah hari dan masa. Sebutkan. Jika malam sekalipun saya akan datang".

10. Dalam isu terbaru penentangan terhadap Presiden Mesir Mohamad Morsi, Tuan Guru menulis, "hari ini Mesir berdepan dengan satu lagi krisis ciptaan golongan sekular yang enggan mengaku kalah di gelanggang demokrasi. Demokrasi ialah ciptaan barat, ia bukan ciptaan Islam tetapi nilai-nilai demokrasi diterima dan diiktiraf sebahagiannya oleh Islam. Sayangnya, apabila tiba saat rakyat membuat pilihan menolak pemimpin yang pro-Barat, pada masa itulah demokrasi dinafikan dan sekular akan mengeluarkan pedangnya yang sebenar untuk memancing demokrasi." Ia menunjukkan bukti bahawa Tuan Guru juga seorang yang menghormati prinsip demokrasi kerana jalur nilai yang ada dalamnya diterima dalam Islam.

## **Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Dan Gagasan Rohaninya**

Penulis sekadar mahu kongsi kenyataan yang pernah dinukilkan oleh Tuan Guru. Ia barangkali boleh menjelmakan gagasan rohaninya yang rabbani.

"Sudah menjadi kebiasaan atau sunnah setiap sesuatu yang dijadikan oleh Allah itu mesti ada teras atau tiangnya. Kalau pokok ia ada akar tunjang, kalau manusia dijadikan jantung hatinya, kalau bangunan ada tiang serinya. Begitu juga dengan agama. Ia juga mempunyai teras atau tiang yang berfungsi sebagai perisai daripada segala macam



jenis pencerobohan yang boleh meruntuhkan. Jadi, tiang bagi Islam ialah solat.”

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Solat itu tiang agama.

Oleh itu, bagi seseorang muslim, Islam tidak memberi erti kepada sesiapa pun seandainya mereka tidak mendirikan solat. Bagi individu, bersolat adalah sumber bagi kekuatan jiwa atau rohani mereka. Kalau tulang empat kerat ini adalah asas dan sumber kekuatan jasmani, maka solat pula adalah asas dan sumber kekuatan rohani mereka.” (Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat)

Gagasan rohani yang cukup nutrisi ini bagaikan melengkapkan personaliti Tuan Guru. Ia cukup sifat. Cerdik luaran dan padat kerohanian. Pदानlah jika diperhatikan beberapa idea Tuan Guru yang lahir dari kantung rohaninya, mahu mendidik manusia supaya mentaati Allah dengan mengajar mereka akan hakikat iman.

Penetapan bulan Rejab sebagai bulan solat, penutupan sementara kaunter perkhidmatan dan jualan bagi memberikan ruang kepada muslimin menunaikan solat Jumaat, kempen menutop aurat, galakan meramaikan huffaz, dan ilham masjid Tiga Budaya (Rantau Panjang) simbolik kepada sikap terbuka serta toleransi yang diamalkan dan banyak lagi.

Nukilan Datin Tuan Sabariah, isteri Tuan Guru dalam novel lakaran isi hati seorang pejuang ‘Bidadari Dari Timur’ juga menemukan penulis dengan gagasan rohani Tuan Guru yang wajar diteladani.

Penulis sekali lagi bawakan petikan sebagaimana berikut:

“Perlahan-lahan aku menuruni birai katil, mengintai ke ruang solat keluarga kami. Pasti dia sedang

bertahajud, kerana kedengarannya sedang merintih doa kepada Rabbul ‘Alamin. Sengaja aku bertimpuh di balik pintu mendengar rintihan hati seorang suami buat Tuhannya;

**Ya Allah Ya Aziz Ya Rahman Ya Rahim  
Pengetahuanku pada kemurahan-Mu  
Itulah yang memberhentikan aku di pintu-Mu  
Bagaimana aku akan kecewa?  
Sedangkan Engkau harapanku  
Bagaimana aku akan hina?  
Sedang Kaulah tempat sandaran  
Bagaimana aku akan mulia berbangga?  
Sedang Engkau menempatkan  
dalam lemah dan hina  
Bagaimana aku akan miskin?  
Padahal Engkaulah yang mencukupkan.  
Hidupkanlah hati-hati ini  
dengan Makrifat-Mu,  
matikanlah kami  
sebagai pejuang agama-Mu,  
puaskanlah keluargaku dengan aturan-Mu  
berbanding aturan kami sendiri,  
bantulah aku dalam menunaikan  
tanggungjawab selaku pemimpin,  
ingatkanlah aku  
bahawa aku hanya seorang hamba  
supaya tidak lupa.  
Ya Allah... perkenankanlah permintaan ini.**

Segera doa kudas itu turut ku aminkan di balik daun pintu. Getar suaranya tadi seperti sedang menangis pilu. Sungguh aku tidak sanggup mendengarnya. Dalam suram itu, dia menangis di hamparan sejadah. Kelihatan susuk tubuhnya kurus, lemah daripada biasa.” (Bidadari Dari timur, Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak)

Tuntasnya itulah Tuan Guru. Gagasan rohani inilah yang memberikan ilham buat Tuan Guru dalam memacu pembangunan Kelantan seiring pembangunan manusia.





## Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Dari Kaca Mata Seorang Isteri

Penulis sengaja memasukkan sub-topik ini sebagai kupasan akhir menceritakan tentang Tuan Guru. Semulia-mulia lelaki adalah mereka yang membahagiakan isteri. Itulah mafhum hadis yang seharusnya setiap lelaki ingati.

Justeru saya petik isi hati isteri kepada orang nombor satu di Kelantan ini dalam menggambarkan betapa bahagianya beliau memiliki seorang suami sebaik Tuan Guru.

**"Buat mereka yang tertanya-tanya, 'Indahkah dunia dengan menjadi suri hidup Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat?' Sudah tentu ada jawabnya yang sekian lama terkumpul di hatiku. Bolehlah aku simpulkan bahawa ia begitu bermakna. Dialah perkara terbaik yang pernah muncul dalam diari hidup ini. Dia membantu aku menemukan diri sendiri." (Bidadari Dari timur, Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak)**

Epilog bahagia seorang isteri kepada ulama serta pemimpin berjiwa besar yang menyentuh nurani ini bagaikan memberikan kita isyarat bahagia. Benarlah beliau lelaki yang membahagiakan isteri dan memuliakannya. Seorang ulama, umara, bapa dan suami yang berpersonaliti mithali.




## Kesimpulan

Dalam menyelesaikan tanggungjawab menghimpun cerita dan kajian bibliografi Tuan Guru Nik Abdul Aziz, lantas disatukan menjadi satu adalah perkara paling bermakna buat penulis sekalipun ia memakan sejumlah masa yang lama. Dalam pencarian dan bacaan itulah penulis temui hikmah. Tekun, sabar, ikhlas, bijaksana, jujur dan amanah. Ianya melengkapi personaliti Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Penulisan atas tajuk ini juga diharapkan tidak disalah erti. Hanya sekadar perkongsian personaliti insan yang wajar dicontohi. Penulis sedar bahawa semua manusia ada kelemahan dan kekurangan dan yang pasti akan ada di sana cacat cela selaku manusia. Hanya nabi manusia yang maksum segalanya. Sekalipun demikian, ulama dan umara pewaris nabi tidak wajar dicerca malah kebaikan yang ada seharusnya dijadikan teladan bersama.

**Justeru, Tuan Guru seorang ulama dan umara. Pemikirannya wajar diwacana, personalitinya seharus dijadikan contoh nyata dan gagasan rohaninya molek sekali dikongsikan semua sebagai penguat semangat terutama kita selaku anak muda.**

Benarlah kata pujangga. Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama dan Tok Guru pergi meninggalkan gagasan personaliti dan jalur pemikiran yang wajar sekali diteladani. 



## Rujukan:

1. Kias Pesan Murabbi Agung, Saifulamri Hussain
2. Hentian Terakhir, Terbitan Kemilau Publika
3. Tuan Guru Nik Abdul Aziz, Kepimpinan Gaya Nabi, Habibul Izzah Ahmad
4. Bicara Ini Demi Ilahi, Nik Abdul Aziz Nik Mat, Karya Bestari Sdn Bhd
5. Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Mohd Aizat Mohd Salleh al-Hafiz
6. Kemilau Peribadi Nik Abdul Aziz Nik Mat, Abdul Shukur Haron & Anual Bakri Haron
7. Pendirian Tuan Guru Nik Abdul Aziz nik Mat, Anual Bakri Haron
8. Bidadari Dari Timur, Tuan Sabariah Tuan Ishak & Ili Sarah Anual Bakri
9. Kertas Kerja Wacana Pemikiran Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan, Anual Bakri Haron, SPEK-TRUM Kaheerah, Mesir 2007.
10. Koleksi Ucapan Rasmi Menteri Besar Kelantan, Setiausaha Kerajaan Negeri
11. Arkib Harakahdaily ; <http://arkib.harakahdaily.net>
12. Arkib Terengganukite; <http://www.tranungkite.net>
13. Arkib The Malaysian Insider ; <http://www.themalaysianinsider.com>
14. Kamus Dewan edisi Keempat.



Pemergian insan yang amat dicintai begitu menguji ketabahan seorang insan bergelar isteri. Apatah lagi mahligai indah yang pernah dikongsi bersama terpahat kukuh selama 53 tahun. Datin Bentara Setia Tuan Sabariah Tuan Ishak, atau lebih mesra dengan panggilan Che Yah, permaisuri di hati Murabbi Ummah sejenak berkongsi kisah cintanya dengan mantan Menteri Besar Kelantan, Mursyidul Am Parti Islam Se-malaysia (PAS).

Pada 12 Februari tahun lalu, beliau kehilangan insan yang selama ini melengkapi hidupnya, seorang suami, seorang kekasih, seorang guru, seorang ulama. Biarpun lebih satu tahun Allahyarham pergi meninggalkannya, namun rasa rindu masih berbekas di hati.

Ada ketikanya beliau amat merindui Tok Guru. Rindu gurau sendanya, rindu pada kata-kata nasihatnya, rindu pada sikap 'manja' Tok Guru yang kadangkadangkang minta untuk baring di ribaannya setelah seharian melaksanakan tanggungjawabnya. Masih segar diingatanannya bagaimana Tok Guru pernah melahirkan rasa risau setelah beliau meninggal dunia, siapa yang akan menjaganya.

### Awal Perkahwinan

Mengimbu kembali kenangan di awal perkahwinannya, beliau memberitahu ianya diatur oleh ibu bapa

kedua-dua belah pihak. Walaupun masih bersekolah, beliau akur dengan kehendak orang tua, Tuan Ishak @ Ku Muda Raja Awang dan Tengku Zabidah Tengku Ibrahim. Beliau menerimanya biarpun baru berusia 14 tahun.

Walaupun pada awalnya ia hanyalah pilihan orang tuanya semata-mata, namun lama-kelamaan apabila kasih sudah berputik, akhirnya cinta mekar dan mengharum mewarnai mahligai keluarga mawaddah dan sakinah itu. Hasil perkongsian hidup, mereka dikurniakan 10 orang cahaya mata, lima lelaki dan lima perempuan, 62 orang cucu dan 5 orang cicit termasuk cicit kembar.

### Seimbang dunia dan akhirat

Biarpun Allahyarham memperoleh ilmu di beberapa buah sekolah pondok termasuk Universiti Deoband (India), Universiti Lahore (Pakistan) dan Universiti Al-Azhar (Mesir) dalam bidang agama, namun beliau tidak pernah jemu mencari ilmu.

"Tok Guru kata kita nak mengajar agama pada orang kena banyak ilmu dan ilmu perlu dicari tidak boleh dengan sebuah buku dan tidak boleh di satu tempat sahaja," ujarnya. Kitab-kitab ulama dunia terkenal yang diminatinya sama ada ditulis dalam Bahasa Arab atau Urdu diulang baca serta dijadikan koleksi peribadi.



**"Tok Guru sering mengingatkan-nya supaya sentiasa beramal untuk bekalan akhirat, kerana apa yang dilakukannya tidak boleh dikongsi dengan sesiapa, walaupun isteri yang paling dicintai."**

## Datin Bentara Setia Tuan Sabariah Tuan Ishak *Tok Guru tidak jemu mencari ilmu*

Oleh Salmah Husain Foto Ahmad Naime Muhammad





*Potret kenangan yang diabadikan bersama keluarga tercinta.*

"Di dunia arwah lebih banyak beribadat, mencari redha Allah, sebab itu walau dalam keadaan penat atau sakit di akhir hayatnya, arwah tetap gagahkan diri untuk bangun solat tahajud serta membaca al-Quran. Kalau penat, dia meminta anak-anak pula membacakan untuknya dan menegur sekali sekala sekiranya bacaan tidak betul," ujarnya.

**Sambunganya, apa yang diajarkannya kepada orang ramai, itulah yang dipraktikkan atau mungkin lebih lagi sebagai bekalannya di akhirat. Kerana itu bagi Tok Guru tiada istilah bercuti dan berehat dalam perjuangan Islam. Baginya, dunia tempat berlelah dan menangis, tetapi akhirat tempat mengaut ganjarannya. Itulah Tok Guru yang sentiasa seimbang urusan dunia dan akhirat.**

### **Tanggungjawab mendidik anak**

Bercuti bersama anak-anak jauh sekali, begitu juga ruang untuk bersantai dengan mereka amat jarang ditemui. Situasi itu membuatkan anak-anak lebih berdikari, malah agak segan untuk bersembang dengannya, apatah lagi untuk bergurau-senda dan melakukan perkara-peraka remeh yang tidak berfaedah bersamanya.

Tok Guru meletakkan tanggungjawab mendidik anak-anak kepadanya seratus peratus. Beliau menggalas tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh kepayahan, apatah lagi mendidik anak-anak pada zaman dahulu tidak seperti sekarang yang banyak kemudahannya. Tetapi beliau bersyukur anak-anaknya tidak mempunyai banyak kerenah.



*Jambangan bunga dihadiahkan sebagai tanda cinta.*



*Cinta tetap subur walau dimamah usia.*



"Terus terang Che Yah cakap, Che Yah memang garang dengan anak-anak, terutama sekali kalau buat tidak endah tentang solat," ujarnya.

Begitu juga dengan Datin Che Yah, beliau tidak pernah membangkang, apatah lagi meninggikan suara dengan Allahyarham kerana beliau telah terdidik dalam lingkungan agama dan tazkirah oleh seorang suami bergelar ulama itu. Beliau mendapat tarbiah dari Allahyarham secara langsung setelah menjadi isteri kepada tokoh ulama terkenal itu. Penekanan dakwah disampaikan secara halus melalui tindakan dan tutur kata yang bersahaja.

"Keluarga Che Yah keturunan raja dan kami adik-beradik dibesarkan dalam suasana tersebut sama ada pertuturan, cara duduk, makan dan sebagainya. Pernah sewaktu mula-mula kahwin dulu, Che Yah ajak Tok Guru makan, Abang mari santap, atau ajak beradu dan sebagainya," ujarnya.



*Che Yah peneman setia Tok Guru.*

Malangnya, Tok Guru seperti tidak berminat malah meminta menggunakan bahasa biasa seperti orang ramai. Alasan Tok Guru, walau keturunan apa sekalipun, di sisi Allah sama sahaja melainkan mereka yang kuat amal ibadatnya kepada Allah.

### **Amal ibadat sebagai bekalan**

**Tok Guru sering mengingatkannya supaya sentiasa beramal untuk bekalan akhirat kerana apa yang dilakukannya tidak boleh dikongsi dengan sesiapa, walaupun isteri yang paling dicintai.**

"Kiranya Che Yah bangun lewat sekitar pukul 4.00 pagi, awal-awal lagi Tok Guru memberi peringatan apa yang beliau lakukan tidak akan dikongsi dengan Che Yah. Memang dah tahu tak boleh di kongsi," ujarnya sambil ketawa mesra.



*Che Yah menemani suami ke majlis rasmi.*

Tok Guru bangun sekitar pukul 3.00 atau 3.30 pagi setelah tidur seketika untuk berehat. Dengan tidak menggunakan penggera untuk mengejutkannya bangun dari tidur, secara automatik Tok Guru akan bangun untuk bertahajud.

"Kalau kita niat nak bangkit dari tidur pada masa-masa tertentu, kita akan tersedar dengan sendiri, tetapi andainya tersedar dari tidur, tetapi kita tidak terus bangkit beberapa kali lagi, selepas itu tidak akan tersedar dengan sendiri lagi," ujarnya.

Tok Guru tidak berpesan apa-apa sebelum beliau meninggal dunia, kerana Allahyarham sentiasa berpesan yang lebih menjurus kepada kehidupan akhirat. Beliau juga tidak pernah mempunyai memori pahit dalam kehidupan berumah tangga walaupun bertemu jodoh ketika usia yang terlalu muda.

**Jelasnya, beliau tidak pernah menentang apa yang dinyatakan Tok Guru dalam apa perkara sekalipun. Meminta apa yang diinginkan juga tidak pernah, ada duit simpanan beli sendiri tanpa meminta dari Tok Guru.**

Beliau juga tidak pernah mendapat sebarang hadiah ulang tahun kelahiran atau perkahwinan sebagaimana pasangan lain. Bagaimanapun, beliau tidak pernah tersinggung kerana memahami tugas Tok Guru yang tidak seperti orang lain. Apa yang penting baginya, Tok Guru menyayangi dan menyintai dirinya sepenuh hati.

Walau bagaimanapun, Allahyarham begitu perihatin tentang pakaian yang dipakainya, kalau tidak berkenan di hati, tidak dibenarkan isteri yang dicintai itu memakai pakaian tersebut walaupun di rumah. Tetapi ada juga pakaian yang Tok Guru gemari, sehingga menyebutnya berulang kali supaya memakainya.

Sebagai contoh semasa mengiringi pemergian suaminya tercinta pada hari Jumaat 12 Februari 2015, beliau mengenakan pakaian kesukaan Tok Guru iaitu kain viscose corak bunga merah kecil berlatar belakang warna putih kuning. Malah di saat akhir hidupnya Tok Guru sering menyebut





*Che Yah menunjukkan bajunya yang disukai Tok Guru.*

beberapa pakaian yang diminatinya sewaktu Che Yah memakainya di awal perkahwinan mereka.

### **Kesihatan Tok Guru makin terjejas**

Menyentuh tentang kesihatan Allahyarham yang makin terjejas, Che Yah berkata ianya begitu ketara selepas Pilihan Raya Umum lalu kerana menumpukan sepenuh perhatian pada parti dan negeri demi untuk mempertahankan kemenangan tanpa mengira penat dan lelah.

Apabila Tok Guru diberi tanggungjawab baru di Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG), kesihatannya semakin tidak memuaskan. Bagaimanapun Tok Guru menerimanya sepenuh hati malah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang dipimpin oleh Ustaz Dato' Ahmad Yakob di atas kepercayaan yang begitu tinggi terhadapnya.

Walaupun Tok Guru perlu memasuki pejabat IPTG hanya sekali seminggu, namun kerana rasa tanggungjawabnya di samping menyedari ramai yang ingin bertemu dengannya, membuatkan beliau agak kerap ke pejabat. Namun setahun berikutnya, Tok Guru semakin tidak berdaya lagi untuk ke pejabat. Jika pergi sekalipun hanya sekejap sahaja.

Pengalaman 20 hari sewaktu di hospital sebelum Tok Guru pergi buat selamanya adalah ruang waktu yang tidak akan dilupakan sehingga akhir hidupnya. Ketika itu kesihatan Tok Guru semakin tidak memuaskan, pada masa yang sama ramai yang datang menziarahi Tok Guru sehingga doktor

sendiri terpaksa menjaga di muka pintu wad bagi mengelakkan orang ramai menghampiri Tok Guru.

Beliau memahami semua orang sayangkan Tok Guru, tetapi Tok Guru tidak lagi boleh diziarahi sesuka hati sebagaimana sebelum ini. "Sebelum ni boleh datang ziarah, sebab Tok Guru hanya datang ke hospital untuk berehat, tetapi dalam tempoh terakhir ianya lebih kepada rawatan," ujarnya.

Datin Che Yah mengambil ruang yang ada untuk berada dekat dengan Tok Guru sama ada di rumah atau di hospital sewaktu dirawat di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM). Keadaan penyakitnya juga membuatkan beliau tidak berdaya dan bertenaga kerana ubat-ubatan yang diberikan bagi melawan penyakitnya.


"Sebelum masuk wad beliau semakin letih, tidak bermaya, namun tidak pernah meninggalkan solat," ujarnya.

### **Setelah Tok Guru tiada**

Walaupun Tok Guru telah pergi, tetapi kuliah Jumaat di Masjid Pulau Melaka tetap berjalan seperti biasa, termasuk solat lima waktu dan solat Subuh.

Anakanda Nik Omar, Nik Abduh dan anak menantu yang lain serta adik-adiknya Nik Din, Nik Razi, yang tinggal berhampiran dengan masjid adalah antara yang diamanahkan menjadi imam di masjid tersebut. Malah Nik Omar dan Nik Abduh mengajar kuliah agama setiap malam Jumaat dan Khamis.

Walaupun sudah setahun Tok Guru meninggal dunia, tetapi masih ramai yang datang menziarahi dan mengunjungi pusaranya. Begitu juga solat berjemaah di Masjid Pulau Melaka walaupun bukan lagi diimamkan oleh Tok Guru, namun ahli jemaah tetap berpusu-pusu untuk memeriahkan rumah Allah itu.

Bagi Datin Che Yah, biarpun Tok Guru telah pergi, namun ianya sentiasa hidup dalam kenangan. Cinta tidak pernah terlerai, tetap setia tersimpul mati di talian kasih yang sentiasa mekar mengharum biarpun lebih 12 purnama jejaknya tidak ditemui lagi. 



*Cucu-cucu memeriahkan suasana rumah Tok Guru dan Che Yah*



Mungkin ada yang berkata betapa bertuahnya menjadi anak kepada seorang Menteri Besar yang bertaraf ulama terkenal. Malahan ada juga yang menganggapnya sebagai kelebihan bagi memperoleh sesuatu keistimewaan dalam kerajaan mahupun masyarakat. Sedangkan perkara itu tidak pernah wujud bagi insan ini lantaran sikap dan pendirian ayahnya yang tidak mahu menggunakan kedudukannya sebagai batu loncatan.

Begitulah penegasan Nik Amalina, anak kepada pasangan kesayangan ummah, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj NIK Abdul Aziz NIK Mat (Tok Guru) dengan Datin Bentara Setia Tuan Sabariah Tuan Ishak ketika ditemubual oleh wakil QIADAH.

### Ujian di sebalik anugerah

Menceritakan lebih lanjut pengalamannya sebagai anak ke sembilan daripada 10 orang adik-beradik itu, Nik Amalina melahirkan rasa syukur di atas ketentuan Ilahi. Malah menganggapnya sebagai suatu ujian atas dirinya tatkala ayahnya (Tok Guru) mula diangkat menjadi Menteri Besar Kelantan, beliau masih belajar di Maahad Muhammadiyah Perempuan.

Kesemuanya kerana beliau sedar ayahnya terpaksa memikul tanggungjawab yang besar di sebalik jawatan Menteri Besar itu. Maka baginya, jawatan itu bukan suatu anugerah yang gah bagi keluarganya.

Menceritakan dilemanya sewaktu belajar di universiti, beliau lebih suka untuk tidak dikenali sebagai anak Menteri Besar, apatah lagi untuk 'mencanakan' diri sebagai anak Menteri Besar Kelantan juga tidak pernah. "Namun realitinya, secara tidak langsung semakin lama semakin ramai kawan-kawan maklum dan mengetahuinya," jelas Nik Amalina.

Apa yang pasti Nik Amalina menganggap di sebalik jawatan ayahnya itu, bukan hanya untuk dirinya, malahan sebagai kebanggaan untuk pelajar dan pihak universiti. Betapa ketika majlis konvokesyennya, pihak universiti telah mengutuskan undangan khas untuk ayah dan ibunya. "Sewaktu konvokesyen, hasrat saya tidak mahu menyusahkan ayah, tetapi Alhamdulillah ayah telah mendapat undangan khas dari pihak universiti, syukur sangat-sangat," ujarnya.

### Suka duka

Mengenang kembali kisah lalu, Nik Amalina bersedia berkongsi antara kenangan indah bersama ayah dan ibunya. Antaranya apabila beliau diajak menunaikan ibadat haji di tanah suci Mekah pada usia 18 tahun, selepas mendapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Betapa gembiranya dan menyifatkan ia suatu hadiah yang amat bererti dalam hidupnya.

"Syukur banyak-banyak saya dapat menunaikan



**NIK AMALINA** *Jawatan bukannya tiket untuk bermegah*

*Oleh Salmah Husain*





*Pertemuan keluarga diadakan pada setiap malam Khamis.*

haji di samping dapat melihat ayah dan ibunya mengerjakan ibadat haji dari dekat," ujarnya.

Tambah mengembirakan, sekembalinya dari mengerjakan ibadat haji beliau mendapat tawaran melanjutkan pengajian diploma dalam bidang Ukur Penilaian di UTM pada tahun 1995.

Demikian pula, sebagai seorang ayah, Tok Guru juga seperti orang lain yang amat menyayangi kesemua anaknya. Kesibukan tugasnya tetap tidak menghalang untuk berada bersama keluarga. Walaupun ayahnya sentiasa sibuk, tetapi ada kalanya sempat juga untuknya bercerita bersama anak-anak.

Sesungguhnya, Nik Amalina sekeluarga amat memahami situasi kesibukan Tok Guru. Justeru tatkala berdepan dengan apa jua masalah, maka ibulah tempat mereka adik-beradik meluahkan sesuatu. "Kami sekeluarga hanya mengambil masa ayah untuk perkara yang penuh berkualiti, demi menghormati kesuntukan dan kesibukan ayah," ujarnya.

### **Bertemu rakyat**

Sepanjang 23 tahun Tok Guru menjadi Menteri Besar, Nik Amalina acap kali juga mengikut ayah dan ibunya keluar bertemu rakyat. Mereka bertemu masyarakat kampung termasuk ke perkampungan Orang Asli. Beliau dapat menyaksikan betapa gigihnya ayah dan ibunya dalam menyelami dan mendengar sendiri rintihan masyarakat dari dekat. Mereka turut membantu meringankan beban masyarakat kampung.

"Saya turut merasakan berat dan besarnya beban tugas seorang Menteri Besar." Demikianlah luahan Nik Amalina bagaimana beliau sendiri mendengar ayahnya menyajikan ramuan penyelesaian masalah rakyat. Ia membuatkan beliau dan adik-beradik

semakin mengerti erti kehidupan.

### **Cinta berputik**

Menurut Nik Amalina, beliau mendapat restu daripada ayah dan ibunya tentang pemilihan calon suami. Pendiriannya untuk memilih pasangan hidup pilihannya sendiri akhirnya menjodohkannya dengan suaminya, Abdul Ariffahmi Ab Rahman berserta restu ayah dan ibunya.

Andai sudah jodoh, lamaran Ariffahmi diterima ayah dan ibunya ketika dia di tahun akhir pengajian ijazah di Universiti Malaya (UM).

Empat bulan selepas lamaran itu, mereka akhirnya diijab kabulkan tanpa bertunang. Bagi Nik Amalina, Allah telah mempermudah jodoh mereka.

Hasil lamaran cinta dan lafaz ijab kabul maka terjalin ikatan suami isteri. Nik Amalina menganggapnya sebagai suatu talian kekeluargaan sakinah. Rahmat dari-Nya, pasangan itu dikurniakan 7 orang cahaya mata, lima lelaki dan dua perempuan. Anak sulungnya Nik Amirah 16, Nik Alif Aiman 13, pasangan kembar Nik Amir Rais dan Nik Ammar Rauf 11, Nik Aisyah 10 dan Nik Amal Adnin 7 serta Nik Arsalan Nu'man 3.

### **Ujian berkeluarga**

Bagi Nik Amalina, perkahwinan dan kehidupan berumahtangga merupakan suatu ujian yang perlu diharungi dengan penuh kesabaran. Didikan berdikari yang diajar oleh ayah dan ibunya dijadikan pedoman. "Walau bagaimana susah sekalipun hidup kami ketika itu, terpaksa hadapinya sendiri," ujarnya lagi.

Namun begitu, suatu perkara yang mengagumkan baginya adalah layanan dan kasih sayang daripada





*Nik Amalina dan suami serta anak bongsunya,  
Nik Arsalan Nufman.*

ayah dan ibunya sentiasa subur. Sibuk macam mana sekalipun, ayah dan ibunya pasti akan sempat bergaul mesra dengan cucu-cucunya. "Malah ayahnya pernah menyatakan hasratnya kepada kami anak-beranak, agar rumahnya sentiasa riuh dengan hilai tawa anak-anak kecil setiap hujung minggu," jelas Nik Amalina.

Ayahnya akan menelefon anak-anaknya untuk datang ke rumah sambil membawa anak masing-masing. Kebiasaannya diadakan pertemuan keluarga pada setiap Rabu malam Khamis.

Ajaran dan didikan hebat seorang ayah yang jarang dilakukan oleh ayah di zaman ini sewajarnya dijadikan teladan. Apabila anaknya bergelar seorang


isteri, Tok Guru tidak lagi memberikan wang setiap bulan sebagaimana biasa. "Saya kahwin semasa belajar, kahwin pada bulan April, tidak ada lagi duit belanja daripada arwah ayah pada bulan Mei. Walau bagaimana susah sekalipun hidup kami ketika itu kerana sedang belajar, terpaksa hadapi sendiri. Berlainan dengan anak lelaki, walaupun mereka berkahwin ketika masih belajar, ayah tetap membantu termasuk menantu perempuannya," ujarnya lagi.

### Saat memilukan

Walaupun hanya sebahagian kecil hidup ayahnya untuk keluarga, namun sebagai seorang anak, pemergiannya pada tanggal 12 Februari tahun lalu begitu berbekas di hatinya. Ia saat yang paling memilukan buat seluruh keluarga besar Tok Guru.

Namun begitu, lumrah kehidupan perlu diteruskan, lukisan alam perlu diwarnai agar sentiasa indah selagi hidup menyusuri tabir waktu. Nik Amalina tetap sabar menghadapi kehidupan tanpa ayahnya. Justeru ibunya, Datin Tuan Sabariah tidak akan dibiarkan sunyi sendirian, adik-beradiknya yang lain termasuk dirinya akan membahagiakannya. "Saya sedar, setelah pemergian ayah, *che* (ibu) tentu berasa sunyi, sebab *che* adalah satu-satunya insan yang paling rapat dengan arwah ayah," ujarnya.

Beliau bersama adik-beradik yang lain sering membawa ibunya keluar bersiar-siar dan makan malam bersama.

Hilang permata akan dicari biar ianya tidak seindah dahulu, namun hilang ayah tidak boleh dicari kerana kasihnya tidak bertepi. Pergilah ayah, kami akan suburkan kasih dengan doa kami yang tidak akan berakhir. Demikian ungkapan dan luahan isi hati seorang anak sebagai penyambung talian kasih sayang keluarga besar Allahyarham Tok Guru. 



*Nik Amalina selalu menemani ibunya ke majlis-majlis tertentu.*



*\*Nik Amalina dilahirkan di Kota Bharu pada tahun 1977. Belajar di Maahad Muhammadiyah (P) Kota Bharu, kemudian ke Universiti Teknologi Malaysia peringkat Diploma dalam jurusan Ukur Penilaian (1995-1998) dan ke peringkat Sarjana Muda di Universiti Malaya dalam bidang Pengurusan Harta Tanah.*





بنك معاملات  
**Bank Muamalat**

(6175-W)

# MUAMALAT Gold-i

## LINDUNGI KEKAYAAN MASA DEPAN ANDA DENGAN EMAS HARI INI

**Jongkong emas tulen**  
(The Perth Mint) 99.99% pelbagai  
denominasi (5g, 10g, 20g, 50g & 100g)

Setiap jongkong emas  
mempunyai nombor siri  
dan Certikad

Pengiktirafan daripada  
London Bullion  
Market Association

Terkecuali daripada  
Cukai Barangan  
dan Perkhidmatan (GST)

### Mengapa The Perth Mint?

- Dimiliki sepenuhnya dan dijamin oleh Kerajaan Australia Barat
- Dipercayai sejak 1899

Sila Layari atau hubungi:



Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W)

[www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)  
**1-300-88-8787**



### DIBUKA / OPEN

SABTU - KHAMIS / SATURDAY - THURSDAY  
8.30 AM - 5.00 PM

### TIKET / TICKETS

WARGANEGARA MALAYSIA / MALYSIAN CITIZEN  
DEWASA / ADULTS : RM 2.00  
KANAK-KANAK / CHILDREN : RM 1.00

### WARGA ASING / FOREIGNER

ADULTS : RM 4.00  
CHILDREN : RM 2.00



# museum



MUZIUMKELANTAN

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN JLN HOSPITAL, 15050 KOTA BHARU, KELANTAN

EMAIL [muzium@kelantan.gov.my](mailto:muzium@kelantan.gov.my) WEBSITE [www.muzium.kelantan.gov.my](http://www.muzium.kelantan.gov.my) TEL 609 748 2266 FAX 609 747 3366

MUZIUM ISLAM . MUZIUM ADAT ISTIADAT DIRAJA KELANTAN . MUZIUM NEGERI . MUZIUM PERANG . MUZIUM KRAFTANGAN . MUZIUM WAU . MUZIUM DIRAJA . BALAI SENILUKIS . GALERI KUALA KRAI



Suatu anugerah yang paling berharga buat seorang insan adalah kasih sayang. Ia lebih bermakna apabila nilai kasih sayang itu terjalin kukuh dengan keakraban kekeluargaan sesama adik-beradik. Demikian luahan hati seorang adik kepada Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat, Ustazah Nik Aminah Nik Mat.

Walaupun berlainan ibu antara Nik Aminah dan Tok Guru, namun hubungan sebagai adik-beradik begitu erat dan penuh kasih sayang. Lebih mengeratkan lagi kerana beliau kematian Ibu ketika berusia tujuh tahun. Semenjak itu, Nik Aminah tinggal bersama-sama keluarga Tok Guru.

Ikuti perkongsian perasaan kasih sayang dan cerita keluarga Nik Aminah bersama wakil QIADAH.

### **Tok Guru segala-galanya**

Menurut Nik Aminah, penekanan pendidikan agama seawal usia empat tahun oleh Ibu bapanya menyebabkan Tok Guru begitu berakhlak mulia. Bagaimana kasihnya Ibu bapa kepada anak-anaknya sendiri, demikian juga kasihnya Tok Guru kepada adik-adiknya. Kasih sayang sebagai simbol keberkatan hasil tunjuk ajar ayah mereka, maka ia terjelma dalam diri Tok Guru dan adik-beradiknya.

Menurutnya lagi, kesemua adik-beradiknya juga bergantung harap kepada Tok Guru apatah lagi Allahyarham merupakan anak lelaki sulung.

"Bukan hanya setakat urusan perkahwinan, sebaliknya soal perbelanjaan menguruskan majlis pun arwah abang yang bantu," ujarnya. Justeru Tok Guru diibaratkan sebagai ibu dan ayah dalam kalangan adik-beradiknya, malah dialah segala-galanya.

### **Hubungan erat**

Hubungan antara Nik Aminah dan Tok Guru tidak pernah berubah walaupun selepas beliau berkahwin, sebaliknya bertambah erat. Begitu juga setelah Tok Guru menjadi Menteri Besar, hubungan itu tidak pernah berubah.

**Pernah suatu ketika, sewaktu beliau berada di Johor mengikuti arwah suaminya mengajar di negeri itu, Tok Guru ke rumahnya semata-mata untuk menzlarahnya. Sayangnya Tok Guru kepada adinda tercinta, sanggup membawa burung merpati ke Johor Bahru untuk dinikmati oleh adiknya yang sedang mengandungkan anak sulung.**

Beliau juga tidak pernah melupakan kenangan indah sewaktu Tok Guru bergelar Menteri Besar. Pernah suatu hari, tanpa diduga Tok Guru sampai di rumahnya selepas solat Subuh ketika beliau dan keluarga sedang menikmati sarapan pagi. Beliau berasa sangat gembira dan bersyukur dikunjungi oleh abang yang begitu disayangi walau Tok Guru sangat sibuk sebagai Menteri Besar. Rupa-rupanya kedatangan Tok Guru pada pagi tersebut hanya untuk bertanya kabar mereka sekeluarga. Aminah sungguh terharu dengan kedatangan abang yang disayanginya itu.

Tok Guru merupakan seorang anak yang amat bertanggungjawab terhadap orang tuanya. Walaupun beliau seorang lelaki, namun Tok Guru antara anak yang paling rapat dengan ibunya. Sehingga ke akhir hayat arwah ibunya adalah di bawah penjagaan Tok Guru di rumahnya (di Pulau Melaka) dan bukannya bersama adik-beradik perempuannya yang lain.

Sejak dari kecil, Tok Guru merupakan seorang anak yang patuh kepada kedua Ibu bapanya, tidak pernah menjawab, jauh sama sekali untuk mengeluarkan kata-kata kasar. Tok Guru sentiasa memastikan ibunya berada dalam keadaan yang selesa, dan seboleh mungkin cuba memenuhi kehendak arwah ibunya.

Hubungan erat dalam kekeluargaan begitu dititik beratkan oleh Tok Guru sekalipun kekangan masa menghambatnya. Hubungan antara adik-beradik tetap kukuh walaupun selepas ketiadaan ibu dan ayah. Peranannya sebagai abang yang dipikulnya menjadikan beliau seorang lelaki yang sangat bertanggungjawab dalam keluarga.

### **Istimewanya Tok Guru**

Nik Aminah turut berkongsi sifat istimewa yang ada pada abangnya itu. Paling menjadi teladannya adalah Tok Guru seorang yang prihatin tentang keluarga, tiada sifat pentingkan diri dan tidak menjadikan kedudukannya sebagai orang ternama sebagai sebab yang boleh merenggangkan hubungan sesama adik-beradik.

Menurutnya lagi, keistimewaan Tok Guru itu adalah berkait rapat dengan ilmu dan kewarakannya. Sementara ilmu dan kewarakan itu lahir kerana sifatnya sebagai seorang anak yang baik, menghormati ibu bapa, mendengar nasihat, dan jauh sama sekali untuk meninggikan suara terhadap ibu bapanya.

Berkat keistimewaan itu, Nik Aminah menganggap kepimpinan Tok Guru adalah sebagai ganti ayah dan ibunya. Justeru beliau akur kepada bimbingan dan orientasi kekeluargaan di bawah pimpinan Tok Guru.

## Nik Aminah Nik Mat

# Tok Guru Umpama Permata Berharga

@lehSalmahHusain



"Arwah ayah begitu tegas dan garang dalam asu-  
hannya, begitu juga Tok Guru. Paling utama dalam soal  
amal ibadat yang membabitkan perkara wajib seperti  
solat dan puasa. Walaupun solat berjemaah adalah  
sunat muakkad, tetapi wajib bagi kami sekeluarga  
menunaikan solat berjemaah, sama seperti yang diajar  
oleh ayah. Itulah istimewa Tok Guru," ujarnya.

### Titipan murabbi

Sesuatu yang terpahat abadi dan membangkit kasih  
sayang berkekal sesama insan adalah ilmu dan  
amalannya. Demikian juga bagi Nik Aminah, titipan ilmu  
dari Tok Guru amat dirasai hingga ke lubuk hatinya.  
Baginya, perasaan cintakan ilmu semakin kuat tatkala  
mengingat murabbinya adalah abang kandungnya  
sendiri. Terbayang wajah Tok Guru, teringat ilmu  
darinya dan terbayang hubungan kasih sayang adik  
abang. Demikian nilai titipan yang dibanggakan oleh  
Nik Aminah.

"Tok Guru memenuhi ruang waktunya dengan ilmu  
dan memanfaatkan pengertian 'wal-asri' (demi masa).  
Beliau sentiasa mengutamakan hak Allah dan Rasul-  
Nya, keluarga dan masyarakat berbanding dirinya  
sendiri. Rutin hidupnya adalah ibadat. Amalan Rasulullah  
adalah amalannya. Ia suatu nilai kesempurnaan atas  
diri Tok Guru," ujarnya dengan suara yang tegas.

Tok Guru sering mengamalkan tujuh sunnah Ra-  
sulullah SAW seperti solat sunat tahajud, membaca  
al-Quran, solat berjemaah khususnya di masjid, solat  
sunat dhuha, sedekah, sentiasa berwuduk dan istighfar.

Atas sebab itu, bagi Nik Aminah segala sifat peribadi  
dan amal ibadat Tok Guru adalah teladan baginya.  
Malah menganggap ia sebagai suatu bentuk titipan  
ilmu seorang ulama kepada keluarga dan masyarakat.

**"Namun tidak semua masyarakat tahu apa  
yang dilakukannya kerana dia mengajar pada  
orang lain diibaratkan hanya secawan, tetapi  
mengamalkannya sekawah, sebab itu ada keber-  
katannya. Sedangkan orang lain mengajar**

**agama pada orang ramai sekawah, tetapi yang  
diamalkan hanya secawan," ujarnya.**

### Permata berharga


Semasa hayatnya dalam membina hubungan adik-  
beradik dan ahli keluarga, Tok Guru mengutamakan  
kemesraan yang berpaksikan syarak.

**"Kami boleh bersantai ramai-ramai, tetapi Tok  
Guru minta jagalah akhlak. Bagi muslimat wajib  
tutup aurat. Boleh menikmati jamuan sekeluarga,  
asalkan masing-masing jaga adab dan agama.  
Ayah tetap ayah, emak tetap emak. Tok Guru minta  
utamakan hubungan kekeluargaan. Bagi kami  
sekeluarga, Tok Guru adalah permata berharga,  
sinarnya yang memaut dan mengutuhkan kasih  
sayang keluarga kami dengan cahaya Islam,"  
terang Nik Aminah dengan penuh kesyuan.**

Berikutan pemergian Tok Guru pada tahun lalu, bagi  
Nik Aminah ia sememangnya satu kehilangan besar  
teraju kasih sayang dan tunggak keluarganya. Suatu  
pemergian yang cukup terkesan baginya kerana Tok  
Guru bukan hanya seorang abang, malah beliau juga  
ibarat ayah dan ibu.

Nik Aminah diam seketika kerana begitu sebak apabila  
ditanya tentang pemergian Allahyarham abang kesa-  
yangannya. Dengan suara tersekat-sekat, beliau  
menyambung, "rasa kehilangan kerana dia umpama  
permata dalam keluarga."

Demikianlah nilai Tok Guru di sisi Nik Aminah dan  
keluarga serta anak beranakanya. Kesemuanya sudah  
tinggal kenangan yang terpahat kukuh disanubari.  
Pemergian Tok Guru disifatkan sebagai takdir, hanya  
kenangan sentiasa menyuburkan nilai kasih sayang  
yang terbina sekian lama.

"Itu semua suratan takdir, kita wajib terima ke-tentuan-  
Nya. Insya-Allah, kasih dan sayang kami kekal selama-  
lamanya," ujar Nik Aminah sebagai penyudah bicara. 



*Ijtimak keluarga Nikmatullah kali ke-5, 2013 di PCB Resort, Kota Bharu.*

**\*Ustazah Aminah Nik Mat, 65 tahun. Ibunya Tengku Mariam Tengku Mat, dilahirkan di Kampung Pauh Panji, Kota Bharu. Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tapang (1957). Kemudian Sekolah Agama (Arab) di Pengkalan Chepa, Sekolah Agama Arab Darul Anuar Pulau Melaka dan Sekolah Menengah Agama Naim Lilbanat, Kota Bharu. Anak bongsu daripada kesemua adik beradik sebapa dan anak ke-6 daripada tujuh orang adik beradik seibu dan sebapa (Nik Abdullah, Nik Wajih, Nik Aisyah, Nik Razin, Nik Din dan Nik Aminah). Tahun 1973 mendirikan rumah tangga dengan Ustaz Abdul Rani Awang Noh (meninggal dunia tahun 2006) dan mendapat 11 orang anak dan 20 orang cucu.**



**"Beliau sentiasa minta pandangan dan kadang-kadang kita sendiri rasa malu, dan barangkali Tok Guru sudah tahu apa yang ingin kita katakan cuma beliau dengan sifat tawaduk tersebut sanggup mendengar pandangan kita."**



## Dr Nik Mohd Azlan Abd Hadi Tok Guru bernafas dengan kata-kata dan buat apa yang dikata

*Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya Foto Ahmad Naim Muhammad*

Semenjak di alam persekolahan lagi beliau sebenarnya telah mengenali seorang insan tersohor iaitu Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat. Namun mengenalinya secara dekat ialah ketika belajar di universiti. Itupun kerana penglibatannya dengan gerakan Islam di kampus sekitar tahun 1980. Salah satu program anjuran gerakan Islam di kampus ialah forum kebangkitan Islam semasa.

Demikianlah coretan ingatan Dr Nik Mohd Azlan Abd Hadi (Nik Azlan), seorang Pegawai Tadbir Negeri Kelantan yang pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz (Tok Guru). Beliau merupakan Setiausaha Sulit yang paling lama, iaitu hampir sepuluh tahun memegang jawatan tersebut di Pejabat Menteri Besar Kelantan yang terletak di Blok 1, Kota Darulnaim.

"Sebenarnya pertemuan saya secara *real* dengan Tok Guru ialah ketika mengikuti forum kebangkitan Islam di Masjid Abu Bakar as-Siddiq, Damansara. Ketika itu saya sebagai peserta dan Tok Guru adalah salah seorang ahli panel," ujar Nik Azlan yang pernah berkhidmat sebagai Penolong Ketua Jajahan di Jeli, Tanah Merah dan Kota Bharu.

"Bermula dari situ saya amat meminati dan mengagumi beliau, dan saya bernasib baik kemudiannya dapat berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit kepada Tok Guru", tambahnya lagi.

### Kehebatan akhlak

"Tok guru ni, banyak cerita yang positif telah ter-

sebar pada waktu itu, beliau dikatakan seorang yang kuat beribadat dan amat menghormati orang tua. Kehebatan akhlak Tok Guru semakin terserlah apabila dipilih sebagai pemimpin sebuah negeri yang dikenali Kelantan Serambi Mekah dan pemilihan beliau amat bertepatan dengan semangat gerakan Islam di negara ini. Tok guru adalah seorang yang bersederhana dan serba boleh," ujar Nik Azlan.

Sepanjang berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit, pada pengamatan Nik Azlan, Tok Guru memiliki akhlak yang hebat. Personalitinya selari dengan





ilmunya. Atas sebab itu, Tok Guru adalah serba boleh, terutama apabila membandingkan akhlakinya dengan ilmu sirah atau biografi Rasulullah yang saya belajar. Hal ini meyakinkan kerana selama pengalaman bertugas dengan Tok Guru, ternyata akhlak beliau dilihat berpedomankan akhlak Rasulullah.

Menurutnya, salah satu amalan Tok Guru yang dapat disaksikan ialah beliau begitu menjaga solatnya. Sentiasa bersolat di awal waktu. Misalnya, bila



bermusafir beliau akan solat secara jamak pada awal waktu. Atas sifatnya yang sentiasa menjaga solat, maka kehidupannya sentiasa berwuduk.

Demikian pula, ketika makan bersama beliau, Nik Azlan berasakan begitu bersederhananya Tok Guru dalam menjaga tabiat makan apabila pernah membahagikan empat bahagian makanan dalam pingannya.

### **Murabbi bertaraf ayah**

Nik Azlan begitu teruja dengan pengalamannya berkhidmat bersama-sama Tok Guru. Baginya, Tok Guru adalah murrabi dan sekaligus menganggapnya sebagai ayah. Banyak pengajaran ditimba ketika bertugas, contohnya dalam setiap tugas Tok Guru terlebih dahulu akan buat, kemudian baru tunjukkan untuk kita buat.

Seterusnya, Tok Guru menggunakan isyarat secara berdamah sahaja atas perkara yang dia tidak suka berlaku di depan mata. Bagi Nik Azlan, teguran itu adalah berbentuk umum sahaja tetapi pihak yang berkenaan akan timbul rasa bersalah. Kadang kala Tok Guru akan menegur melalui kata-kata peringatan, 'setiap kerja-buat di dunia ini mesti ada kaitan dengan akhirat'.

"Bila kita takut pada Allah, semua makhluk akan takut pada kita dan bila kita berani dengan Allah, orang lain pun akan berani dengan kita. Orang ni kalau dah Allah marah, kita tak perlu buat apa-apa dah, cukup lah dengan Allah marah saja. Itu adalah kata-kata Tok Guru yang saya pegang sampai kini", demikian Nik Azlan mengingati kembali falsafah akidah huraian Tok Guru yang dipegangnya.

Menurut Nik Azlan lagi, "kebetulan saya juga pernah bertugas sebagai Pegawai Tadbir ketika mantan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Mohamed Yaacob, dapat dilihat perbezaannya dengan Tok Guru.

**Contohnya dalam bab solat, ketika Menteri Besar nak solat, maka yang akan solat Menteri Besar sahaja, sementara yang lain hanya memerhati. Ia sangat berbeza dengan zaman bertugas bersama-sama Tok Guru, bila dia nak**



**solat, semua akan solat berjemaah bersama beliau. Atas asas itu, saya juga sentiasa mengingatkan penganjur bila nak buat program mesti kena siap sebelum solat dan saya nampak Tok Guru seronok dalam hal ini," jelas Nik Azlan.**

### **Berintegriti**

Kebanggaan Nik Azlan atas kepimpinan Tok Guru yang tidak boleh dipertikaikan ialah memiliki integriti yang sangat tinggi. Dalam satu kes, bila Tok Guru nak baiki rumah, sahabat lain pun tengok juga dan bimbang Tok Guru akan buat rumah batu, Tok Guru boleh hidup mewah tetapi beliau memilih kehidupan yang sederhana. Namun, Tok Guru tegaskan, "betul nak baiki, cuma *ambo* nak tukar lantainya sahaja sebab telah dimakan anai-anai." Lega saya mendengarnya sebab Tok Guru ingin kekalkan rumah papannya.

"Berbekalkan pengalaman integriti itu, sudah tentu amat mempengaruhi budaya urus tadbir yang boleh dimanfaatkan sepanjang pergaulan saya bersama Tok Guru, saya cuba serapkan dalam kehidupan keluarga dan kawan-kawan, saya sedaya-upaya cuba kekalkan integriti dan tingkah laku agar ia tidak mencemarkan imej Tok Guru kerana saya sentiasa mendampingi beliau" terang Nik Azlan dengan nada tegas.

Selanjutnya, Nik Azlan mengimbuai sejarah kepimpinan Tok Guru yang mula memegang tampuk pemerintahan Kelantan pada 21 Oktober 1990.

"Saya bekerja dengan Tok Guru pada tahun 2000, saya masih ingat lagi apabila Perdana Menteri ketika



Itu Tun Abdullah Ahmad Badawi memperkenalkan konsep Islam Hadhari. Pada satu perbincangan Pak Lah nak ajak Tok Guru jadi ahli forum dan Tok Guru sanggup hadir atas tema berkaitan dengan kebudayaan. Tok Guru tanya balik, bila hiburan tak boleh dalam Islam? Asalkan tiada unsur *lagha*, syirik, pergaulan bebas, maka Tok Guru menegaskan hiburan dan kebudayaan boleh diadakan dalam Islam. Oleh kerana itu, Tok Guru tak pernah mengharamkan wayang kullit, tetapi Tok Guru mahukan kebudayaan itu mestilah ikut acuan Islam."

### Pesanan Tok guru

Antara pesanan Tok Guru kepada pegawai yang berkunjung ke pejabatnya ialah "kita tadbir negeri ni macam kita duduk atas tikar masa solat, kena ada dalam kepala kita yang mana kita buat dapat pahala dan dosa".

Justeru bagi Nik Azlan, kehebatan Tok Guru ialah komited dengan amalan dan Ilmu agamanya dan Tok Guru bernafas dengan kata-katanya dan akan buat apa yang dikata.

Apabila memahami falsafah kepimpinan Tok Guru, pokok pangkalnya apabila hubungan kita rapat dengan Allah, Allah akan menolong kita. Tok Guru sememangnya mampu mentadbir negeri di atas semangat berjemaah dan sentiasa terbuka dalam menerima pandangan dari pegawai-pegawai kerajaan negeri.


"Bellau sentiasa minta pandangan dan kadangkala kadang kita sendiri rasa malu dan barangkali Tok Guru sudah tahu apa yang Ingin kita katakan cuma beliau dengan sifat tawaduk tersebut sanggup mendengar pandangan kita".

Menyentuh saat getir sepanjang bersama Tok Guru, sebagai seorang Pegawai Tadbir dan amat mencintai Islam, "saya amat sayang pada beliau dan keplimpinannya, malah timbul rasa cemas ketika kuasa kerajaan hanya ada satu kerusi pada tahun 2004, maaf ini bukan kerana politik, tetapi apabila saya berada di pejabat Tok Guru masa itu, boleh dikatakan semua sayang pada negeri Kelantan, saya cuba tanya Tok Guru hal sebegini dan Tok Guru bagi satu cara sahaja iaitu perbanyakkan bacaan *Qul huallah (Surah Al-Ikhlas)*."



### Rasa bertuah

Pada penghujungnya, Nik Azlan meluahkan begitu teruja malah rasa amat bertuah kerana dipilih oleh Allah SWT kerana mendapat peluang berkhidmat kepada Tok Guru. "Saya amat cukup bertuah bila berkhidmat di bawah beliau, kerana ia bukan sahaja sebagai Menteri Besar tetapi juga seperti ayah sendiri. Maka saya amat berhati-hati dan sentiasa menjaga akhlak, terutama dalam menjaga kedudukan dan integriti meskipun ada orang yang tampil memohon sesuatu yang bukan-bukan."

"Solatnya, bacaan Qurannya, ungkapan zikirnya dan semua itu amat terkesan dalam kehidupan saya. Sehingga kini dan Insya-Allah untuk selama-lamanya apa yang saya perolehi secara langsung sepanjang saya bertugas di sisi Allahyarham Tok Guru, saya cuba sedaya-upaya menerapkan dalam kehidupan seharian saya dan saya juga cuba terapkan dalam keluarga saya sendiri," jelas Nik Azlan mengakhiri temu bual di pejabat Muzium Negeri Kelantan. 

*\*Dr Haji Nik Mohd Azlan Abd Hadi dilahirkan 55 tahun yang lalu merupakan seorang pemegang Ijazah Pertama bidang ekonomi (UKM) tahun 1984, Master in Regional & Urban Planning, University of Denver, Colorado US (1997) dan Ph.D bidang Pembangunan Sumber Manusia, University Malaya (2014). Seorang Pegawai Tadbir Negeri (PTN) yang pernah ditugaskan sebagai Penolong Ketua Jajahan di Jeli, Machang dan Kota Bharu, kemudian sebagai Penolong Pengarah UPEN dan JHEAIK serta Bahagian Protokol SUK. Kemudian dilantik sebagai Pengarah Muzium Negeri Kelantan sehingga 2015. Kini beliau dilantik sebagai Timbalan yang Dipertua MAIK.*

*Mengenali Tuan Guru sekitar tahun 1982, ketika mengikuti kullah di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Bangsar, Kuala Lumpur. Amat bertuah, 18 tahun kemudiannya, beliau dipilih sebagai Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat hampir 10 tahun (bermula 1 Januari 2000 hingga 31 Januari 2009).*



Kepimpinan Tok Guru adalah politik yang memimpin, kepimpinan melalui teladan, berkeperibadian ulama dan pemikirannya melampaui zaman. Politik, kepimpinan, keperibadian dan pemikiran itu banyak membantu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Demikian ungkapan tegas Ustaz Ahmad Fadhli Shaari (Ahmad Fadhli) sewaktu bual bicara wakil QIADAH dengannya di Pejabat Urus Setia Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Kelantan (UBeS) bertempat di Kota Darulnaim.

Bekas Setiausaha Akhbar kepada mantan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat itu begitu teruja dan bangga berkongsi pengalamannya berkhidmat selama empat tahun di Pejabat Menteri Besar Kelantan.

### Teks yang sarat pengajaran

Pengalaman melaksanakan tugasnya kepada Tok Guru begitu kental terlekat dalam ingatan Ahmad Fadhli. Baginya, Tok Guru adalah pemimpin sejati. Pimpinannya dijelmakan menerusi sifat peribadinya dan tunjuk ajarnya daripada cetusan pemikiran yang bersih. Pendek kata, apa jua tugas yang diarah pasti memudahkan urusan, terutama berkaitan bidang kerjanya sebagai penyedia teks ucapan dan pegawai akhbar.

**"Setiap kali menyiapkan teks ucapan, Tok Guru mesti sebut ayat al-Quran untuk dimasukkan sebagai intro ucapannya. Ini membuktikan Tok Guru seorang pemimpin yang sejati, sentiasa berpegang kepada tali Allah," demikian tegas Ahmad Fadhli.**

Oleh itu, benar seperti yang dikata, Ahmad Fadhli merasai ilmu Tok Guru adalah bertaraf ulama, sekaligus sebagai murabbi dan gurunya. "Titipan kepimpinan Tok Guru telah mendisiplinkan saya dalam melaksanakan tugas sebagai Setiausaha Akhbar," jelasnya.

Oleh kerana itu, setiap kali mengarang teks ucapan, beliau akan mempersiapkan petikan ayat al-Quran yang relevan dengan majlis atau program di mana Tok Guru akan berucap. Meskipun begitu, adakalanya Tok Guru meminta ayat-ayat yang berorientasikan sirah disamping ayat-ayat ahkam (hukum). Ketutamaannya ialah untuk menyampaikan mesej mendidik pendengar dan menyampaikan ajaran agama sebagai panduan hidup.



**"Saya belajar dari Tok Guru, betapa sifat kemurahan hati dan kemesraan hubungan perlu diamalkan, kerana ia merupakan asas ukhuwah Islamiah."**

## Ustaz Ahmad Fadhli Shaari 4P dari Tok Guru sebagai panduan

*Oleh Norazelan Abdul Rahim & Nik Najmil Hanif Ab Rahman*





Menurutnya lagi, Tok Guru juga akan sebut apa yang patut dan tidak patut dimasukkan dalam ucapannya, kemudian diolah dengan mengaitkan sirah dan hadis Nabi SAW, serta isu-isu semasa. Sebagai contoh, ucapannya di majlis kempen kebersihan, konsep *taawun* (bekerjasama) daripada al-Quran disentuh, kemudian dikaitkan pula dengan hadis nabi yang mengutamakan kebersihan, iaitu kebersihan adalah sebahagian daripada iman.

"Panduan itu telah saya jadikan format utama setiap kali menulis teks ucapan," ujarnya. Berdasarkan format ucapan sebegini, ucapannya mahupun ucapan perasmian Tok Guru akan sentiasa mendapat perhatian pendengar, malah pihak media pula akan mudah memetik isi-isinya untuk dijadikan bahan berita.

"Ternyata disebalik tunjuk ajar itu terkandung pengajaran Tok Guru yang praktikal untuk diguna pakai serta dapat dijadikan panduan, terutama dalam memahami dasar-dasar pentadbiran Islam di Kelantan," terang Ahmad Fadhli dengan nada yang bersungguh-sungguh.

Secara praktikalnya, cara Tok Guru memberi panduan itu, amat membantu malah memudahkan tugasnya sebagai Setiausaha Akhbar. Panduan Tok Guru dianggap penuh dengan kemuliaan peribadi selain sarat dengan nilai-nilai pimpinan malah pemikirannya berpandukan cara hidup Islam sepenuhnya.

### Sidang media interaktif

Bagi Ahmad Fadhli, kehebatan kepimpinan Tok Guru yang kaya dengan seni kebijaksanaan peribadi sepanjang memikul tugas sebagai Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar menjadikan beliau amat yakin dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Antara pengalaman itu ialah semasa menguruskan sidang media, maka disediakan satu teks ringkas atas pendapat penting sahaja. Ia cukup untuk memandu Tok Guru membentangkan isu kepada pihak media.

Namun semasa sidang media, Tok Guru tidak ketinggalan untuk menyebut pendapat baru yang biasanya merujuk kepada panduan al-Quran dan hadis. Pendapat-pendapat baru itu merupakan hemat dan kebijaksanaan peribadi Tok Guru. Oleh kerana itu, sidang media Tok Guru sentiasa interaktif dan pihak media tidak kekok untuk bertanya atau meminta penjelasan lanjut atas sesuatu isu berbangkit.

**"Boleh dikatakan kebijaksanaan peribadi, pentadbiran dan pengurusan Tok Guru begitu terserlah kerana beliau amat berpengalaman dalam 4P iaitu politik, pemikiran, pentadbiran dan peribadinya sendiri," tegas Ahmad Fadhli.**

Justeru, gabungan pendekatan tersebut telah dijadikan panduan baginya untuk menyediakan teks ucapan Tok Guru bagi pelbagai majlis. Apa yang penting, setiap isu yang dimasukkan berkaitan politik atau pimpinan, mahupun peribadi dan pemikiran, akan dirujuk kepada Tok Guru terlebih dahulu. Maka tugasnya ialah menyediakan draf dan mengedit balik berdasarkan pandangan atau isu yang sesuai menurut pemikiran Tok Guru.





"Pendek kata secara peribadinya, Tok Guru banyak memperbaharui konsep-konsep yang sedia ada agar mudah kita faham," ujar Ahmad Fadhli.

Pengalaman itu cukup berharga baginya untuk memahami bahawa apa yang kita buat bukan bermatlamat keduniaan semata-mata malah pengakhirnya adalah akhirat. Ia selari dengan konsep Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) sebagai teras pentadbiran menurut Islam.

"Kita meletakkan Allah sebagai majikan yang utama. Inilah nilai-nilai 4P yang ada pada Tok Guru yang merentasi sempadan dunia menuju ke akhirat," tambah Ahmad Fadhli lagi.

### Keperibadian unggul

Ahmad Fadhli turut berkongsi pengalamannya menjalankan tugas sebagai Setiausaha Akhbar adalah kuat didorong oleh keperibadian Tok Guru yang unggul. Keperibadian itu menjadi kebanggaannya untuk meningkatkan disiplin diri, terutama berintegriti dalam setiap tugas yang diserahkan kepadanya.

"Kita bangga kerana peribadi yang unggul bersemi akhlak ulama berpagarkan sunnah. Banyak perkara yang boleh dicontohi. Antaranya, hidup bersederhana dan tidak membesarkan kemewahan serta darjat. Semua pihak suka, termasuk pelbagai peringkat anak muda," jelas Ahmad Fadhli yang sekarang ini selaku Ketua Pemuda PAS Negeri Kelantan.


Ahmad Fadhli turut merakamkan pengalamannya yang kerap kali juga diarah mengiringi Tok Guru dalam beberapa majlis bersama masyarakat. Ilmu

kemasyarakatan yang dipamerkan oleh Tok Guru, terutama semasa melayani pemimpin setempat dan orang ramai dengan penuh kemesraan dan kemurahan hati banyak mengajarnya erti hidup.

"Saya belajar dari Tok Guru, betapa sifat kemurahan hati dan kemesraan hubungan perlu diamalkan, kerana ia merupakan asas ukhuwah Islamiah," jelasnya.

Malah Tok Guru turut mempamerkan secara 'bil-hal' sifat baik hati, memberi infaknya untuk jemaah dan kepentingan awam. Bagi Ahmad Fadhli, ia cukup menyejukkan mata memandang ketika melihat Tok Guru memulakan atas dirinya dengan mengeluarkan sampul duit dan menghulurkan sumbangan peribadi ketika beliau melancarkan dana pembangunan masjid.

Hebatnya Tok Guru, sehingga ada individu tertentu membisikkan kata-kata kepadanya, 'kayanya Tok Guru' kerana sering memberikan haknya kepada orang lain. Suatu bait-bait kata yang cukup mendidik jiwanya sebagai anak muda yang mengharapkan bimbingan.

"Saya menyanjung tinggi Tok Guru kerana kepimpinannya, menunjukkan contoh teladan yang berkesan, terutama menerusi amalan solat berjemaah. Berkat solat berjemaah itulah, terasa dekat dan kuatnya ikatan kasih sayang dengan Tok Guru," terang Ahmad Fadhli dengan nada yang sayu ketika mengakhiri bual bicaranya. Harapannya, semoga Allah SWT merahmati jasa Tok Guru selaku pemimpin, ulama dan murabbi untuk sekalian ummah. 



*\*Ahmad Fadhli Shaari, dilahirkan pada 18 Julai 1980, menerima pendidikan di Maahad Tahfiz Al-Quran, Pulau Chondong (1992-1999). Menyambung penganjian di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri (2000-2003) dan mengikuti kuliah dakwah Islamiah, Universiti al-Azhar (2003-2004). Bekas Pensyarah KIAS (2005-2009), bekas Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar Kelantan semasa Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (2010-2013) dan Ustaz Dato' Ahmad Yakob (2013-2014). Juga sebagai Ketua Pemuda PAS Negeri Kelantan. Kini berkhidmat sebagai Pengarah UBES yang bertanggungjawab terhadap program pembangunan belia dan sukan negeri Kelantan.*





**"Tok Guru amat teliti dalam membuat keputusan pelantikan SUK negeri kerana sebelum itu Tok Guru hanya menerima siapa saja yang dilantik sebagai SUK, tetapi pada soal pelantikan saya, Tok Guru telah melihat rekod perkhidmatan dan kekanan serta hasil kerja dalam perkhidmatan."**

## Dato' Dr Hj Zainuddin Ibrahim

# Jangan tinggal solat sunat Dhuha

*Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya Foto Ahmad Naim Muhammad*

Keikhlasan Allahyarham Tok Guru Haji Nik Abdul Aziz Niik Mat merupakan kekuatan dalaman yang membangkitkan kejayaan mentadbir negeri selama lebih dua dekad. Keikhlasan itu boleh dianggap sebagai rahsia pentadbiran di bawah dasar Membangun Bersama Islam di Kelantan terus diterima rakyat sehingga kini. Meskipun hal ehwal pentadbiran Kelantan berdepan dengan pelbagai cabaran dalaman dan luaran, namun ia tetap dikenali di seluruh negara Islam. Ini menjadi mercu tanda meletakkan Tok Guru selaku seorang ulama terkemuka telah berjaya melaksanakan tugasnya.

Kehebatan kepimpinan Tok Guru secara langsung membawa negeri yang kecil ini menjadi besar dan hebat dalam pandangan masyarakat dunia terutamanya dalam membawa perubahan dalam pentadbiran sehinggakan banyak hal telah dcedok oleh Kerajaan Persekutuan, mahupun negeri-negeri lain.

### Lebih awal mengenali Tok Guru

**"Secara ikhlas saya mengenali Tok Guru sebelum saya berkhidmat dalam pentadbiran negeri lagi kerana seluruh keluarga saya amat mengenali Tok Guru dan menyukai keperibadian beliau. Jadi awal-awal lagi saya sudah pun kenal beliau. Alhamdulillah saya dipilih oleh Allah untuk berkhidmat di bawah kepimpinan seorang yang bergelar ulama",** ujar bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Dr Haji Zainuddin Ibrahim, 63 tahun.

Menyentuh tempoh perkhidmatan di bawah kepimpinan Tok Guru, Zainuddin berkata, ia sudah bermula di era pentadbiran Tok Guru lagi sehinggalah berakhir tahun 2013. Pada awalnya beliau berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Negeri

seterusnya ke Timbalan SUK, dan terakhir pada Jun 2011 sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Mengimbau kembali kenangan manis ketika bersama Tok Guru, Zainuddin berkata sepanjang kehidupan dan bekerja di bawah Tok Guru adalah manis semuanya. Namun yang paling terlekat dalam ingatannya sehingga kini ialah pada tahun 2004 apabila Tok Guru telah menghadiri majlis kenduri kahwin anak sulungnya dan ia merupakan satu detik yang paling manis bagi seluruh keluarga beliau.

### Kenangan manis

Sementara itu dalam kehidupan sebagai kakitangan kerajaan negeri, pelantikan beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan juga satu kenangan manis.

**"Saya masih ingat Tok Guru amat teliti dalam membuat keputusan pelantikan SUK negeri kerana sebelum itu Tok Guru hanya menerima siapa saja yang dilantik sebagai SUK, tetapi pada soal pelantikan saya, Tok Guru telah melihat rekod perkhidmatan dan kekanan serta hasil kerja dalam perkhidmatan,"** ujar beliau



**Mesyuarat EXCO pada setiap hari Rabu, setiap dua minggu sekali**





**sambil mengesat air mata yang bergenang di kelopak matanya.**

"Tok Guru hadir sendiri menyaksikan penyerahan tugas dari bekas Setiausaha Kerajaan, Dato' Mohd Aiseri Alias semasa itu kepada saya sebagai Setiausaha Kerajaan yang baru. **Saya masih ingat sehingga kini ketika mengangkat sumpah menerima pelantikan di hadapan beliau, Tok Guru ada menyebut agar saya sentiasa mendirikan solat sunat Dhuha, dan saya anggap itu satu nasihat yang paling berharga dari seorang ketua kerajaan yang bertaraf ulama di negara ini,"** katanya dengan seri wajah tanda syukur.

### **Menyanjung Tok Guru**

Tatkala mengimbuai pengamatan beliau terhadap ciri-ciri kepimpinan Tok Guru sebagai Menteri Besar, Zainuddin amat menyanjung tinggi gaya kesederhanaan dan sikap teliti Tok Guru sepanjang berurusan dengannya. Ia menampilkan ciri-ciri

sebagai pemimpin umat Islam sejagat. Atas gaya itu, Tok Guru adalah seorang yang kompeten malah banyak ambil tahu atas tugasnya dan tugas pegawai. Ia cukup senang untuk mengikuti arahan dan teguran beliau.

Ini menyebabkan apa yang dituturkan oleh beliau akan diikuti oleh semua pihak tanpa bahas, kesemua ini adalah lahir dari sikap peribadi yang begitu jujur dan tidak mementingkan diri sendiri.

Kerajaan di bawah pentadbiran Tok Guru juga memperkenalkan satu program khas untuk kakitangan kerajaan negeri iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) dan ini satu motivasi yang amat berkesan kepada kakitangan kerajaan.

"Sifat Tok Guru yang mampu berkomunikasi dengan ahli politik dan penjawat awam juga menjadi satu kelebihan beliau dan melalui sikap merendah diri tetapi tegas juga membolehkan pentadbiran beliau lancar. Sehubungan itu saya beranggapan dalam urus tadbir sebuah negeri, beliau boleh dijadikan



*Majlis angkat sumpah sempena pelantikan sebagai Ketua SUK*



*Majlis perletakan Batu Asas Bangunan Tambahan Block 8, Kompleks Kota Darulnaim*





contoh di rantau Asia Tenggara, kerana sesungguhnya Tok Guru berjaya sebagai seorang ulama yang mampu mentadbir sebuah negeri," tegasnya dengan nada serius.

Zainuddin turut berkongsi pengalamannya ketika melaksanakan arahan Tok Guru selaku Menteri Besar Kelantan. Sikapnya jelas, iaitu sebagai ketua kepada penjawat awam negeri Kelantan, kenalah sentiasa serius terhadap apa jua arahan dari Menteri Besar. Terutama di dalam memastikan program UMI mencapai matlamat dan ia menjadi tanggungjawab besar untuk disebarikan kepada seluruh penjawat awam.

### Menunaikan hasrat Tok Guru


Zainuddin turut bersetuju dengan hasrat Tok Guru agar beberapa program dapat dijayakan dengan sebaiknya. Antaranya menjadikan pusat pengajian Pondok sebagai satu produk pelancongan agama di Kelantan. Di samping itu meningkatkan lagi prestasi khidmat kepada rakyat yang acap kali disebut-sebut oleh Tok Guru.

"Di atas asas itu, saya akan berusaha sedaya mungkin untuk melaksanakan apa yang dihasratkan oleh Tok Guru. Misalnya, pernah Tok Guru bersungut tentang keutamaan untuk mengatasi sedikit sebanyak kesesakan jalan raya. Maka sebagai Setiausaha Kerajaan, kita berbincang dengan agensi berkenaan lalu mengambil langkah membina beberapa lorong memotong di tempat-tempat tertentu sepanjang jalan raya Kota Bharu-Kuala Krai. Alhamdulillah ia dapat dibuat."

"Bagi saya kalau nak tunggu lebuah raya yang mempunyai sistem jalan yang baik mungkin memakan masa sedangkan kenderaan semakin bertambah setiap hari terutamanya musim perayaan. Oleh itu kalau kita perbanyakkan laluan memotong di jalan utama Kota Bharu-Kuala Krai, ia sedikit sebanyak boleh membantu mengurangkan kesesakan jalan tersebut", kata beliau lagi.

### Tok Guru yang karismatik

Menyentuh amalan dan gaya pentadbiran Allahyarham Tok Guru, beliau anggap Tok Guru seorang yang suka bermusyawarah dan memiliki ciri karismatik serta tajam dalam embuat keputusan. Ia mempamerkan banyak contoh teladan.

"Tok Guru ni adalah contoh teladan bukan saja dalam aspek pentadbiran sebuah negeri, tetapi kepada seluruh rakyat Kelantan, malah bagi saya, sehingga kini tiada seorang pun pemimpin di rantau ini yang boleh dijadikan rujukan atau bandingan dan Insya-Allah Tok Guru adalah yang pertama akan dijadikan rujukan oleh rantau ini dalam aspek pentadbiran." 



*\*Dato' Dr Hj Zainuddin Ibrahim, 63 ialah bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (2012-2013). Lebih 30 tahun berkhidmat sebagai pegawai tadbir negeri Kelantan di dalam pelbagai jabatan dan sektor. Beliau merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan yang pertama berkelulusan Doktor Falsafah. Perlantikannya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan adalah menepati pilihan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang telah mendapat ampun perkenan Tuanku Al-Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V (temu bual di kediamannya).*





“Atas dorongan untuk belajar dengan Tok Guru, saya meringan tubuh untuk hadir, dan ternyata Tok Guru memiliki aura tersendiri yang boleh menarik anak murid mengikuti kuliahnya.”

## Haji Mustapha Salleh (Cikgu Pa) Tok Guru, ilmunya penyelamat ummah

Oleh Muhammad Yusri Amin

Foto Ahmad Naime Muhammad

Cikgu Haji Mustapha Salleh (Cikgu Pa) memiliki banyak titipan ilmu daripada Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru). Bersama-sama wakil QIADAH, beliau sedia berkongsi kenapa dan bagaimana beliau menjadi anak murid kepada Tok Guru. Pasti banyak manfaat untuk sesiapa yang mencintai ilmu daripada Tok Guru.

### Aura Tok Guru

Bagi Cikgu Pa, dorongan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang agama merupakan punca beliau berguru dengan Tok Guru. Ia bermula ketika masih di universiti lagi, mengikuti kelas pengajian tafsir yang cukup diminati kerana gaya dan pengisian ilmu yang mudah difahami.

Contohnya, dalam mengupas Tafsir al-Quran, Tok Guru sangat menekankan hubung kait dengan keadaan semasa dan sering merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang masyhur seperti tafsir Fii Zilalil Quran oleh As-Syahid Sayyid Qutb.

“Atas dorongan untuk belajar dengan Tok Guru, saya meringan tubuh untuk hadir, dan ternyata Tok Guru memiliki aura tersendiri yang boleh menarik anak murid mengikuti kuliahnya,” jelas Cikgu Pa.

Baginya, Tok Guru bukan sahaja memiliki aura tersendiri, malah perwatakannya yang warak dan

bersederhana pasti akan meyakinkan lagi akan ilmu yang disampaikan.

Semenjak tahun 1978, beliau turut istiqamah mengikuti kuliah dan ceramah Tok Guru. Walaupun begitu, beliau acap kali mengikuti kuliah berbanding ceramah kerana kebetulan rumahnya di Kubang Kerian berdekatan dengan tempat kuliah di Masjid Pulau Melaka dan Dewan Zulkifli Bangunan PAS di Kota Bharu.

### Status Murabbi Ummah

Cikgu Pa yang mengenali Tok Guru sebagai seorang murid, sekaligus turut menjadi pengikutnya dalam gerakan kerohanian dan perjuangan Islam. Justeru beliau mengenali Tok Guru sebagai seorang guru dan pemimpin gerakan Islam. Maka Cikgu Pa bersetuju status Tok Guru adalah Murabbi Ummah yang selayaknya diangkat sebelum dilantik sebagai Menteri Besar lagi.

“Sebenarnya, gelaran Murabbi Ummah dinobatkan oleh masyarakat menjelang penghujung hayat mantan Mursyidul Am PAS itu,” demikian hemat Cikgu Pa selaku anak murid setia Tok Guru.

Menurutnya, pengiktirafan status Murabbi Ummah adalah berdasarkan peranan Tok Guru sepanjang hayatnya sebagai pemimpin rohani yang telah menceburi bidang tarbiyah dan gerakan Islam dalam masyarakat.



## Kuliah Tok Guru

Cikgu Pa sentiasa mengikuti perkembangan kuliah Tok Guru atas keyakinan apa sahaja tajuk atau kitab yang dikuliahkan pasti ada ilmu baharu yang disampaikan. Oleh itu, beliau mengikuti kuliah Tok Guru di dua tempat sahaja, iaitu Masjid Pulau Melaka (selepas solat maghrib hingga isyak, hari Khamis malam Jumaat) dan keduanya di Dewan Zulkifli (kini dikenali sebagai Medan Ilmu MPKB-BRI) pada pagi Jumaat.

Di Pulau Melaka, Tok Guru mengajar kitab Imam Ghazali, 'Mau'izatul Mukminin', dan 'Tazkiratul Maut' serta Fiqh as-Sunnah (Fekah Empat Mazhab) karangan Syed Thabit. Sementara di Kota Bharu pula ialah Tafisr al-Quran 'Pimpinan Rahman.'

"Kedua-dua tempat kuliah Tok Guru itu adalah paling mendapat sambutan," jelas Cikgu Pa.

## Aktivis pendidikan

Kesan daripada berguru dengan Tok Guru, Cikgu Pa turut merasai tanggungjawab untuk mengembangkan ilmu kepada masyarakat. menerusi institusi pendidikan. Kebetulanannya semangat yang sama telah ada dalam kalangan pemimpin PAS, seperti Allahyarham Ustaz Mawardi Ahmad, Allahyarham Ustaz Wan Mustapha Rusydi dan Allahyarham Ustaz Yahya Othman. Di atas semangat itu kami telah mendapat restu daripada Tok Guru, lalu tertubuhlah Madinatul Ilmi sebagai sekolah rendah Islam yang pertama di bawah PAS Kelantan sekitar tahun 1986.

"Seingat saya, usaha menubuhkan sekolah itu dimulakan dengan melantik Tok Guru sebagai Penaung," terang Cikgu Pa.

Justeru itu Cikgu Pa merakamkan penghargaan tinggi kepada Tok Guru kerana berkat ilmu yang diajarnya telah mendorongnya terus maju jaya dalam kerjaya, malah pada masa yang sama turut menjadi aktivis pendidik semasa di luar tugas rasmi.

Berkongsikan dorongan itu juga, Cikgu Pa mengakui bahawa dirinya acap kali diminta menyampaikan Kuliah Jumaat di Air Lanas dan Repek, Bachok.

## Meniup roh perjuangan

Justeru atas pengalaman sedemikian, Cikgu Pa turut menyifatkan Tok Guru sebagai tunggak kepada aktivis ummah, dan peneraju kepada kepimpinan harakah Islamiah PAS. Sekaligus merupakan pimpinan rohani dan politik yang berjaya meniupkan roh perjuangan Islam di serata penjuru negeri dan negara.

Sambung Cikgu Pa lagi, "bagi Tok Guru, itu saja, kita nak bercakap apa, nak buat apa, asalkan jangan lari daripada landasan dan perjuangan Islam. Jangan tolak kalimah 'syahadatain' termasuk dalam membuat persiapan untuk mati itu sendiri walau di mana kita berada."

## Mengaitkan siasah syariyyah

Satu lagi kekuatan kuliah Tok Guru ialah mengan-dungi ilmu siasah yang disampaikan dengan penuh mantik. Huraian-pula selalu diselitkan dengan asas siasah syar'iyah serta turut membawa contoh seni pentadbirannya di dalam kerajaan negeri berteraskan dasar Membangun Bersama Islam.

Tok Guru dilihat berjaya mempamerkan hidangan ilmunya bersifat terbuka dan kaya dengan selitan siasah sebagai 'magnet' sehingga menarik ramai pihak untuk mengikuti dan mengkaji perkembangan sosio-politik Kelantan.

"Amat tepat dengan hasrat Tok Guru untuk menjadikan Kelantan sebagai 'universiti politik terbuka' yang boleh menjadi contoh kepada negeri lain, malah pentadbiran negeri Kelantan telah mencetus lebih seratus perubahan sejak 1990," ujarnya yang juga bekas Ketua Pemuda PAS Kota Bharu sekitar 1990-an itu.

## Memerangi sekular

**Sesuatu yang nyata dalam memahami fikrah kuliah Tok Guru ialah ketegasannya memerangi pemikiran sekular. Pendekatan Tok Guru seringkali menghurai asas-asas penolakan pemikiran mengenai syirik yang dibayangkan sebagai unsur sekular. Termasuklah persoalan 'politik suku, agama suku' dan 'perjuangan asabiyah' sebagai sesuatu yang bercanggah dengan akidah Islam. Maka Tok Guru menyimpulkan fikrah berkenaan adalah bertentangan dengan Islam.**

Justeru, Cikgu Pa bersetuju dengan Tok Guru bahawa perjuangan UMNO berteraskan kebangsaan Melayu adalah sekular. Malah acap kali disebutkan, "jika UMNO menukar dasarnya kepada Islam maka kita akan sokong."

Bagi Cikgu Pa pendekatan Tok Guru adalah benar dalam membawa perjuangan Islam berasaskan dasar dan 'gharadh' siasahnya termasuk kaedah 'Tahaluf Siyasi' dan politik dakwahnya. Ia adalah 'khazanah ummah'.

Disebabkan pendekatan itu, ia turut menyedarkan pihak lawan politik apabila mereka begitu responsif terhadap isu yang dibangkitkan oleh Tok Guru dalam isu-isu yang melibatkan Islam. Terbukti, apabila ada kalangan pemimpin lawan yang dalam senyap telah meniru falsafah dan pendekatan kepimpinan Tok Guru termasuk berkaitan pentadbiran negeri.

## Falsafah perpaduan

Sementara itu, pendekatan ilmu Tok Guru juga turut menyubur semangat perpaduan kaum di negara ini. Sehingga ada individu bukan Islam yang hadir mengikuti kuliah Tok Guru. Kesannya amat positif dari segi perpaduan.






"Malah ada seorang India datang bersalam dengan Tok Guru, kemudian terus tunduk menghulur tangan menyentuh kaki Tok Guru, seolah-olah mahu 'menyembah' Tok Guru," ujar Cikgu Pa.

Berpandukan peristiwa itu, ternyata gaya kepimpinan dan keperibadian Tok Guru bersifat rentas perkauman. Maka Tok Guru membuktikan falsafah perpaduan menurut Islam ialah 'tali Allah' yang mementingkan hormat-menghormati antara satu sama lain. Oleh sebab itu, Tok Guru sanggup hadir merayakan Sami Buddha di Wat Siam.

#### **Harapan untuk pimpinan**

Suatu titipan istimewa daripada Tok Guru selaku pimpinan Murabbi Ummah adalah hasratnya melebarkan ilmunya demi menyelamatkan ummah. Oleh sebab itu, Cikgu Pa meletakkan harapan besar agar kepimpinan jemaah mahupun kerajaan yang ada pada hari ini dapat mencontohi kepimpinan Tok Guru yang terbukti berjaya selama hayatnya.

Paling tidak, setiap pemimpin boleh menunaikan tiga amal ibadat Tok Guru iaitu solat sunat dhuha, tahajud dan zikir harian. Betapa amalan dan cara hidup Murabbi Ummah itu penuh kesederhanaan dan sarat dengan kemuliaan yang sukar dicari. Lebih bermakna lagi kerana Tok Guru sendiri pernah menyebutkan, "hiduplah dengan gaya macam mana sekalipun, dan mati dalam keadaan macam mana sekalipun, namun kita kena ingat, 'jangan lari' dari landasan Islam."

Sambil mengenang saat terakhir beliau mengi-kuti kuliah Tok Guru di Medan Ilmu, "Tok Guru menyebutkan 'saat kematian' yang bakal dihadapinya. Ia begitu terlekat kuat dalam fikiran. Semasa Tok Guru di hospital, saya sentiasa mendoakan agar Allah menyembuhkannya dan turut mengadakan solat hajat untuk kesihatannya, tapi Allah Yang Maha Kuasa," ratapnya dengan raut wajah yang penuh kehibaan tanpa mampu menghabiskan bicara beliau. 

\*Haji Mustapha Salleh, 63 tahun. Berasal dari Lorong Kubur Tok Kenali, Kubang Kerian, seorang pesara guru Kementerian Pendidikan Malaysia. Lulusan Universiti Malaya (1978). Selama 34 tahun (1978-2009) di dalam perkhidmatan dan jawatan terakhir ialah Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid) di SMK Dato' Biji Wangsa, Tumpat. Di atas pengalaman profesional dan kejitilahan fikrahnya, beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dan Setiausaha PAS Kawasan Kubang Kerian. Mula mengikuti kuliah Tok Guru sejak tahun 1978. Berkat titipan Tok Guru, maka beliau bersyukur dapat memanjangkan kerohanian dan keilmuan dari Tok Guru kepada masyarakat.



Falsafah hubungan sesama insan berprinsipkan 'mantiqiyah' dan 'siasah syar'iyah' Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) bahawa sejauh mana rapat hubungan dengan orang lain, jangan dilepaskan semua dan macam mana sayang sekali pun, jangan sayang semua, mesti ada simpanan. Falsafah Allahyarham Murabbi Ummah itu menjadi pegangan Haji Zakaria Deraman (yang lebih mesra dengan panggilan Abe Ya) sejak dari awal bertugas sebagai Pengiring Peribadi Tok Guru lagi.

## Menjaga solat

Tambahnya lagi, 'pegangan' kedua sepanjang beliau bertugas sehingga bersara dengan mantan Menteri Besar Kelantan itu ialah istiqamah dengan amalan solat. Tok Guru amat menjaga solat walau di mana sekalipun.

"Saya memerhati Tok Guru sentiasa menunaikan solat di awal waktu. Itu amalannya walau ke mana beliau pergi termasuk menghadiri program rasmi kerajaan. Tok Guru mengarahkan agar perjalanan dirancang lebih awal supaya senang untuk berhenti menunaikan solat apabila masuk waktu," ujarnya.

**Sekiranya terlewat waktu solat dan kenderaan baru berhenti, Tok Guru bertanya kenapa tidak berhenti awal, walaupun dimaklumkan tiada masjid sepanjang perjalanan, namun beliau bertegas mengasak kenapa tidak mencari surau sahaja sekiranya tiada masjid.**

## Keikhlasan dan tawaduk

Keikhlasan Tok Guru dalam mentadbir negeri Kelantan merupakan salah satu faktor utama beliau dapat bertahan lama sebagai Menteri Besar dan pemimpin parti. Abe Ya mengakui dan menggambarkan demikian kerana yakin bahawa Tok Guru seorang yang mantap dengan keilmuan Islam, khususnya dalam bidang siasah syar'iyah.

## Pewaris nabi

Apabila menghayati perjalanan hidup Allahyarham Tok Guru, ia bagaikan 'pewaris nabi' dan sukar disamakan dengan pemimpin dan ulama lain di mana beliau sentiasa menyerah dan memperhambakan dirinya demi dakwah untuk mendidik rakyat. Suatu pembawaan hidup yang cukup sempurna termasuk dari segi amalan, akhlak, tindakan serta hubungannya dengan orang bawahan.

"Kita terasa 'sejuk hati' dan tidak rasa terkilan, bahkan kita sendiri malu kepada diri sendiri. Tidak ada bahasa dan ungkapan yang boleh digambarkan mengenai keistimewaan diri Tok Guru. Sekiranya kita mengadu rasa serabut kepadanya, beliau menguraikannya dengan dua tiga patah kata saja, terus kita menjadi tenang dan kembali bersemangat," ujarnya.

Abe Ya turut menceritakan pengalaman bertugas di Pejabat Menteri Besar di mana tetamu yang datang terdiri daripada rakyat biasa dan orang kampung

**"Amat sukar untuk mencari ganti seumpama Tok Guru, walaupun berperwatakan *simple* dan sering memakai jubah, berserban dan berbaju Melayu, namun dia mudah didekati dan mudah melayani."**



**Haji Zakaria Deraman (Abe Ya)**

**Tok Guru cakap serupa bikin**

*Oleh Muhammad Yusri Amin Foto Ahmad Naim Muhammad*



dengan urusan masing-masing, kebanyakannya mahu berjumpa Tok Guru sendiri walaupun sekadar sedetik cuma, cukup untuk mendengar 'sepatah selidah' dari Tok Guru.

Mereka mahu mendengar sendiri dari mulut Tok Guru walaupun dalam urusan yang tidak boleh diselesaikan, namun tetamunya itu akan pulang dengan puas hati, dapat menerimanya dengan baik apabila mendengar sendiri jawapan daripada Tok Guru. Ada sesetengahnya pula, cukup dengan sekadar berada di pintu Pejabat Menteri Besar, sekadar mahu memerhati kelibat Tok Guru sebelum mereka pulang.

### Sentiasa tenang

**Menceritakan pengalamannya lagi, ketika menjalankan tugas rasmi, adakalanya Tok Guru berhadapan dengan situasi yang mencemaskan, namun Tok Guru bersikap tenang. Seolah-olah tidak ada kesan sedikit pun pada diri Murabbi Ummah itu.**

Namun adakalanya menyebabkan Tok Guru mengalami demam-demam kecil. Ketika itu, kelihatan Tok Guru mendiamkan diri semacam bertafakur, seolah-olah sedang memikirkan persoalan berat (tugas kerajaan dan tanggungjawabnya). Hal ini pernah disaksikan ketika keributan Kerajaan era Angkatan Perpaduan Ummah apabila Parti Semangat 46 yang menimbulkan peribagai kerenah sehingga parti itu dibubarkan.

"Hal itu, menyebabkan Tok Guru Nik Aziz disenangi ramai, kerana kebolehannya 'empat tapang (penjuru alam)', 'boleh gi belaka', maka cara kepimpinannya turut mendapat perhatian semua pihak termasuk ketua negara asing sama ada muslim atau non-muslim," ujar Abe Ya.

### Buat apa yang dicakap

Kelainan dan kelebihan Tok Guru berbanding ulama dan tok guru lain ialah dari segi seni berhujah dan menguasai teknik mengajar agama yang tidak terkecuai mampu menarik minat pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya Tok Guru 'buat apa yang dicakap'. Tok Guru adalah ketua pentadbir

dan pengamal siasah syar'iyah yang memahami kerenah masyarakat.

**Sepanjang bersama Tok Guru, Abe Ya berasa amat sukar untuk mencari ganti seumpama Tok Guru itu, walaupun 'berperwatakan simple' dan sering memakai jubah, berserban dan berbaju Melayu, namun ia mudah didekati dan mudah melayani.**

### Kenangan mengagumkan

Sepanjang bertugas, Abe Ya mengimbau dua kenangan mengagumkan yang sampai sekarang terlekat dalam ingatan. Pertama ketika insiden Jambatan Sultan Yahya Petra sedang dibaiki dan laluannya agak sesak kerana hanya satu laluan trafik dibuka untuk lalu lintas.



"Selepas program rasmi di Majlis Daerah Pasir Mas, Tok Guru terpaksa bertolak ke Kuala Lumpur melalui Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Disebabkan Tok Guru berucap agak panjang, maka perjalanan memerlukan pergerakan cepat, sedangkan jalan agak sesak dan pada perhitungan akal logiknya memang tidak sempat untuk menaiki kapal terbang."

"Apapun Alhamdulillah, apabila sampai diluan yang sesak itu, tidak disangka-sangka telah datang polis trafik mengawal laluan dari Pasir Pekan ke Kota Bharu dan kemudian dari Kota Bharu ke Pengkalan Chepa, sedang waktu itu kami tidak meminta apa-apa kawalan trafik untuk Tok Guru."

**Ketika itu adalah saat yang sangat kritikal (untuk mengejar masa). Tuhan Maha Kaya, yang menggerakkan kawalan polis trafik pada saat Tok Guru memerlukan kawalan perjalanan. Maka hajat membawa Tok Guru seelok-eloknya sampai ke airport bertepatan dengan jadual penerbangan."**

"Yang kedua, dalam insiden yang hampir sama juga, iaitu hampir ditinggalkan kapal terbang ketika Tok Guru berada di Kuala Lumpur membuat ucapan utama di Taman Melewar, sebelum berlepas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Disebabkan Tok Guru berucap memakan



**Abe Ya sebak ketika mengingati kembali kenangan bersama Tok Guru**



masa yang agak panjang, (walaupun awal-awal saya telah beritahu tentang masa untuk berlepas dari Taman Melewar ke *airport*) dan saya telah memberitahu sekurang-kurangnya dari Taman Melewar ke KLIA memerlukan kira-kira 45 minit. Namun Tok Guru menamatkan ucapan dengan masa berbaki hanya dua puluh minit saja lagi untuk ke *airport*," ujar Haji Zakaria.

"Bayangkan, dengan masa yang ada itu, maka terpaksa hadapi perjalanan dalam keadaan trafik yang sesak pula. Namun apabila sampai saja di *airport* dan saya masuk Bilik VIP, berjumpa dengan sekuriti dan serah pistol saya, sekuriti itu bertanya mahu pulang ke mana, dan saya beritahu ke Kota Bharu bersama Menteri Besar Kelantan. Pegawai sekuriti itu segera beritahu 'gate' kapal terbang sudah pun ditutup, dan meminta saya tunggu sebentar dan dia menelefon ketuanya. Semasa dia menelefon dan ditanya siapa, beritahu Tok Guru Nik Aziz, maka serentak itu juga kebenaran diberikan."

Menurut Abe Ya lagi, "ketika kami berkejar ke KLIA, ditakdirkan oleh Allah SWT masih sempat meskipun terlewat adalah (seperti dimaklumkan oleh pihak pegawai sekuriti tersebut) kerana kapal terbang untuk ke Kota Bharu telah terlambat sedikit mendarat di KLIA, maka terlambatlah sedikit masa berlepas ke Kota Bharu."

"Saya sendiri bersyukur kerana telah dua kali peristiwa seperti itu telah dihadapi bersama Tok Guru, namun (dengan nada serius dan perlahan), mungkin itu adalah kerana Allah memberikan kelebihan yang boleh kita anggap 'keramat' kepada Tok Guru," ujarnya.

### Kisah menjadi Pengiring Tok Guru

Di awal penglibatannya, Abe Ya sendiri pada masa itu (1990) masih belum bersedia untuk menjadi Pengiring Peribadi Tok Guru dengan alasan mahu menumpukan perhatian kepada tugasannya serta keluarga. Ketika dihubungi, Abe Ya meminta supaya dicari orang lain, namun atas kehendak Allah SWT, setelah gagal mencari penyandang yang layak dan wajar, maka akhirnya Abe Ya terpaksa terima tawaran sebagai Pengiring Peribadi Tok Guru. Oleh sebab itu, beliau diminta melaporkan diri di IPD Kota Bharu, kemudian bertugas di Pejabat Menteri Besar Kelantan.

Abe Ya memaklumkan beliau menerima tanggungjawab sebagai Pengiring Peribadi Tok Guru dengan harapan boleh menolong orang alim. "Lagi pun Tok Guru itu saya sudah kenal lama, selain perkhidmatan yang secara tidak langsung dapat menolong seorang pemimpin kepada sebuah parti Islam," ujarnya.

Mengimbu pengalaman mengenali Tok Guru dengan rapat, sebenarnya Abe Ya mengikuti Tok Guru sejak Tok Guru menjadi Ahli Parlimen lagi. Malah pernah bersama Tok Guru pergi ke Parlimen ketika masih bersekolah, juga menunaikan solat Jumaat di luar kawasan pada setiap Jumaat atau dalam kawasan Parlimennya. Selepas waktu bersekolah, apabila ada kelapangan beliau sering mengikuti Tok Guru ke tempat ceramah dan kuliah.

Menyentuh suasana politik Kelantan yang berbeza dengan kerajaan Pusat dan sering berlaku hubungan yang panas serta diskriminasi, Abe Ya menganggap itu semua turut mendorongnya untuk terus membantu Tok Guru.

"Saya pegang itu walaupun pada masa itu saya tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku (perjalanan pemerintahan kerajaan) di Kelantan. Bekerja sebagai Pengiring Peribadi Tok Guru, tidak ada yang terkecuali, sama ada rasmi atau tidak, mesti hadir bersamanya. Perlu bersama dengan Tok Guru terutama berdasarkan tugas yang digariskan sebagai Pengawal Peribadi, malahan tugas-tugas lain juga sepanjang masa, insya-Allah," ujarnya. @



*\* Haji Zakaria Deraman, 60 ialah Pengiring Peribadi Tok Guru yang kini menetap di Pulau Melaka, mempunyai enam orang cahaya mata. Beliau seorang anggota polis yang berkhidmat dengan Tok Guru selama 22 tahun. Mendapat pengiktirafan Tuanku Al-Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V dan dianugerahkan Pingat Perangai Baik (PB) tahun 2012. Sebelum ini, bertugas sebagai Konstabel Polis pada Jun 1992 di Terengganu setelah tamat latihan pada 1978 di Negeri Sembilan sebelum memasuki Cawangan Khas. Pada tahun 1992, beliau 'dipinjamkan' bertugas menjadi Pengiring Peribadi Menteri Besar Kelantan. Ketika PAS mencapai kemenangan cemerlang pada Pilihan Raya Umum pada 1990 dan semasa itu masih bertugas di Kontinjen Polis di IPD Terengganu selaku anggota Cawangan Khas. Apabila Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz menjadi Menteri Besar Kelantan, maka disebabkan beliau pernah kenal dan rapat hubungannya dengan Tok Guru, maka beliau telah diterima sebagai Pengiring Peribadi Tok Guru (temu bual di kediamannya).*



Mengenali Mohd Saleh Mamat, pemandu peribadi kepada mantan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru), maka terbayang akhlak Tok Guru terjelma ketika layanannya kepada kami (krew QIADAH).

Mohd Saleh yang mesra dengan panggilan Abe Lah, seorang yang peramah ketika berbicara, terutama apabila ditanya tentang pengalaman peribadinya sepanjang menjadi pemandu Tok Guru.

### Tok Guru cukup berahsia

Berbicara tentang pengalamannya bersama Tok Guru, secara terus-terang beliau menganggap Tok Guru sebagai Menteri Besar yang cukup berahsia demi menjaga hal kerajaan. **"Meskipun begitu, saya percaya Tok Guru menyimpan banyak perkara dalam kepalanya. Dalam kereta adalah tempat, saya memerhati Tok Guru dari dekat. Apa yang pasti Tok Guru tidak suka bersuara dan tiada apa-apa cerita hal dalam mesyuarat atau urusan parti dikongsi.** Hanya raut wajahnya yang sedikit sebanyak boleh menggambarkan suasana itu 'berat atau ringan' dalam kepalanya," ujar Abe Lah.

### Tenang menghadapi masalah

Sepanjang tempoh bertugas memandu dan membawa Tok Guru, Abe Lah selalu mengambil peluang memerhatikan 'keadaan' Tok Guru, terutama apabila diberitahu oleh bodyguard mengenai arah tujuhnya ialah untuk pergi menyelesaikan sesuatu yang bermasalah atau dianggap sukar. Saat itu, beliau sempat memerhatikan raut wajah Tok Guru. Ternyata Tok Guru sentiasa tenang dan ketenangan itu menyebabkan beliau selesa memandu.

Pengalaman membawa Tok Guru pergi ke tempat untuk menyelesaikan urusan yang dikira bermasalahan bukannya sekali dua. Menurut Abe Lah, pernah ketika selesai majlis perasmian Masjid Gunung Reng di Jeli, Tok Guru bergegas meninggalkan majlis tanpa makan tengah hari dan beliau diarah membawanya ke satu tempat lain atas urusan untuk menyelesaikan 'masalah besar' dalaman parti. Ternyata Tok Guru yang tampil dengan gaya yang tenang telah menyebabkan pihak yang terbabit menghormatinya dan masalah yang dikatakan besar itu kemudiannya selesai. Justeru menurut Abe Lah

**"Jangan cakap banyak. Kita kena jaga percakapan agar tidak tersalah cakap. Jangan bagaikan buntal kembang, perut buncit tetapi di dalamnya kosong."**



**Mohd Saleh Mamat (Abe Lah)**  
**Jangan tinggalkan solat termasuk solat sunat**

*Oleh Muhammad Yusri Amin  
 Foto Ahmad Naime Muhammad*





Keluarga Abe Lah

"sudah tentu Tok Guru ada bacaan dan amalan khusus dari segi kerohanian, apabila berdepan dengan keadaan sedemikian."

Berpandukan pengalaman tersebut, Abe Lah meyakini bahawa Tok Guru memiliki kelebihan sebagaimana sesetengah orang menganggapnya sebagai 'karamah' anugerah Allah SWT kepada orang alim seperti Tok Guru.

"Sebab itulah, kebanyakan urusan rasmi yang melibatkan Tok Guru, Allah SWT mempermudahkannya, Alhamdulillah." Kata Abe Lah yang cukup berpengalaman dalam memahami gaya Tok Guru.

#### Layanan baik

Abe Lah turut mengagumi gaya layanan Tok Guru kepada rakyat atau pegawainya. Sifatnya yang bersederhana itu menyebabkan ada sahaja pihak yang boleh berjumpa Tok Guru tanpa protokol, termasuklah ketika masuk atau keluar kereta. Tok Guru sedia melayan tanpa pilih kasih, meskipun di pintu kereta.

Malah kerap kali juga Abe Lah diarahkan tunggu sebentar oleh Tok Guru semata-mata ingin melayan seseorang di keretanya. "Memang Tok Guru bersikap mesra dalam layanan dan tidak berprotokol sangat. Sehingga pernah dia keluar dari biliknya dan saya sudah bersiap menuju ke kereta, Tok Guru masih sempat bertanyakan setiausahanya, ada lagikah sesiapa yang mahu berjumpanya."

"Malah sampai di rumah pun, Tok Guru tetap melayan tetamu atau rakyat yang menunggu di rumah. Bahkan Tok Guru dikatakan mengangkat sendiri juadah dan minuman kepada tetamunya. Keadaan, suasana dan kemesraan itu sangat sukar ditemui

pada Menteri Besar lain," kata Abe Lah dengan nada sayu seolah-olah sangat merindui majikannya itu.

#### Nasihat dan amalan

Sesuatu yang membanggakan Abang Lah ialah amalan dan nasihat Tok Guru yang kini menjadi amalannya.

**"Kita hidup ni, kita nak mati (akan berhadapan dengan kematian), jangan tinggalkan solat termasuk solat sunat, terutama solat sunat Subuh. Itu sebaik-baiknya. Pada solat itu sebolehnya bacalah surah Al-Insyirah dan surah Al-Fiil. Malahan Tok Guru turut mengamalkan wirid selepas solat. Pada sebelah pagi, amalkan wirid: "Laa ilaaha illallah wahdahu laa syariikalah, lahul mulku (hingga akhir). Amalkan sebanyak 15 kali pagi dan 15 kali**





petang. Pesanan itu saya amalkan sungguh-sungguh, Alhamdulillah ia menambahkan keyakinan saya akan keberkatan wirid itu," ujar Abe Lah.

Namun nasihat dan pesanan Tok Guru tidak sekadar berkaitan dengan amal ibadat sahaja. Hal-hal berkaitan menjaga tutur kata dan percakapan seharian amat dititikberatkan.


**Menurut Abe Lah, masih kuat tersemat dalam dadanya sehingga kini pesanan Tok Guru, "jangan cakap banyak. Kita kena jaga percakapan agar tidak tersalah cakap. Jangan bagalkan buntal kumbang, perut buncit tetapi di dalamnya kosong."**

#### **Kenangan manis**

Menjadi pemandu peribadi kepada Murabbi Ummah adalah kenangan paling manis dalam hidup Abe Lah. Pada awalnya beliau berhasrat menjadi pemandu bas

sebaik sahaja mendapat lesen memandu. Namun hasratnya terbatal apabila beliau mendapat tahu Tok Guru memerlukan pemandu peribadi setelah pulang ke kampung (Pulau Melaka) pada tahun 1977. Dengan rasa gembira beliau bersetuju menggalas tanggungjawab tersebut memandangkan Tok Guru merupakan jiran sekampung yang sudah tentu menjadi keutamaannya untuk berkhidmat.

Ketika itu Tok Guru adalah Ahli Parlimen dan urusannya kerap berulang-alik ke Kuala Lumpur untuk menghadiri persidangan parlimen. Malah hampir setiap bulan juga beliau membawa Tok Guru menghadiri ceramah dan majlis yang disusun oleh Pejabat Agung Parti atas jawatannya yang dahulunya selaku Ketua Ulama dan kemudiannya Mursyidul Am.

Di atas segala khidmat bakti bersama-sama Tok Guru, seorang pemimpin ternama, maka Abe Lah meletakkan keyakinan bahawa ia merupakan amal jariah yang diterima baik daripada Allah SWT jua. 



*\*Mohd Saleh Mamat, 64 tahun. Merupakan pemandu peribadi mantan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat semenjak tahun 1990. Dilahirkan di Pulau Melaka, sekampung dengan Tok Guru. Beliau cukup berpengalaman sebagai pemandu peribadi Tok Guru sejak Tok Guru menjadi Ahli Parlimen Pengkalan Chepa dan ADUN Semut Api. Secara rasminya beliau pencen setelah 37 tahun berkhidmat bersama-sama Tok Guru. Sudah tentu beliau adalah antara orang yang rapat dan memahami banyak hal peribadi Tok Guru yang berjaya dikongsi sedikit sebanyak menerusi hasil temubual bersamanya.*



Tuan Guru Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat (Tuan Guru) adalah satu nama dan figura yang tidak asing lagi di Malaysia terutama di negeri kelahirannya iaitu Kelantan Darul Naim. Kelahiran insan yang berpendirian tegas ini di persada politik dan dakwah tanah air telah mencetuskan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan ulama memimpin dan memgembangkan realiti pandang dunia Islam (Islamic world view) sebagai satu cara hidup.

Paling menyerlah tatkala Tuan Guru mengetuai pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan selama 23 tahun. Begitu banyak perubahan dijayakan sehingga berjaya memartabatkan Islam menerusi dasar Membangun Bersama Islam. Dasar yang dibina di atas tiga teras pentadbiran iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan, berjaya mengangkat Kelantan sebagai negeri yang ditadbir secara Islamik.

Justeru Tuan Guru dianggap berjaya menguruskan ketiga-tiga teras tersebut yang menatijahkan banyak perubahan dalam memenuhi objektif pembangunan menurut acuannya yang tersendiri. Berlandaskan tema "Membangun Bersama Islam-Kelantan Menerajui Perubahan," maka pelaksanaan pembangunan telah menambahkan nilai-nilai keunikan Kelantan yang sedia terkenal dengan jolokan Negeri Serambi Mekah.

Sudah tentu keunikan nilai-nilai Islamik yang sedang mekar subur di Kelantan hari ini adalah kerana istiqamahnya Tuan Guru selaku Menteri

Besar dalam memimpin dan mengilmukan rakyat Kelantan menerusi sudut pentadbiran Kerajaan Negeri. Kesemuanya telah mencatatkan sejarah tamadun Islam pasca moden di Kelantan.

Oleh kerana itu, aspek kepimpinan dan titipan ilmunya telah diiktiraf oleh banyak pihak sebagai 'legasi Tuan Guru'. Kini ia tinggal sebagai kenangan yang terukir indah sebagai legasi kepimpinan (sudut politiknya) dan titipan murabbi (sudut dakwahnya). Ia sudah tentu sesuatu yang bernilai seperti emas dan berlian apabila ditulis dan dijadikan pengkisahan.

### Tok Guru lambang beragama

Sehubungan latar belakang Tuan Guru yang sedemikian, penulisan ini berjaya mencungkil beberapa sudut legasi kepimpinan dan titipan murabbi yang tuntas dan terserlah. Antaranya, yang terukir indah ialah kejayaan Tuan Guru mempopularkan sebutan "Tok Guru" itu sendiri sebagai lambang nilai hidup beragama masyarakat Kelantan.

Justeru bagi memastikan nilai hidup beragama itu terukir indah dalam pemikiran kita, Tuan Guru telah mengarahkan penggunaan nama 'Tok Guru' dapat dipopularkan dalam apa sahaja sudut kehidupan masyarakat. Lantaran itu, nama-nama seperti tempat, masjid, jalan dan institusi dapat dirangkai dengan nama "Tok Guru."



## 'TOK GURU' SIMBOL LEGASI & TITIPAN MURABBI

Oleh Norazelan Nik Najmil Hanif & Muhammad Nabil Naufal

Foto Ahmad Naime Muhammad



## **Institut Pemikiran Tok Guru**

Hasil tinjauan dalam kalangan masyarakat, maka tergambar seolah-olah satu skrin besar yang sarat dengan pelbagai informasi berkaitan penggunaan nama Tok Guru. Di atas kekuatan informasi tersebut, maka Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob selaku Menteri Besar Kelantan telah mengumumkan penubuhan Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG). Matlamat penubuhannya adalah untuk menghimpunkan informasi tentang sumbangan Tuan Guru selama 23 tahun berkhidmat sebagai ketua pentadbir kerajaan negeri.

Secara tepatnya, boleh dianggap bahawa penubuhan IPTG adalah manifestasi komitmen Menteri Besar sekarang (Ustaz Ahmad) sebagai penyambung legasi Tuan Guru. Oleh kerana itu, IPTG diamanahkan untuk 'menghidup-segarkan' sepanjang masa gaya kepimpinan dan titipan ilmu Tuan Guru menerusi pelbagai aktiviti seperti seminar, wacana, pameran dan penulisan serta pengarkiban. Justeru kesemua bahan dan ramuan pemikiran (ilmu) yang bersumber Tuan Guru akan sentiasa dijadikan rujukan dan panduan kesemua ahli pentadbiran kerajaan negeri.

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan telah diamanahkan untuk menyiapkan kertas kerja penubuhan atas nama 'Institut Pemikiran Tok Guru'. Kemudian kertas kerja ini dipersembahkan kepada Tuanku Sultan Muhammad V dan telah mendapat perkenan baginda dengan sedikit penambahbaikan nama pada hujungnya Dato' Bentara Setia. Selepas itu, pada 14 Ogos 2013 IPTG telah ditubuhkan secara rasmi.

Pengurusan IPTG dilaksanakan menerusi satu Jemaah Fellow yang diketuai oleh Menteri Besar Kelantan dan dibantu oleh beberapa EXCO kerajaan negeri dan ahli akademik serta korporat. Keputusan peringkat Jemaah Fellow akan berpandukan kepada fungsi-fungsi IPTG. Antara fungsi pentingnya adalah sebagai pusat penyelidikan pemikiran Tuan Guru berasaskan sumber arkib yang terkumpul mahupun daripada carian menerusi pelbagai pendekatan. Sehingga kini, pihak IPTG telah berjaya mengumpulkan karya, teks ceramah, ucapan beliau di parlimen dari tahun 1967-1986, penulisan atau hasil kajian berkaitan Tok Guru, dasar-dasar kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengannya seperti Dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Faedah daripadanya adalah dapat memperkembang atau meluaskan pemikiran dan idea Tok Guru, khususnya kepada pegawai tadbir negeri dan kakitangan awam melalui penyertaan mereka dalam kursus berkaitan Tasawur Islam yang diadakan seminggu sekali di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan diselenggarakan oleh pihak IPTG dengan kerjasama KIAS.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pemahaman kepada pegawai-pegawai tentang Dasar Membangun Bersama Islam. Kursus ini disertai oleh 20 hingga 30 orang pegawai tadbir dalam satu-satu sesi.

Pembiayaan kursus diuruskan oleh Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Kini kursus tersebut telah melahirkan tiga siri lulusan Tasawur Islam yang dianugerahkan Diploma Tasawur Islam.

Manakala untuk orang-orang awam, IPTG sedang berusaha menerapkan pemikiran Tuan Guru melalui kerjasama dengan Kelab Penyokong Kerajaan Kelantan (BBC). Antara program yang dilaksanakan ialah penyelidikan (responden daripada rakyat mengenai pentadbiran Kerajaan Negeri era Tuan Guru dan seminar pemurniaan akidah Islam. Selain itu, IPTG adalah sebagai 'pintu masuk' kepada pelajar-pelajar institut pengajian tinggi yang ingin membuat kajian tentang pemikiran berkaitan TGNA. IPTG ini juga membenarkan orang ramai untuk datang melawat IPTG pada waktu kerja pejabat.

## **Bazar Tok Guru**

Selain IPTG, Bazar Tok Guru juga merupakan tempat membeli-belah yang dikaitkan dengan ingatan kepada Tok Guru sebagai lambang kehidupan beragama. Dalam konteks ekonomi dan muamalat, Tuan Guru acap kali menggalakkan supaya transaksi berteraskan amalan halal, tanpa riba dan menjauhi syubuh. Justeru itu, tujuan pembinaan tempat ini selain untuk menggantikan pasar lama MPKB dan Arked Uda di pusat bandar Kota Bharu, ia juga bermaksud untuk menggambarkan betapa aktiviti perniagaan adalah digalakkan dalam Islam.

Hari ini, Bazar Tok Guru terletak di Jalan Sultan Ibrahim mula beroperasi pada pertengahan tahun 2011 juga sebagai lambang kejayaan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang dipengerusikan oleh Tuan Guru sendiri. Bazar ini menyediakan ruang perniagaan dan pusat beli-belah popular yang dikunjungi oleh penduduk tempatan dan pengunjung luar Kelantan. Sementara rekabentuk binaannya bercirikan seni bina Islam yang turut dihiasi 6 kubah dan empat pintu gerbang yang diilhamkan dari seni bina pintu masuk Masjidil Haram di Mekah dan Masjid Nabawi di Madinah.



**Bazar Tok Guru, Kota Bharu.**



Kemudahan yang disediakan adalah terdiri daripada lot-lot perniagaan di tingkat bawah. Sementara di tingkat satu dan dua pula ditempatkan lot-lot bazar sebanyak 400 lot. Selain itu, turut disediakan kemudahan perbankan dan ATM, surau, ruang parkir dan kawalan keselamatan serta turut disediakan kaunter penerangan pelancong.

Memandangkan lokasi bazar yang sangat strategik di laluan pengangkutan awam seperti bas, teksi dan beca, maka senang bagi pembeli dan pengunjung untuk singgah. Oleh sebab itu, perniagaan di bazar ini semakin laris, terutama pada musim cuti sekolah dan menjelang perayaan. Bersesuaian pula dengan barangan jualan utama ialah pakaian untuk lelaki, wanita dan kanak-kanak, kain ela, kain batik, kain sarung, kain pelikat, telekung dan pelbagai lagi jenis pakaian siap. Ia turut dimeriahkan oleh tawaran harga yang murah dan terbuka untuk tawar-menawar serta pilihan kualiti yang mesra pembeli.

Sebenarnya, kemudahan perniagaan di Bazar Tok Guru agak lengkap. Selain lot-lot perniagaan utama adalah kain dan pakaian juga terdapat khidmat kedai runcit, kedai makanan dan minuman yang memberi kemudahan untuk mengalas perut sambil menunggu ahli keluarga atau rombongan yang lain membeli-belah.

Antara tips istimewa di bazar ini yang boleh dikongsi ialah memilih waktu yang meriah dan memuaskan untuk membeli-belah, iaitu pada musim cuti persekolahan bermula pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari. Waktu tersebut amat selesa bagi pengunjung untuk memilih jenis, kualiti dan fesyen menurut selera dan harga yang memuaskan. Di samping para pengunjung juga boleh memilih fabrik pakaian, terutama batik lukis dan tudung bawal produk usahawan tempatan yang bercirikan keaslian seni batik masyarakat Kelantan.

### Jalan Tok Guru

Jalan utama menghubungkan pusat bandar Kota Bharu dengan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sehingga ke Kampung Tebing Tinggi Sabak ialah Jalan Tok Guru. Sebelum itu, jalan ini dinamakan Jalan Pengkalan Chepa yang juga dikenali sebagai Jalan *airport*. Jalan ini adalah 'jalan Persekutuan' yang juga bertaraf jalan protokol kerana berfungsi sebagai laluan rasmi utama sebagai pintu masuk atau keluar negeri Kelantan melalui jalan udara.

Oleh sebab pentingnya jalan *airport* tersebut, amat rasional bagi Tuan Guru membuat keputusan untuk menukar nama jalan tersebut kepada Jalan Tok Guru. Bagi Tuan Guru, jalan yang penting dan utama itu sewajarnya dinamakan sebagai Jalan Tok Guru, bukan kerana ia terletak di dalam DUN Chempaka yang diwakilinya, tetapi atas asas untuk memberi ingatan kepada semua pengguna jalan tersebut (dalam kalangan individu bertaraf VVIP sehinggalah kepada individu biasa) bahawa di Kelantan ini adalah negeri yang melahirkan ramai tok guru, banyaknya pondok (pusat pengajian agama) dan benteng yang kukuh untuk mempertahankan nilai-nilai hidup

beragama serasi dengan nama jolokan Kelantan, Negeri Serambi Mekah.

Justeru, inisiatif menamakan Jalan Tok Guru telah diambil oleh Tuan Guru sendiri dengan mengarahkan setiausaha politiknya menguruskan pada tahun 2010. Kemudian mengarahkan pihak MPKB-BRI dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) agar mengambil langkah sebagaimana prosedur menukar nama jalan sehinggalah diwartakan.

Hari ini nama Jalan Tok Guru mula masyhur sebagaimana masyhurnya Kelantan sebagai negeri yang melahirkan ramai ustaz dan guru agama. Selari dengan kemasyhuran jalan itu, terdapat satu simpang iaitu di Pekan Cabang Tiga adalah simpang yang bersambung dengan Jalan Maktab, di mana terletak Maahad Sains Tok Guru yang sedang dalam pembinaan. Nama maahad itu juga atas hasrat Tuan Guru untuk mempopularkan sebutan



*Jalan Tok Guru (Jalan Pengkalan Chepa), Kota Bharu.*

Tok Guru di dalam dunia pendidikan Islam di bawah Yayasan Islam Kelantan. Kebetulan pula maahad itu terletak bersempadan dengan DUN Chempaka yang pernah diwakili Tuan Guru. Pembinaan maahad itu merupakan suatu penerusan sistem pendidikan bersepadu Yayasan Islam Kelantan yang dilihat berjaya melahirkan ramai pelajar cemerlang. Justeru penggunaan nama Tok Guru di sekolah tersebut dianggap dapat memenuhi nilai-nilai 'keilmuan' yang berteraskan Islam.

### Masjid Tok Guru

Satu lagi bukti kekuatan nama Tok Guru sebagai lambang kehidupan beragama ialah penggunaannya untuk masjid. Dalam hal ini, masjid yang dimaksudkan ialah Masjid Tok Guru, Pulau Melaka, iaitu masjid tempat Tuan Guru melaksanakan urusan titipan murabbinya. Di masjid itulah, diadakan bicara ilmu pada setiap hujung minggu untuk dihayati oleh ahli qariah mahupun pengunjung yang datang untuk solat berjemaah.

Walaupun begitu, rutin Tuan Guru melaksanakan





**Masjid Tok Guru, Pulau Melaka.**

urusan murabbi dengan menyampaikan kuliah agama secara berjadual ialah pada hari Khamis malam Jumaat dan Hari Jumaat malam Sabtu. Sementara itu, Tuan Guru turut istiqamah menyampikan kuliah Subuh pada pagi Jumaat. Ia kerana pada hari Jumaat ialah hari kelepasan am bagi negeri Kelantan. Justeru kehadiran ahli Jemaah lebih ramai berbanding hari bekerja.

Kehadiran yang ramai itu juga disebabkan oleh adanya sesetengah ibu-bapa yang membawa bayi untuk ditahnikkan oleh Tuan Guru. Oleh sebab itu, Tuan Guru bersikap tidak lokek ilmu akan mendoakan setiap bayi yang ditahnikkan sambil mengusap-usapkan kepala sebelum rambut bayi digunting. Ia suatu tanda kasih sayang serta sentuhan murabbi demi mengharap masa depan bayi itu menjadi seorang insan yang beriman dan berakhlak mulia.

Selain daripada itu, Masjid Tok Guru Pulau Melaka turut menjadi pusat tumpuan pengunjung daripada luar Kelantan, terutamanya ketika hujung minggu (Jumaat, Sabtu dan Ahad) akan ada sahaja rombongan (menaiki bas atau skuad anak muda bermotosikal) dari luar Kelantan singgah untuk solat berjemaah bersama-sama Tuan Guru. Tidak kurang pula ada yang datang sekadar melawat-lawat sekitar masjid dan ada pula yang datang bertujuan melihat sendiri keadaan kedaiaman Tuan Guru yang serba sederhana. Kebetulan kediaman Tuan Guru terletak di belakang bahagian masjid arah menghadap


kiblat. Ahli rombongan akan berpuas hati, sekiranya dapat merakam gambar bersama-sama Tuan Guru.

Meskipun kini, Tuan Guru telah tiada, Masjid Tok Guru Pulau Melaka masih terus didatangi pengunjung. Ia mungkin satu cara mereka untuk datang sebagai ketandaan kasih-sayang dan menunjukkan sikap untuk 'mengenang' Tuan Guru dari segi bagaimana Tuan Guru yang sepanjang hayatnya berbakti selaku murabbi ummah – menyampaikan ilmunya kepada masyarakat semenjak kembalinya dari Universiti Al-Azhar Kaherah, Mesir.

Begitulah, mungkin kenangan untuk murabbi yang sudah terlekat kemas apabila mengunjungi Masjid Tok Guru Pulau Melaka.

Semua orang tidak menyangka masjid Pulau Melaka yang dibina pada tahun 1962 itu menjadi tumpuan seluruh negara pada hari ini. Malah ada tetamu dari luar negara juga bertandang ke Pulau Melaka termasuk pihak istana.

### **Dewan Tok Guru Nik Aziz**

Dewan Tok Guru Nik Aziz ini dibina selepas tok guru meninggal dunia dan nama ini diangkat oleh Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan. Dewan ini dibina di tingkat atas Syabab Point Kota Bharu, bangunan hak milik Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan. 



**Dewan Tok Guru, Syabab Point Kota Bharu.**



**Bilik Mesyuarat, Dewan Tok Guru.**



Pemergian mantan Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru), merupakan satu kehilangan besar dan memberi kesan mendalam terhadap jiwa seluruh rakyat tanpa mengira kedudukan, usia, bangsa dan fahaman politik.

Paling tepat untuk mengatakan ketika pemergian itu berlaku pada 12 Februari 2015, jam 9.40 malam merupakan saat kesedihan dek kasihnya yang menerjah kalbu yang memuncak bagi sesiapa yang kenal dan rapat hubungannya dengan Almarhum Tok Guru. Suatu saat yang seolah-olah memudahkan warna-warni kehidupan masyarakat di seluruh dunia kerana bersedih atas pemergian buat selamalamanya seorang ulama bergelar murabbi ummah.

Di antara yang sedia berkongsi kesedihan itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Belia Dan Sukan Kerajaan Negeri Kelantan, Abdul Fattah Mahmood. Ketika ditemubual oleh wakil QIADAH, beliau meluahkan kesedihan yang mengugah perasaannya kerana Tok Guru baginya adalah idola kepimpinan yang dikasihi oleh semua insan.

### Kasihnya Tok Guru

Sesungguhnya pemergian Tok Guru bagi Abdul Fattah pastinya menggamit kenangan sebagaimana insan-insan lain yang mengenali dan menimba ilmu

darinya. Justeru beliau menyakini bahawa setiap pemimpin yang mengenali, bergaul mesra dan menimba ilmu daripada Tok Guru pasti akan merasai betapa berharganya ilmu dan mendalamnya kasih mereka pada Tok Guru.

"Saya percaya kesemua sahabat dalam EXCO, malah pegawai-pegawai juga memiliki nilai tautan kasih sayang terhadap Tok Guru yang tidak mungkin dilupakan," ujar Abdul Fattah.

Selanjutnya, Abdul Fattah melahirkan rasa syukur yang tidak terhingga di atas hubungan kasih sayang seumpama seorang murid pada gurunya, malah boleh diertikan sebagai hubungan anak dan ayah.

Tambahnya lagi, sewaktu beliau belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada akhir tahun 1980-an beliau telah merasakan aura ketokohan dan kepimpinan Tok Guru sewaktu menyertai program jelajah pimpinan. Malah kawan-kawannya turut berbicara betapa sifat kepimpinan yang ditunjukkan oleh Tok Guru amat ikhlas dalam menabur ilmu dan titipan pengajaran yang melekat di hati. Bicaranya penuh hikmah bijaksana dan ia meresap terus ke hati.

### Aura Tok Guru

Mengimbuai penglibatan awal dalam PAS, Abdul Fattah boleh merasai kehebatan kepimpinan dan

**"Sentiasalah sediakan pen dan kertas kerana apa yang terlintas di fikiran adalah ilham yang perlu dicatat dan ilham tidak akan datang berulang kali"**



## YB DATO' ABDUL FATTAH MAHMOOD TOK GURU, IDOLA SEMUA INSAN

*Oleh Salmah Husain | Foto Ahmad Naime Muhammad*



aura Tok Guru. Ia mendorongnya untuk aktif secara langsung dalam organisasi PAS. pada awalnya beliau terlibat dengan Dewan Pemuda Negeri Kelantan dan Kawasan Tanah Merah. Kemudian sebagai Ketua Pemuda Tanah Merah pada 2003 dan memberi ruang untuknya rapat dengan masyarakat.

Kesempatan berada dalam organisasi pemuda dimanfaatkan untuk menimba pengalaman di bawah tunjuk ajar Tok Guru secara lebih dekat lagi. "Tok Guru pun mudah didampingi dan banyak ceritanya tentang jemaah dapat saya ambil, dan adakalanya saya berkongsi cerita," jelas Abdul Fattah.



### Calon pilihan raya

Ber cerita tentang bagaimana beliau dipilih sebagai calon bertanding di DUN Bukit Panau menggantikan Allahyarham Ustaz Yusoff Mat Sah pada Pilihan Raya Umum 2004, "saya dilamar sendiri oleh Tok Guru dan tiada alasan untuk saya menolaknya."

Justeru itu, Abdul Fattah mengambil keputusan untuk menerimanya dengan penuh yakin dan bersedia untuk berbakti kepada jemaah. Malah beliau mengharapkan Tok Guru dan jemaah dapat membimbingnya, kerana baginya Tok Guru adalah murabbinya.

### Ilham pen dan kertas

Menariknya, sepanjang Abdul Fattah mengenali Tok Guru, satu lagi budaya ilmu yang dititipkan ialah memanfaatkan ilham sebagai satu sumber ilmu. Pernah Tok Guru secara tergesa-gesa meminta pen dan kertas darinya untuk mencatatkan sesuatu.

**"Tok Guru sebut, sentiasalah sediakan pen dan kertas kerana apa yang terlintas difikiran adalah ilham yang perlu dicatat dan ilham tidak akan datang berulang kali,"** ceritanya.

Pengalaman dari titipan itu, beliau berpandangan bahawa seseorang pemimpin perlu membuat persiapan diri dari segi material dan ilmunya. Paling penting, setiap pemimpin perlu menggariskan perkara-perkara yang harus dibuat secara jelas. Terutamanya apabila berucap di pentas rasmi, seorang pemimpin perlu menghidang pendengar dengan maklumat yang boleh dibawa balik.

### Dilantik ahli EXCO

Satu mutiara kata Tok Guru yang menjadi pegangan Abdul Fattah ialah **"kita diberi tugas menjaga amanah rakyat, paling utama jaga harta kerajaan sebaiknya jangan sampai boros, tetapi jangan juga terlalu kedekut, jika diseleweng 10 sen sekalipun harta rakyat, ia tetap berdosa."**

Mutiara kata itu diungkapkan oleh Tok Guru ketika beliau dilantik sebagai Ahli EXCO Kerajaan Negeri Kelantan. Ia suatu peringatan yang biasa namun amat bererti dan sengaja dicatatkan dalam pejabatnya. Setiap kali terbaca peringatan itu, ternyata ia satu muhasabah dari seorang pemimpin besar (murabbi ummah) yang dikasihinya.

Malahan Abdul Fattah menganggapnya sebagai suatu falsafah kepimpinan berintegriti yang semua pihak perlu menghayatinya. Suatu legasi Tok Guru yang berpandukan sunnah Rasulullah SAW. Oleh sebab itu, baginya legasi perjuangan Tok Guru wajib diteruskan oleh semua pejuang Islam agar ia terus subur dan boleh dirasai untuk membangunkan ummah.

### Keistimewaan Tok Guru

Sepanjang bergaul dan menimba ilmu daripada Tok Guru, bagi Abdul Fattah, ada dua keistimewaan yang boleh dikongsi. Satunya ialah pendekatan tazkirah Tok Guru yang sarat dengan panduan dan misalan bersifat semasa. Ia tidak hanya berkaitan persoalan hukum sahaja, sebaliknya sarat dengan olahan yang menyebabkan pendengar begitu tertarik.





Keduanya, Tok Guru sering menekankan aspek niat yang perlu diperbetulkan agar ia tidak bertentangan dengan kehendak Allah, malah mengingatkan supaya apa jua yang ingin dilakukan hendaklah kerana Allah. Apabila bermula dengan niat yang baik, Allah pasti menolong kita.

Selain itu, sifat Tok Guru yang sederhana mudah dihubungi, ditemui di mana sahaja tanpa protokol dan sentiasa murah dengan senyuman adalah keistimewaan selaku seorang pemimpin jemaah Islam. Sewajarnya segala keistimewaan pembawaan hidup Tok Guru, seharusnya diteladani oleh semua pihak.

"Tok Guru cukup menghormati kemahiran yang ada pada seseorang. Sebab itu bagi Tok Guru, tiada beza antara profesional dan ulama, semuanya saling melengkapi antara satu sama lain," ujarnya.

### **Berintegriti dalam berkhidmat**

Menyentuh mengenai gaya kepimpinan Tok Guru, Abdul Fattah begitu mengaguminya selama bersama Tok Guru dalam khidmatnya bersama kerajaan (dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan).

**"Tok Guru tidak menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Besar semata-mata untuk memutuskan sesuatu perkara, sebaliknya ia akan diputuskan dan dipersetujui bersama,"** terang Abdul Fattah. Sikap Tok Guru yang sedemikian bagi Abdul Fattah adalah kekuatan kerajaan dan dirinya selaku Menteri Besar Kelantan. Kesannya, semua pihak termasuk kalangan masyarakat bukan Islam turut memahami gaya kepimpinan dan dasar Islam yang diperkenalkan.

"Atas kekuatan integriti Tok Guru itulah merupakan punca sebenar semua pihak menyayangi Tok Guru," jelasnya lagi. Tok Guru juga mengutamakan pendekatan dakwah yang lunak dan mesra kepada semua kaum dan lapisan masyarakat. Oleh sebab itu beliau suka mendekati golongan bukan Islam dan NGO. Itu menyebabkan Tok Guru dihormati sbagai pemimpin kerajaan dan parti.

### **Nasihat kahwin lagi**

Bagi Abdul Fattah, antara kenangan manis yang tidak mungkin dilupaka apabila Tok Guru menasihatkan supaya kahwin lagi setelah isterinya, Allayarhamah Fahimah Mahmood meninggal dunia pada 27 April 2013. Di sebalik nasihat itu, Tok Guru secara berkias bertanya; sudah ada tukang masak nasi ke di rumah? Kehendaknya agar bersegera mencari pasangan hidup. Alasannya, sebagai seorang pimpinan beliau perlu ada peneman hidup sebagai pendorong agar sentiasa cekal dalam perjuangan. Tambahan pula, selaku seorang pemimpin khususnya wakil rakyat sepertinya memerlukan peneman demi mengelak kemungkinan fitnah.

Mengimbuai kenangan paling manis itu, Tok Guru sendiri yang menyempurnakan akad nikahnya pada

31 Januari 2014, selepas solat Jumaat di kediaman isteri barunya di Kampung Banggol, Kota Bharu.

Bagi Abdul Fattah, ia suatu penghormatan buat dirinya apabila Tok Guru hadir ke majlisnya meskipun pada hari tersebut Tok Guru mendapat undangan ke sambutan Tahun Baru Cina. Sehingga ada rakan-rakan kaum Cina berseloroh; "mujur juga Tok Guru tak pergi beraya (Tahun Baru Cina) di rumah saya, kalau tidak, tak jadilah Dato' kahwin."



***Abdul Fattah dinikahkan sendiri oleh Tok Guru.***

Sifat ambil berat dan perhatian Tok Guru itu bukan setakat soal pasangan hidupnya, malah saat kelahiran puteri sulung dengan isteri barunya pun Tok Guru sanggup datang mentahnikkan.

### **Kepiluan mengingati Tok Guru**

Dalam manis ada gundahnya, dalam ceria ada dukanya, dalam senyum tawa ada pilunya, begitu juga dengan Abdul Fattah. "Ketika Tok Guru dimasukkan ke wad, saya dapati masyarakat seluruh negara turut 'tertekan' dan mendoakan Tok Guru cepat sembuh," jelasnya.

Ketika Tok Guru dimasukkan ke IJN pada tahun 2014, Abdul Fattah telah ditugaskan sebagai EXCO pengiring untuk menjaga Tok Guru. Satu tanggungjawab seumpama doktor yang perlu memberi tumpuan dengan penuh kasih kepada seorang pemimpin bertaraf ulama dan murabbi. Ia bukan suatu tugas yang mudah.



***Ketika mengunjungi Tok Guru di hospital.***



## Pemergian dan peninggalannya

Pengunduran Tok Guru dari kerusi Menteri Besar Kelantan telah diganti oleh Ustaz Dato' Ahmad Yakob yang merupakan pilihan Tok Guru dan dipersetujui oleh parti. Ia berikutan keadaan kesihatan Tok Guru yang agak kurang memuaskan. Ketika itu, Tok Guru masih memberi nasihat dan panduan kepada saf kepimpinan baru parti dan kerajaan negeri. Apa yang pasti, Ustaz Ahmad telah meneruskan legasi Tok Guru dengan baik.

Bagi Abdul Fattah, kita bertanggungjawab untuk menyambung apa yang telah diasaskan oleh Tok Guru. Jasanya selama 23 tahun berjaya meletakkan dasar Membangun Bersama Islam berasaskan konsep Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan (UMI) dalam pentadbirannya. Justeru pujian harus diberikan kepada Menteri Besar sekarang kerana memutuskan untuk menyambunginya menerusi pelan Merakyatkan Membangun Bersama Islam demi mencapai keberkatan, kemakmuran dan kebajikan dalam kalangan rakyat.

**"Seperti yang sering dinyatakan Tok Guru, bangun semua orang boleh buat, tetapi nak**




**bangunkan insan bukan perkara yang mudah. Pesolannya, bagaimana nak imarahkan masjid, nak membangunkan hati-hati yang lalai, bagaimana nak membangkitkan semangat anak muda agar menyintai perjuangan Islam, bukan perkara yang senang,"** ujarnya.

## Meneruskan amanah

Baginya, selaku EXCO yang menerima amanah dari Tok Guru hingga sekarang, komitmen bersama ialah untuk meneruskan legasi yang telah dibangunkan oleh Tok Guru. Antaranya untuk melaksanakan pembinaan Rumah Awam Kos Rendah (RAKR), Rumah Mampu Milik dan perbandaran berkonsepkan Islamik. Ia dirancang sejak zaman Tok Guru dan Ustaz Ahmad telah meneruskan dengan menyasarkan 5,000 buah rumah menjelang tahun 2018 nanti.

"Kini Tok Guru telah tiada. Sebagai EXCO bahagian perumahan, hasrat Allahyarham dan cita-cita Ustaz Menteri Besar sekarang akan diusahakan semampu mungkin," jelasnya. Abdul Fattah berazam untuk mempertingkatkan usaha ke arah memenuhi amanah dari Allahyarham Tok Guru dan hasrat Ustaz Menteri Besar sekarang.

Bagi Abdul Fattah, apa yang dilaksanakan setakat ini selain menunaikan tanggungjawab seperti dihasratkan oleh Menteri Besar sekarang, sekaligus ia dapat meneruskan cetusan idea dan perancangan ketika era Tok Guru. Di situlah akan tercapainya usaha untuk memperkasakan dasar Membangun Bersama Islam yang telah menjadi teras pentadbiran kerajaan Kelantan sejak 25 tahun lalu.

**Bagi Abdul Fattah, selayaknya kita mengungkapkan pengiktirafan bahawa dialah mu-rabbi, dialah imam, dialah ulama, dialah tok guru, dialah Menteri Besar, dialah Mursyidul Am, dialah contoh teladan ummah dan dialah pemimpin suri teladan.** Amat bermakna sekali apabila pihak Kerajaan Negeri Kelantan menganugerahkan kepada Allahyarham Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai 'Tokoh Politik dan Perubahan' Kerajaan Negeri Kelantan sempena sambutan tahun ke-25 pada 21 Oktober 2015 yang lalu. 

*\*Dato' Abdul Fattah Mahmood, 52 lahir di Kg. Domis, Bukit Panau, Tanah Merah merupakan anak saudara kepada bekas ADUN Bukit Panau (1995-2004) Allahyarham Ustaz Mohd Yusof Mat Sah dan saudara sepupu Ahli Dewan Negara, Senator Ustaz Datuk Dr Johari Mat. Lulusan bidang optometri UKM tahun 1990. Pernah belajar di Kolej Islam Klang (KIK) pada tahun 1977-1979 merupakan ahli profesional bidang perubatan mata, khususnya rawatan kerabunan mata, preskripsi cermin mata dan kanta lengkap. Pernah aktif dalam persatuan sejak dibangku sekolah, menyertai Kadet Tentera Kolej Islam Klang dan Presiden Persatuan Optometri UKM. Beliau juga terlibat dengan Pembangunan Sekolah Sri Aman, Binjai (1990-2003) dan bekas Pengerusi Lembaga Koperasi Sri Aman (2000-2003). Selain itu, turut terlibat dengan PEMADAM sebagai Naib Yang Dipertua peringkat Kebangsaan dan Pengerusi peringkat Negeri Kelantan (2013). Dalam PAS beliau adalah bekas anggota Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan (2003), bekas Ketua Pemuda Kawasan Tanah Merah (2003) dan kini Yang Dipertua PAS Kawasan Tanah Merah.*





## Kertok Seni hiburan mengisi jiwa

Oleh Abdul Hadi Yusoff Foto Ahmad Naime Muhammad

Kertok merupakan warisan seni hiburan dan permainan tradisi yang menghiburkan. Menurut sejarah, kertok lahir dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional negeri Kelantan sejak dahulu kala, terutamanya petani. Sesuai dengan asal usul permainan kertok iaitu medium yang digunakan oleh pesawah untuk menghalau burung pada musim padi masak, ia juga merupakan instrumen hiburan selepas musim menuai, kemudian berkembang sebagai alat bunyi-bunyian untuk memeriahkan majlis keraian dan pembuka acara rasmi semasa menyambut pembesar negara.

Krew QIADAH berkesempatan menemubual Hussain Yahya yang lebih mesra dengan panggilan Ayah Sin, 74 tahun yang merupakan pemimpin Kumpulan Sri Petani bertempat di Kampung Sering, kira-kira 8km dari Kota Bharu.

### Pengenalan

**Kertok merupakan sejenis alat muzik yang menge-luarkan bunyi yang menarik diperbuat daripada kayu nangka, pulai, sentol, sena, merbau dan cengal. Jenis kayu memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan ton yang baik. Cara membuatnya ialah lubang ditebuk di tengah-tengah kayu untuk menghasilkan bunyi daripada peti bunyi apabila diketuk pada kayu yang diletakkan di atas lubang tersebut.**

Kertok mempunyai beberapa bahagian utama iaitu bodi (badan kertok), lekar (pelapik), belira (daun atau bilah), mmalu (pemalu), mocok dan getah pengikat.

*Bodi* (badan kertok) kelapa diperbuat daripada buah kelapa dan bodi kertok kayu diperbuat daripada kayu seperti kayu nangka, pulai, sentol, sena, merbau dan cengal.

*Lekar* (pelapik) adalah bahagian bawah yang menyokong untuk mengimbangkan kedudukan bodi kertok. Lekar ini juga berperanan untuk menyerap bunyi, dan sekaligus mempengaruhi ton bunyi kertok apabila dimainkan. Biasanya lekar diperbuat daripada tayar kereta sorong dan dibalut dengan kain atau guni jut yang warnanya mengikut citarasa pembuatnya.

*Belira* adalah bahagian yang paling dalam sesebuah kertok. Ia biasanya diperbuat daripada kayu chengal kerana ia dapat menghasilkan ton yang baik dan kayunya mempunyai kualiti yang tinggi kerana tidak mudah rusak apabila dipalu. Untuk ketahanan, belira disipal (besi dipaku pada tepi belira) supaya ianya tidak mudah pecah apabila dipalu dalam jangka masa yang lama.

*Mmalu* (alat paluan). Mmalu ada empat bahagian iaitu kepala, getah, ulu (pemegang) dan pangkal. Sesetengah mmalu ada dua bahagian iaitu getah mmalu dan ulu mmalu. Pada zaman dahulu getah mmalu diperbuat daripada getak skrap dan kini getah itu digantikan dengan tiub motosikal atau basikal yang digunting halus kemudian dililitkan pada kayu dan dicelup ke dalam gam untuk memastikan ianya melekat dengan kuat. Akhir sekali barulah dibalut dengan tali nelon untuk membentuk lilitan yang bulat pada pemukul. Semua bahagian mmalu ada peranannya yang tersendiri dalam menghasilkan bunyi semasa permainan kertok.





**Kumpulan Sri Petani, Kampung Sering, Kota Bharu dipimpin oleh Ayah Sin.**

**Mocok** (pancang) dan getah. Mocok berperanan untuk menetapkan kedudukan belira pada ibu kertok. Pada zaman dahulu ianya diperbuat daripada rotan dan kini mocok dibuat dengan menggunakan wayar. Kedudukan belira pada ibu kertok dikuatkan lagi dengan mengikat getah untuk menghalang belira daripada tertanggal apabila di palu dengan kuat. Getah ini diambil daripada tiub basikal atau motosikal.

Set lengkap alat muzik ini mempunyai 6 buah kertok dan pemuziknya seramai 12 orang pemain iaitu dua orang bagi satu kertok.

Asasnya kertok kayu mempunyai dua ton atau bunyi iaitu bunyi *cak* dan *kung*. Bunyi *cak* terhasil apabila belira dipalu menggunakan pangkal *mmalu*, untuk

menghasilkan nada yang tinggi. Bunyi *kung* pula untuk nada yang lebih rendah, ianya terhasil apabila belira dipalu menggunakan getah pemalu.

Paluan kertok juga mempunyai lagu-lagu tertentu seperti *Repok, Anjol, Kuncah, Manis, Gadoh, Kudara Mabuk, Kedongong* dan lain-lain. Menurut ayah Sin ialah lagu tradisional dan lagu moden. Umpamanya lagu *Masuk Bangsal, lagu Pak Dogol, Hulubalang, Tukar Dalang* dan *Hala*.

### Hiburan sekampung

Di negeri Kelantan, kertok digunakan dalam pertandingan yang disertai oleh penduduk kampung yang biasanya diadakan pada waktu petang. Ia juga digunakan oleh golongan tertentu untuk memanggil penduduk kampung atau orang ramai supaya berkumpul sebelum menyampaikan sesuatu berita atau pengumuman penting. Amat sesuai juga dikatakan kertok sebagai alat hiburan sekampung. Apapun falsafah kertok adalah menguatkan semangat berpasukan sambil menikmati hiburan yang mengisi jiwa masyarakat sekampung.

### Misi kerajaan negeri

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan, Mejar (B) Dato' Haji Md Anizam Abd Rahman memberitahu, misi kerajaan Negeri ialah untuk terus mengekalkan budaya permainan tradisi termasuk kertok agar terus diwarisi oleh generasi pelapis.

Bagi mencapai misi tersebut, usaha sedang dijalankan menerusi pelbagai pendekatan termasuklah persembahan secara berjadual terutamanya dalam acara-acara rasmi.

Setakat ini pusat aktiviti utama sebarang persembahan seni budaya ialah di Gelanggang Seni, Kota Bharu. Ia diadakan tiga kali seminggu, khasnya untuk tontonan para pelancong. Setakat ini, maklum balas yang diterima amat baik, malah ada pelancong yang mengambil peluang bermain sendiri kertok tersebut. Terbukti minat mereka amat





tinggi untuk mendengar sehingga ada yang berhasrat untuk memiliki alat bunyi-bunyian yang dikira unik itu.

Apapun menurut Md Anizam, menjadi misi kerajaan negeri untuk memastikan peminat dalam kalangan generasi baru akan bertambah dan seterusnya pemain kertok itu sendiri meningkatkan lagi mutu persembahan sesuai dengan perkembangan zaman.

Oleh kerana itu, kerajaan negeri dapat mengembangkan permainan kertok ke peringkat jajahan dan daerah. Ia boleh dipastikan menerusi siri-siri pertandingan bagi melahirkan lebih banyak kumpulan kertok yang berbakat.

Menurut Md Anizam lagi, meskipun disebalik usaha itu, kerajaan negeri menghadapi konstrain dari segi pembiayaan. Namun, beliau yakin akan ada pihak yang berminat sanggup membiayai seperti pihak NGO dan persatuan seni budaya tempatan.

Sehubungan itu, pihak Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan turut berperanan aktif membawa persembahan kertok bersama dengan gasing, rebana, seni silat dan sebagainya untuk dipersembahkan secara berkala di beberapa pusat tumpuan awam. Di antaranya ialah Tambatan DiRaja, Medan Ikan Bakar (MIB) Kedai Buluh dan hotel-hotel serta majlis rasmi kerajaan negeri.


Sementara pihak Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan juga turut mempopularkan permainan kertok ini sebagai permainan tradisi dan alat hiburan yang seiring dengan permainan tradisi lain seperti rebana, gendang dan seumpamanya. Termasuk usaha untuk membawa persembahan menerusi program silang budaya dengan negara-negara sekitar Nusantara, khususnya di Thailand.

Berdasarkan komitmen kerajaan negeri dan populariti kertok sebagai warisan seni dan hiburan tradisi, sewajarnya ia mendapat sokongan dari pelbagai lapisan masyarakat. Harapannya ia 'tak



*Alat-alat yang melengkapi Kertok.*

lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas' apabila kertok dipersadakan meskipun berhadapan dengan pelbagai genre muzik moden.

Oleh itu, perkembangan kertok sudah tentu dapat menambahkan lagi keunikan seni, sesuai dengan galakan kerajaan negeri untuk memakmurkan seni budaya warisan seperti mana dihasratkan dalam dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam. 



*Kanak-kanak turut teruja melihat persembahan kertok yang dimainkan oleh Kumpulan Sri Petani di Gelanggang Seni.*





# PEMBANGUNAN WILAYAH BANDAR BARU TUNJONG

## BANDAR HIJAU

Mahkamah Syariah Negeri Kelantan



Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan



Pembangunan IKS Sensatimur



Pembangunan Al-Waqt



Hypermarket Giant



Hypermarket Mydin



Nobel Residence / Naim Indah



Plot Niaga Autocity



# باندنر تونجونج

Selamat Datang Ke **BANDAR BARU TUNJONG**  
PROJEK KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM  
KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

Pelaburan berdaya maju dan menguntungkan bagaikan "Menternak Angsa Bertelur Emas".

Pembangunan Wilayah Bandar Baru Tunjong dirancang sebagai suatu pusat pertumbuhan komersial dan bandar baru yang maju, berdaya saing, kondusif, selesa, sejajar pembangunan berkonsepkan keseimbangan antara rohani dan fizikal selaras motto Negeri "Membangun Bersama Islam", "Kelantan Menerajui Perubahan" dan "Bandar Hijau Negeri Kelantan".

Daripada keseluruhan kawasan pembangunan seluas 2000 ekar kini baki 262.948 ekar sedia ditawarkan untuk disertai oleh pelabur-pelabur berke-mampuan dan berminat.

Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Kelantan



Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan



Jabatan Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Negeri Kelantan



Terminal Agribisnes Negara (TEMAN)



UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI KAMI :

PT 401, Bandar Baru Tunjong, Jalan Kuala Krai, 16010, Kota Bharu, Kelantan Tel : 09-747 3400 Faks : 09-747 5400 www.pbbt.my





**"Kalau saya mengajar, banyak saya bagi contoh dan sebut adalah nama Tok Guru. Allahyarham adalah ikon pada saya. Kehebatan dia tak perlu saya cerita, masing-masing daripada kita sudah maklum. Dari segi istiqamah dia, hujah dia, keilmuan dia dan peribadi dia, serba-serbi kemas."**

## Dr Md Noor Hussin

*Oleh Abdul Hadi Yusoff*

# Tokoh Ulama Muda kagumi Tok Guru

Dr Md Noor Hussin, 37 adalah seorang pendakwah muda yang sangat disegani merupakan lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kini bertugas sebagai Timbalan Dekan Pembangunan Mahasiswa dan Alumni, Akademi Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Anak kelahiran bumi Serambi Mekah, tanah sekebum bunga, negeri Cik Siti Wan Kembang ini telah menceburi dunia akademik sebagai profesion menyebabkan beliau aktif dalam penulisan kertas kerja, jurnal dan prosiding. Di samping itu, beliau juga sangat aktif dengan aktiviti kemasyarakatan terutamanya berdakwah dan mengajar agama di masjid dan surau.

Di atas kesungguhan dan komitmen beliau, Kerajaan Negeri Kelantan baru-baru ini telah memilih beliau sebagai Tokoh AMAL Anak Muda Kelantan dan Anugerah Abu Bakar As-Siddiq (Tokoh Ulama Muda) 2015.

Majalah QIADAH berkunjung ke kediaman beliau untuk mengenali tokoh pendakwah muda ini secara lebih dekat.

### Kerjaya

Md Noor memulakan kerjaya sebagai guru ganti selama lima bulan di Sekolah Integrasi Sungai Chincin pada 2004. Ketika itu beliau sedang menamatkan pengajian di peringkat Master.



**Md Noor memenuhi masa luangnya dengan membaca.**



Berikutnya pada Disember 2004, beliau menyertai Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) di Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab di bawah Akedemi Islam. Setelah 12 tahun berkhidmat, jawatannya kini sebagai Timbalan Dekan Pembangunan Mahasiswa dan Alumni Akademi Islam.

Walaupun Dr Md Noor berjawatan pentadbir dan pensyarah KUIS, namun begitu komitmennya amat tinggi terhadap aktiviti dakwah dan penglibatan bersama masyarakat. Aktivitinya itu semacam juga sebagai satu profesion rasmi. Munasabahnya beliau dinobatkan sebagai Tokoh Ulama Muda.

Jadi saya lampirkan sekali sijil akademik dan juga jadual kuliah itu," katanya.

Bercerita lanjut, beliau berkata sedikit janggal apabila kawan-kawan kini memanggilnya dengan gelaran tokoh ulama, menyebabkan beliau berasa malu. Lebih besar daripada itu, beliau berkata bebanan dan tanggungjawab dakwah lebih besar dirasai beliau selepas menerima anugerah itu.

### Rutin harian

Kehidupan seharian beliau secara umumnya tidak banyak berbeza dengan orang lain. Cuma dari

aspek kerja dakwah, beliau sangat komited dengan usahanya.

"Pada hari bekerja, sejurus balik dari solat Subuh di Masjid, saya akan urus anak-anak untuk ke sekolah sebelum ke tempat kerja. Kadang-kadang waktu saya perlu cepat, atau perlu balik lewat petangnya, saya minta isteri bawa kereta sendiri dan hantar anak-anak ke sekolah.



**Anugerah Abu Bakar as-Siddiq.**

### Tokoh pendakwah

Tahun 2015 merupakan antara tahun sangat bertuah bagi Md Noor apabila dipilih sebagai penerima Anugerah Abu Bakar As-Siddiq - Tokoh Ulama Muda bagi Tokoh Anak Muda Kelantan (AMaL) 2015 dari Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim.

Mengakui ia terkejut atas pemilihan, Md Noor dalam nada merendah diri berkata, beliau bukan satu-satunya individu yang layak untuk menerima anugerah itu.

"Pertamanya, kalau dikira layak, ramai lagi sebenarnya lebih layak. Cuma ceritanya lebih kepada rezeki. Sebenarnya, kawan saya yang suruh saya hantar borang pencalonan sebab katanya mana tahu kalau-kalau ada rezeki. Jadi saya hantarlah. Sekadar hantar tanpa letak apa-apa harapan sebab kita tahu siapa diri kita.

"Selepas dihubungi urus setia, terkejutlah saya, sebab saya tak janga. Mungkin pihak yang memilih itu ada penilaian mereka sendiri. Sebab waktu hantar borang itu saya hantar bersama sijil semua sekali. Cuma saya juga lampirkan sekali dengan jadual kuliah di masjid dan surau. Kalau ikutkan dalam sebulan jadual kuliah Maghrib saya penuh setiap malam. Pendek kata 30 hari penuh tambah lagi kuliah Subuh pada hari Sabtu dan Ahad. Setakat ini, semua sekali lebih kurang 38 kuliah sebulan.



**Hari Konvokesyen dirai bersama keluarga.**



"Balik dari kerja pula, sampai di rumah jam 6.30 petang. Sempatlah luang masa setengah jam dengan anak-anak sebelum bergerak keluar jam 7 petang untuk memenuhi jemputan kuliah Maghrib. Lepas kuliah, biasanya ada usrah, mesyuarat dan program lagi bersama masyarakat. Jam 12 atau 1 pagi baru balik ke rumah.

"Jadi saya sempat bersama anak-anak sekejap pada petang itu sahaja. Mereka sudah biasa dengan keadaan ini. Jika mereka tengok saya ada di rumah pada sebelah malam, mereka akan merasa pelik sebab kerana kebiasaannya saya tiada di rumah."

Berbeza dengan hari cuti, jadual harian beliau akan bertukar padat dengan aktiviti-aktiviti dakwah dan kemasyarakatan. Bemula kuliah Subuh, dan diikuti jemputan pelbagai program yang diatur dari pagi, tengah hari sampai petang dan malam.

"Malam pula macam biasa, kuliah di masjid dan kemudian sambung untuk mesyuarat bersama ahli kariah atau rakan-rakan sejemaaah. Biasanya jadual seharian saya banyak diisi dengan aktiviti dakwah bersama anak muda," katanya.



*Kuliah di masjid adalah rutin Md Noor pada sebelah malam.*

### Misi dakwah

Md Noor mempunyai misi tersendiri dalam menjalankan tugas dakwah beliau. Berkongsi hasratnya, beliau berkata, objektif dakwahnya adalah untuk mendekatkan anak muda kepada agama.

"Itu cabaran yang paling besar. Memang ramai yang datang kuliah di masjid dan surau, tetapi hati saya tidak seronok sebab yang ramai ini bukan anak-anak muda, ramai yang berumur 40 tahun ke atas. Misi dan keutamaan saya untuk meramaikan penglibatan anak muda. Sebab itu di Selangor ini, kita tubuh NGO seperti Amal Youth Club dan Syabab Care. Melalui NGO ini kita sasarkan anak muda agar menyertai program dakwah yang dibuat," katanya.

### Kagumi Tok Guru

Ditanya siapa ikon atau sumber inspirasi dalam usaha dakwah beliau, Md Noor berkata beliau sangat kagum dengan kehebatan Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru).

"Kalau saya mengajar, banyak saya bagi contoh dan sebut adalah nama Tok Guru. Allahyarham adalah ikon pada saya. Kehebatan dia tak perlu saya cerita, masing-masing daripada kita sudah maklum. Dari segi istiqamah dia, hujah dia, keilmuan dia dan peribadi dia, serba serbi kemas," katanya.



*Tok Guru menyantuni tetamu yang bertandang ke kediamannya di Pulau Melaka.*

Menurut Md Noor, beliau mula mengagumi ketokohan Tok Guru ketika masih kecil lagi. Kali pertama bersemuka ketika beliau menerima hadiah yang disampaikan Tok Guru selepas mendapat tempat ketiga dalam pertandingan kuiz bulan sembahyang mewakili masjid yang dianjurkan Kerajaan Negeri Kelantan.

"Kemudian waktu saya belajar di kampus, beberapa kali dapat bertemu dengan dia dalam beberapa majlis anjuran Kerajaan Negeri. Pernah satu masa saya dijemput menjadi pengerusi majlis bagi program yang melibatkan kehadiran Tok Guru".

"Pernah saya bersama rombongan menziarahinya di Pulau Melaka, dan kami sempat jumpa dia sekejap waktu nak turun mengajar. Apabila mengetahui berita Tok Guru tak sihat akhir-akhir sebelum meninggal, saya datang dengan beberapa pimpinan menziarahinya. Itu kenangan bertemu dengannya," katanya.

Bercerita lanjut tentang ketokohan Tok Guru Nik Abdul Aziz, Md Noor berkata bekas Al-Mursyidul Am PAS itu sangat sukar untuk dicari ganti. Malah, cara dakwah Tok Guru juga sangat sukar untuk ditiru oleh pendakwah lain dan sangat disegani kawan dan lawan.





**Hari cuti diisi dengan aktiviti kemasyarakatan.**

"Pertamanya, walaupun dia dengan pendekatan berserban, berubah tetapi dia diterima semua kaum. Itu payah orang lain nak ikut."

"Keduanya, kesungguhan dia dalam menyampaikan dakwah. Sibuk macam mana sekalipun dia akan pastikan ada masa untuk dia mengajar dan buat kuliah. Dia tak tinggal dakwah, hatta dalam keadaan dia tak sihat di hujung hayat pun dia masih istiqamah mengajar lagi."

"Saya kadang-kadang terasa penat juga bila kita banyak kerja, tapi bila kenangkan kesungguhan Tok Guru, saya rasa malu, dan itu akan memberi semangat kepada saya untuk lawan rasa penat dan akan gagahkan juga untuk berdakwah," katanya.

Seorang lagi tokoh dakwah yang menjadi sumber inspirasi beliau adalah Presiden PAS, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Menurut beliau, Ahli Parlimen Marang lulusan Madinah dan Al-Azhar itu bukan sahaja hebat dari sudut keilmuannya, malah sangat sabar dalam menghadapi liku-liku kehidupan sebagai seorang pendakwah dan juga pejuang politik Islam.


Selain kedua-dua tokoh tersebut, beliau juga mengakui kagum dengan Ustaz Azhar Idrus, khususnya kebolehan pendakwah itu menarik golongan anak muda untuk mendekati agama.

### **Nasihat kepada pendakwah**

Dalam menjalankan tugas dakwah, beliau tidak menafikan selalu berdepan bermacam-macam cabaran. Bukan sahaja cabaran untuk "buat apa

yang dicakap", malah turut menyesakkan dada adalah cabaran duniawi.

"Bermacam-macam cerita yang tersebar mengenai kehidupan pendakwah. Ada sesetengah pendakwah minta dibayar sebelum apa-apa. Ada pula pendakwah dilabelkan sebagai selebriti. Maksudnya ada pendakwah terpaksa berdepan dengan cabaran populariti. Jadi kena waspada dengan cabaran duniawi.

"Ini pun bahaya juga kepada pendakwah. Ada saya dengar seorang pendakwah ini dia siap bagi amaran kepada surau, sebab orang yang hadir tidak ramai. Dia boleh kata, bukan *standard* dia ceramah orang tak ramai. Dia rasa dia hebat. Sedangkan bagi pendakwah, sikit ke ramai ke, kita kena teruskan berdakwah. Tidak semestinya kena tunggu ramai," katanya mengakhiri sesi temubual dengan Majalah QIADAH. 

*\* Dr Md Noor Hussin (37 tahun) dilahirkan di negeri Serambi Mekah, Kelantan Darul Naim pada 30 September 1979. Anak keempat daripada tujuh beradik ini telah berumahtangga dengan pasangannya Yantie Ruyani Che Mohd Nizan pada 15 Mei 2003, dan dianugerahkan 5 orang cahaya mata. Beliau dilahirkan pada 30 September 1979 adalah anak keempat daripada tujuh beradik. Pendidikan beliau pertamanya di Sekolah Kebangsaan Othman Talib, Tendong, Pasir Mas. Kemudian di Maahad Muhammadi Pasir Pekan. Dua tahun selepas itu, beliau berpindah sekolah kerana mengikut bapanya yang mengajar di Sekolah Menengah Arab Pasir Mas. Selepas memperolehi Sijil Pelajaran Tinggi (1997), beliau mengikuti kursus Matrikulasi UIAM dan Kampus UIAM Gombak (1999). Setelah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (2003). Beliau kemudiannya menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana di kampus sama (2004) dalam bidang Bahasa Arab dengan menjadikan kitab tafsir sebagai bidang kajian, sehingga tamat pada tahun 2006. Minat yang mendalam dalam bidang Bahasa Arab mendorong beliau meneruskan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah secara separuh masa juga di UIAM (2007) dan bidang kajiannya mengenai nahu dalam kitab Fekah Imam Nawawi. Berkat kesungguhan dan ketekunan, beliau telah berjaya mendapat PhD pada tahun 2014. Beliau merupakan simbol kejayaan warga perantau Kelantan yang berjaya mencipta nama dan menyumbang bakti kepada masyarakat di Selangor. Beliau kini menetap di Kampung Sungai Chincin, Gombak, Selangor.*





## Gelembung Buaya Memuji biar berpada

Oleh Zanazanzaly Foto Ahmad Naime Muhammad

Mulut manis orang Melayu kaya dengan basa-basi dan puji-pujian sebagai tanda ramah mesra dalam pergaulan seharian. Baik sesama ahli keluarga atau kalangan jiran tetangga mahupun handai taulan, manis mulut akan diserikan dengan tutur bicara yang dijaga dengan penuh adab sopan.

Namun begitu, pujian harus penuh waspada, kerana ada pujian bersifat palsu yang memungkinkan si penerima pujian akan tertipu. Sewajarnya setiap pujian disertai rasa hati yang kudus dan disampaikan dengan penuh keikhlasan. Disebaliknya peri penting keceriaan wajah dan manisnya mulut yang memuji.

### Pemanis mulut

Khuatir akan perlakuan memuji yang tidak terkawal sehingga melampaui batas, maka orang tua-tua Melayu mengambil langkah berjaga-jaga dengan mendidik anak cucu mereka melalui satu menu makanan agar ia menjadi ingatan dan pedoman zaman berzaman. Maka bermulalah sebuah reka cipta resepi kuih tradisi Negeri Cik Siti Wan Kembang yang diberi nama Gelembung Buaya. Suatu resepi yang memberi simbol pemanis mulut kepada setiap orang yang menikmatinya.

Kuih ini sama seperti dodol cuma yang berbeza ialah bahan utamanya iaitu setengah kilo atau anggaran sebiji setengah isi kelapa separa muda seberat

500gm sedang elok dibuat kuih. Pengecaman orang tua-tua dengan melihat warna hitam setompok pada tempurung. Mereka menggelarkannya "nyieur ite setape" merupakan simbolik pertama kepada larangan jangan berprasangka buruk dengan melihat luaran yang hodoh setompok kerana isi dalamnya sedang elok untuk diguna pakai kesemuanya.

Sementara putihnya isi kelapa yang diparut melambangkan sifat pujian ikhlas yang bertertib dan berakhlak serta boleh mengukuhkan keimanan



*Isi kelapa separa muda.*





*Kelapa parut digaul sebati dengan gula.*

si penerima pujian. Namun kelapa yang diparut akan digaul sebati dengan hablur pemanis yang sekali ganda jumlah besarnya yakni 1kg gula kasar. Sekaligus akan membangkitkan kelainan rasa. Kelainan itu merupakan citra yang membawa unsur bodekan atau ampunan daripada si pemuji bagi tujuan beroleh habuan demi kepentingan tersembunyi, maka dari situlah bermula racun pembunuh senyap yang bakal menjahanamkan kedua-dua pihak yakni si pemuji dan si penerima pujian.

### **Pujian terlarang**

Elemen pengajaran seterusnya dapat dipelajari melalui teknik masakan apabila kedua-dua bahan utama tadi dimasukkan ke dalam kawah tembaga yang diletakkan di atas tungku batu-bata. Bertukun di bawahnya ialah kayu api yang marak membakar hingga memanaskan sampai menggelegak.

Demikian perumpamaan pujian yang terlarang mampu mendatangkan ujub (menyombongkan diri) bahawa kedudukan orang yang dipuji memang seperti pujian itu. Maka Saidina 'Umar Al-Khattab r.a berkata, "**pujian bagaikan sembelihan. Jika engkau hendak memuji seseorang, pujilah Allah SWT! Kerana, tiada seorang manusia pun yang lebih banyak dalam memberi kepadamu dan lebih santun lembut kepadamu selain Dia.**" (Fathul Bari, 10/477).

Apabila gula pasir mulai cair dan likat menyalut seluruh jasad kelapa parut, dimasukkan pula



*Tepung beras dicampur air pandan.*

bauran 60gm tepung beras bersama 4 sudu besar air perahan pekat pandan dan bunga cengkih. Doh tersebut dikacau sebati menggunakan sudip kayu bermata tembaga. Untuk sebati, hendaklah dikacau selama 2 hingga 3 jam sampai betul-betul likat-kental atau istilah orang Kelantan ialah "bergadik".

Proses bauran air pandan dan tepung beras di atas adalah simbolik bidalan pengalas adab menerima pujian dengan lafaz syukur 'Alhamdulillah' seraya menginsafi segala nikmat kurniaan Maha Suci Allah yang tiada lain kekuasaan selain kekuatan-Nya.



*Tepung beras digaul sebati dengan kelapa parut.*

Kemudian, doh diasingkan kepada 2 bahagian dan dibaurkan dengan sedikit pewarna oren kemerahan dan hijau pandan sebelum dimampatkan di dalam loyang. Hidangan hirisan-hirisan nipis oren-hijau bertindan bagaikan amaran berupa pesanan agar mengingati doa berikut setiap kali menerima pujian;

**"Ya Allah, semoga Engkau tidak menghukumku atas apa yang mereka katakan. Ampunilah aku atas apa yang tidak mereka ketahui. [Dan jadikanlah aku lebih baik daripada yang mereka perkirakan]."**

(HR. Al-Bukhari dalam Al-Adabul Mufrad no. 761)



*Doh diasingkan kepada dua bahagian.*





***Doh dipotong kecil mengikut ukuran.***

### **Simbolik ibrah**

Pada era dahulu kala, kuih ala dodol lemak manis berbumbu kelapa muda ini mampu bertahan berbulan-bulan lamanya walau disimpan atas para-para sebelum tengik kerana kandungan gula yang banyak menjadi ejen melambatkan proses kulapuk, namun lama-kelamaan gula tersebut bertukar menjadi bunga gula, muncul berkerak memutih di atas permukaan kuih menggelembung kemudian merekah membentuk corak seakan-akan kulit buaya yang bergerutu. Nah, kuih Gelembung Buaya beroleh namanya dari situ!

Itulah simbolik ibrah yang mahu disampaikan kepada generasi baharu agar berhati-hati dengan kata-kata manis bersakar yang akhirnya memakan diri si pemuji apabila tembelang bodek dan empunya terbongkar.

Bagi yang kena puji pula pujian itu hanyalah mengia-iaikan amalan dan terlalu membebani diri dengan sifat

pujian yang diangkat walhal ia tidaklah sebagaimana yang diperkatakan seumpama kesedapan kuih Gelembung Buaya dengan kelainan dan keunikan semasa mengunyahnya. Terasa lemak-lemak manis kelapa muda parut yang berbau dengan gula dan tepung diwangikan dengan aroma bunga cengkih dan pandan. Selepas makan tekak akan berasa sangat dahaga kerana kemanisannya amat ketara dan jika terlampau suka atau kerap memakannya dikhuatiri kemanisan pula mendatangkan penyakit. 🚫

*\*Gelembung Buaya merupakan sejenis kuih, rasanya 'lemak-lemak manis' adalah manifestasi keunikan jenis makanan warga Kelantan sejak zaman berzaman. Ia paling popular sebagai sajian pemanis mulut dan pembuka selera terutama di bulan Ramadan.*



***Sudip kayu bermata tembaga.***



***Sedia untuk dijual***





# قربدانن قمباغونن لادغ رعية نكري كلنتن

PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT NEGERI KELANTAN

BANGUNAN LADANG RAKYAT



قربدانن قمباغونن لادغ رعية نكري كلنتن  
PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT  
NEGERI KELANTAN



Majlis Pembahagian Dividen  
Peserta Ladang Rakyat Negeri Kelantan



Ladang Rakyat Paloh 4,  
Gua Musang



Ladang Rakyat Paloh 4,  
Gua Musang

## LADANG RAKYAT KELANTAN - MENGURUS AMANAH RAKYAT

### PENCAPAIAN LADANG RAKYAT (2006 - APRIL 2015)

- 88,533 ekar tanah ladang rakyat tanaman sawit.
- RM87,703,400.00 agihan dividen kepada Peserta Ladang Rakyat.
- 47 Tabung Tindakan Kebajikan Peserta Ladang Rakyat termasuk Tabung untuk Peserta Orang Asli.
- RM1,365,000.00 manfaat takaful kepada 159 waris Peserta Ladang Rakyat yang telah meninggal dunia.
- Penubuhan Koperasi Peserta Ladang Rakyat Negeri Kelantan Berhad sebagai pemacu sosio ekonomi anggota sejak tahun 2009.



Stesen Minyak Petronas yang dimiliki oleh  
Koperasi Peserta Ladang Rakyat Negeri Kelantan Berhad



Bangunan Koperasi Peserta  
Ladang Rakyat Negeri Kelantan Berhad

BANGUNAN LADANG RAKYAT, TINGKAT 1-3, BLOK B ZON KOMERSIAL WAKAF CHE YEH, KOTA BHARU KELANTAN.

TEL : 09-741 3180 / 3181 / 3183 FAKS : 09-741 3188 WEBSITE : [www.pplrnk.kelantan.gov.my](http://www.pplrnk.kelantan.gov.my)



## JENAMA KELANTAN

Sup kepala ikan Pak Mat sudah menjadi buah mulut dalam kalangan penggemar sup di Negeri Cik Siti Wan Kembang. Sebut sahaja 'sup kepala ikan Pak Mat,' terlintas rasa keenakan supnya yang asli, ditambah lagi dengan ramuan utamanya kesegaran kepala ikan memenuhi mangkuk. Lebih menyelerakan sekiranya ditambah dengan telur dadar yang berwarna kuning tembaga, sepinggan nasi putih yang ditemani sambal belacan dan berulam timun.

Bertambah selera lagi apabila menikmati keunikan rasa air teh tarik madu yang buihnya memenuhi gelas. Ia benar-benar suatu hidangan autentik diperkenalkan oleh Pak Mat selaku pemilik Warung Sup Kepala Ikan Pak Mat. Atas keunikan hidangan sup kepala ikan itulah, setiap meja warung dipenuhi pelanggan yang datang dari serata tempat.

kedai makan yang membawa kepada bertapaknya Warung Sup Kepala Ikan sekarang.

Ia bermula dengan berkongsi modal dengan seorang rakannya di Kuala Lumpur. Pak Mat berusaha menghasilkan suatu resepi sup istimewa untuk memikat hati pelanggan. Ternyata kedai makan mereka mendapat sambutan luar biasa.

Walau bagaimanapun, perniagaan mereka hanya bertahan selama lima tahun akibat daripada masalah peribadi dengan rakan kongsinya. Perniagaan mereka menjadi korban, lalu memaksanya mencari peluang baru dengan rakan kongsi yang lain.

Pengalaman dan kegigihan seorang bapa yang sanggup merantau demi kehidupan sebuah keluarga, membawanya bertemu seorang rakan menawarkan



*Oleh Norazelan Abdul Rahim, Nik Najmil Hanif Ab Rahim & Nabil Naufal  
Foto Ahmad Naim Muhammad*

Kesegaran ikan yang dihidangkan di Warung Pak Mat pula, tidak sempurna jika hanya diungkapkan dengan kata-kata sahaja. Hanya penggemar sup kepala ikan sahaja mampu menikmati rasa kemanisan isi dan aroma sup kepala ikan. Isi ikannya yang pejal dan tidak mudah hancur apabila diceduk juga menjadi penanda kesegaran ikan yang dimasak oleh Pak Mat. Pastinya, ikannya ditempah daripada pembekal yang 'segar' dan bermetu.

Pihak majalah Qiadah turut berpeluang berkongsi pengalaman untuk merasai sendiri keenakan sup kepala ikan dan teh tarik madu Warung Pak Mat yang terletak bersebelahan Medan Ikan Bakar, Kedai Buloh, di Pulau Pisang, pinggir bandar Kota Bharu. Ikuti coretan ringkas kami bersama-sama di Warung Pak Mat menceritakan mengenai cita rasa asli sup kepala ikan tersohor ketika ini.

### Asal usul

Sejarah awal terciptanya resepi sup kepala ikan Pak Mat ialah bermula di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Nik Mohammad bin Mohd Nor yang mesra dengan panggilan Pak Mat menceritakan kisah perniagaan

pekerjaan sebagai *chef* restoran di Shah Alam. Ia menjanjikan sesuatu yang menguntungkan di sebalik khidmatnya.

Apa yang terjadi, 'kusangka panas berpanjangan, rupanya hujan di tengah hari,' rakan kongsinya menjadi rambang mata. Lima bulan sahaja bertahan angkara berlaku penyelewengan rakan kongsinya sendiri. Sekali lagi Pak Mat terpaksa menarik diri akibat kelakuan kurang baik rakan kongsinya itu.

Ia disusuli pula dengan penglibatannya membuka kedai makan menjual sup maggi ketam. Namun begitu, nasib malang berulang kembali apabila rakan kongsinya yang bermasalah telah memaksanya menutup kedai makan mereka.

Ia sesuatu yang memeritkan bagi Pak Mat untuk meneruskan kehidupan. Agak berat untuknya meninggalkan bidang perniagaan yang dilaluinya selama bertahun-tahun. Apa pun, keperitan yang dilaluinya telah acap kali dikecewakan oleh rakan kongsi, memaksa beliau mengambil keputusan untuk meninggalkan bidang perniagaan.





Namun atas rasa tanggungjawab sebagai bapa, demi untuk menyara keluarga, Pak Mat sanggup dan nekad untuk menceburi bidang baru sebagai tukang cat rumah. Meskipun begitu, minat kepada dunia perniagaan sentiasa bermain di benak fikirannya. Ia memaksanya membuat pertimbangan semula untuk memulakan perniagaan sendiri.

Ibarat belut pulang ke lumpur, pengalaman sebagai tukang masak kembali menyegarkan semangatnya untuk kembali memulakan perniagaan kedai makan. Bermodalkan RM18,000 yang dipinjam daripada rakan dan disokong kuat pula oleh isterinya, Rosnani Ismail, Pak Mat kembali bersemangat dalam memajukan cita-cita bersama untuk mencapai kejayaan.

Bermula di rumahnya yang terletak di Kampung Pulau Pisang, Pak Mat memulakan perniagaan dengan memperkenalkan kembali menu sup kepala ikan. Ternyata, menu itu telah menjadi tarikan utama para penggemar sup. Resipinya mula menjadi sebutan, sehingga berlaku sambutan luar biasa. Adakala beliau terpaksa memohon maaf kerana tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan yang di luar jangkaan, terutama waktu makan tengah hari. Kadang kala berlaku kunjungan pelanggan yang ramai menyebabkan kesesakan yang menyusahkan laluan penduduk sekitar. Lalu terlintas untuknya mencari alternatif untuk

membuka perniagaan di tempat yang selesa untuk pelanggan, tanpa mengganggu laluan orang ramai. Pak Mat mengimpikan kebaikan di sebalik khidmat perniagaannya.

#### Lokasi baru di Medan Ikan Bakar

Semasa Tuan Guru Menteri Besar Kelantan, (Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat) bersama pegawai Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) datang melakukan lawatan kerja di Kuala Besar. Rombongan itu turut singgah di warungnya. Pak Mat sempat menyatakan apa yang diimpikan.

Kemudian bermulalah rancangan memajukan kawasan tersebut sebagai medan selera. Ia suatu peluang yang tidak mungkin dilepaskan oleh Pak Mat. Tercapailah hasrat Pak Mat setelah ditawarkan peluang berniaga di tempat baru. Selari dengan suntikan semangat tatkala Almarhum Tuan Guru singgah di warungnya dulu, nekadnya untuk memajukan perniagaan sup kepala ikan di Medan Ikan Bakar Kedai Buloh itu.

Kini lebih dua tahun Warung Sup Kepala Ikan Pak Mat beroperasi di Medan Ikan Bakar, Kedai Buloh. Hasilnya warung Pak Mat semakin dikenali ramai, malahan ia turut menghidupkan suasana kunjungan yang bertali arus ke Medan Ikan Bakar tersebut.





Di atas sambutan yang semakin baik itu, Pak Mat melahirkan rasa syukur dan menyifatkan sebagai rezeki dari Allah. Apatah lagi, beliau akan sentiasa mengingati pesan Allahyarham Tuan Guru agar menjaga mutu perniagaannya dengan cara menjaga kebersihan makanan dan mempamerkan keikhlasan terhadap pelanggan. Baginya pesanan itu adalah pelaris utama keuntungan sesebuah perniagaan.

### **Anak sebagai penyambung legasi**

Ketika ditanya masa depan perniagaannya, Pak Mat menzahirkan harapan tinggi agar perniagaannya terus dimajukan oleh anak.

"Rasanya anak Pak Mat mungkin akan menjadi pewaris perniagaan sup kepala ikan," jawabnya dengan penuh harapan.

Baginya, legasi perniagaan yang diusahakannya selama ini merupakan warisan kemahiran yang diperolehi daripada arwah ibunya. Ia perlu diteruskan menjadi resepi turun temurun. Bahkan adik-beradik beliau juga tidak memiliki kemahiran yang serupa.

"Pak Mat sekarang tengah ajar anak Pak Mat. Lebih kurang 65 peratus ilmu itu sudah diajar. Sekarang hari-hari Pak Mat akan 'testing' sup kepala ikan yang dia buat dan dia akan tengok cara Pak Mat sediakan sup kepala ikan," ujarnya lagi.

Menurut beliau, anaknya akan bangun seawal 3.45 hingga 4.00 pagi untuk belajar cara menyediakan sup kepala ikan dan membantunya untuk memulakan perniagaan seawal 7.30 pagi. Selain menu sup kepala ikan, Warung Pak Mat Pulau Pisang juga menyediakan gulai kuning kepada pelanggannya. Tapi kepala ikan hanya dikhususkan kepada sup sahaja.

"Kalau diikutkan, yang benar-benar rajin saja dapat belajar dan buat sup ikan ni. Sebab kepala ikan perlu dimasukkan rempah, dilapik daun pisang dan dikukus dahulu. Kukus pun tak boleh lama,

2 minit sudah cukup. Kemudian kepala ikan itu direndamkan ke dalam sup yang pertama dulu. Selepas itu diangkat dan dimasukkan ke dalam sup yang hendak dijual pula," terangnya dengan nada serius.

Menceritakan rahsia di sebalik rasa supnya yang segar dan sedap, Pak Mat mengakui antaranya berpunca daripada ikan yang dipilih hendaklah ikan yang baik. Apa yang penting kesegaran ikan.

Menurutnya, "Ikan segar dapat dikenal pasti melalui mata dan insangnya. Pak Mat tak kisah harga ikan yang Pak Mat beli agak mahal, sebab Pak Mat mahu menjaga kesegaran isi ikan dan selera pelanggan Pak Mat."

Di samping itu, ikan pula hendaklah pelbagai jenis dan bekalan itu diperolehi terus daripada nelayan dengan harga tertentu (sedikit mahal). Sebagai contoh ikan merah segar, harga yang dikenakan ialah RM32.50 sekilo. Bagi ikan kakap laut segar pula RM27.30 sekilo. Bagi ikan kerapu bersaiz kecil, kebiasaannya RM18 sekilo. Beliau juga menjelaskan harga ikan kerapu jenis berbintik merah adalah paling mahal. Harganya lebih kurang sama dengan harga ikan merah. Bagi Pak Mat harga bukan alasannya, apa yang penting kesegaran ikan dan rasa supnya yang memenuhi selera pelanggan.

### **Keenakan diakui pelbagai pelanggan**

Mungkin bagi mereka yang tidak pernah berkunjung ke Warung Sup Kepala Ikan Pak Mat akan tertanya-tanya, sama ada sup itu dibuat daripada hanya kepala ikan, atau berapa banyak kepala ikan yang ditempah oleh Pak Mat setiap hari. Malah ada yang menyoal, bagaimana pula badan dan ekor ikan dimasak.

Pak Mat tidak lokek menjelaskan. Supnya tidak hanya menggunakan kepala ikan, malah keseluruhan ikan dijadikan sup. Cuma kepala ikan itu dikhaskan untuk sup sahaja, selain itu isinya akan dimasak



***Pelanggan memenuhi warung Pak Mat terutamanya pada waktu puncak.***





***Pak Mat turut membantu menghantar teh tarik madu yang dipesan.***

gulai kuning. Adakalanya bekalan ikan yang besar habis atau tiada, maka pilihannya ialah 'sup gear box' sebagai menu utama pada hari itu. Tetapi sup gear box, kurang mendapat sambutan berbanding sup kepala ikan kerana pelanggannya mahu merasa keunikan sup ikannya yang dicampur daging.

Nilai keunikan dan rasa istimewa sebegitu menyebabkan Warung Sup Kepala Ikan Pak Mat menjadi tumpuan pelanggan pelbagai lapisan dan kaum. Rata-rata mereka merupakan penggemar sup yang ada nilai kelainan rasa. Sudah tentu bagi yang ingin rasa sup kepala ikan akan memilih datang ke warungnya.

Ada juga pelanggan dari Singapura sanggup datang ke Kelantan setiap kali berkunjung ke Malaysia, semata-mata ingin merasai keenakan dan kesegaran sup kepala ikan di warung Pak Mat. Malahan pernah mendapat liputan media antaranya Jalan-jalan Cari Makan dan TV Al-Hijrah.

Justeru atas sifat kepelbagaian pelanggan itu, Pak Mat akan mengutamakan layanan yang mesra, di samping menyediakan khidmat sajian yang selesa dan tidak cerewet.

Meskipun begitu, ada juga pelanggan yang merungut tentang harga yang dikenakan dikatakan agak mahal. Menurut Pak Mat, asas harga itu tertakluk kepada saiz kepala ikan dan jumlah pelanggan, kerana isi dan cara memasak (kerumitan membuat sup) berbeza mengikut saiz. Mungkin musim tertentu, harga agak tinggi kerana jenis ikan ketika itu mahal dan pilihannya terhad. Ada kalanya sup kepala ikan gelama seberat 22kg dan dapat dimakan 15 hingga 20 orang, maka harga sampai RM120.

Justeru harga yang dikenakan mengikut musim, Pak Mat mengakui, ada pelanggan yang terasa harganya agak mahal, malah ada yang melahirkan rasa tidak puas hati melalui media. Peliknya, pelanggan


semakin ramai datang ke kedainya.

Oleh kerana itu, Pak Mat sentiasa bersyukur atas sambutan pelanggannya. Asalkan ia mampu memberi khidmat yang memuaskan semua pelanggan. Malahan penduduk sekitar, termasuk 'mereka yang kelaut' (nelayan) selalu datang untuk sarapan di warungnya sebelum turun mencari rezeki.

### **Pasaran masa depan**

Ada pihak-pihak tertentu mencadangkan agar Pak Mat dapat membuka cawangan di Selangor bagi meluaskan pasarannya. Selain itu, dengan membuka cawangan, ia dapat mengelak pihak tertentu mengambil kesempatan menggunakan nama Pak Mat di atas perniagaan yang sama.

Sehubungan dengan itu, Pak Mat memang berhasrat untuk membuka cawangan cuma tidak terburu-buru dalam membuat keputusan kerana banyak faktor perlu diambil kira.

Mengakhiri bicara bersama Qiadah, Pak Mat mempelawa kami agar dapat datang lagi untuk mencuba resepi barunya iaitu 'Aiskrim Teh Madu' yang akan diperkenalkan sedikit masa lagi. 



***Teh tarik madu kegemaran ramai.***



## KELANTAN SANA SINI

Biar badan penat, asal hati suka. Itulah prinsip bekerja, Mohd Shabki Abdullah. Pernah beberapa kali beliau sendiri yang menghantar barangan di musim perayaan kerana kekurangan pemandu lori. Walaupun jadual hariannya yang sentiasa sibuk, beliau bersama anaknya akan menghantar sendiri kepada pembeli. Caranya yang rendah diri membuatkan dirinya disenangi ramai.

Elok bahasa kan bekal hidup, elok budi kan bekal mati. Itulah yang sesuai digambarkan perihal peribadinya. Pernah berkhidmat sebagai *promoter* bagi memperkenalkan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menurut pendekatan perniagaan menerusi pembukaan kiosk pertama yang terletak di ruang legar Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu.

Pada usia yang muda, beliau sudah didedahkan dengan perniagaan. Dari umur 7 tahun sehingga 12 tahun setiap hari selepas subuh beliau akan menghantar kuih yang dibuat ibunya ke kedai makan di kampung Penambang. Beliau juga sering mengikut ayahnya pergi menjaja pakaian *bundle* dan kain batik di sekitar Kota Bharu, selain dapat menimba selok-belok perniagaan.

"Saya bekerja sebagai buruh kasar dengan

pendapatan RM3 sehari, namun tidak cukup untuk membantu keluarga sebelum bekerja di kilang papan Jerantut, Pahang ketika berusia 18 tahun. Ketika itu, ibu jari saya terputus terkena pisau pemotong kayu tetapi ia langsung tidak melemahkan semangat", katanya yang berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1991 sebelum bekerja sebagai tukang sapu di kedai barangan elektrik, Baba's Enterprise di Taman Greenwood.

Beliau berkata, pengurus kedai, Cheng Ngi Ko banyak memberi tunjuk ajar, termasuk mengajarnya Bahasa Hokkien, Mandarin dan Kantonis. Selain memberi pendedahan mengenai cara membaiki barangan elektrik.

"Tidak semena-mena, minat saya terhadap barangan elektrik mulai berputik sebelum nekad untuk mempelajari lebih mendalam, termasuk membeli buku (elektronik) sebagai rujukan," terangnya dengan nada serius.

"Melihat saya bersemangat dan mampu melakukan kerja itu, Cheng menaikkan gaji dan pangkat saya daripada tukang sapu menjadi jurujual. Enam tahun kemudian, Cheng Ngi Hin yang mengambil alih operasi syarikat abangnya (Ngi Koi) berhasrat menyerahkan Baba's Enterprise kepadanya," kata-



# Kemudi Timur Elektronik Sdn Bhd

## Kedai elektrik terlung di Kelantan

Oleh Norazelan Abdul Rahim, Nik Najmil Hanif Ab Rahim & Nabil Naufal  
Foto Ahmad Naime Muhammad





***Cawangan Wakaf Siku.***

nya yang selesa dipanggil Aki.

Sesungguhnya pengalaman Mohd Shabki bermula dari bawah itu agak panjang. Menurutny, berkat kegigihan melakukan pelbagai pekerjaan, dari tukang sapu ke *salesman*, naik kepada *Sales Manager* dan akhirnya *Managing Director* merupakan latihan asas dalam menceburi perniagaan yang dianggapnya amat mencabar.

Ditambah pula, kebahagiaan rumah tangganya hasil perkongsian hidup dengan isterinya, Zawiah Jusoh semakin mendorongnya mengurus Kemudi Timur Elektronik Sdn Bhd yang kini sebagai syarikat bumiputera pertama sedang menempa nama di seluruh Malaysia.

### **Sejarah Kemudi Timur**

Kemudi Timur Elektronik diasaskan pada tahun 1997,

bermodalan RM50 ribu merupakan syarikat 100% milik bumiputra. Pengasasnya Kolonel (Bersekutu) RELA, Mohd Shabki Bin Abdullah seorang anak jati Kelantan bersama-sama isterinya Zawiah Jusoh. Bermula di Greenwood, Gombak dibantu oleh lima orang pekerja, syarikat barangan elektrik itu mula berkembang maju sehingga berjaya mencapai jualan yang menguntungkan. Dalam tempoh dua tahun, iaitu pada tahun 1999, beliau berjaya membuka cawangan di Kelantan bertempat di Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu. Kemudiannya pada awal tahun 2002, atas keazaman untuk memperluaskan lagi operasi pasarnya, maka syarikat itu didaftarkan sebagai syarikat Sendirian Berhad.

Berkat keazaman tersebut, Mohd Shabki kemudiannya berjaya menambah satu cawangan lagi di Wakaf Siku pada Disember 2002, dan disitulah dijadikan pusat operasi utama Syarikat Kemudi Timur Elektronik Sdn Bhd. Hasilnya, pada pertengahan Mei 2003, Syarikat Kemudi Timur berjaya membuka stor sendiri yang dapat menampung keperluan stok sesuai dengan permintaan dari cawangan-cawangan yang terletak di Pintu Geng, Kota Bharu. Menyusul selepas itu, dibuka pula cawangan keempatnya pada April 2004 di Wisma Pondok, Pasir Tumbuh, Kota Bharu.

### **Strategi harga rendah**

Strategi jualan Kemudi Timur ialah bersedia menawarkan harga rendah dan harga patut berasaskan harga dari kilang. Maka jualan dan permintaan setiap barangan agak laris. Ia terbukti apabila meningkatnya jualan selepas pembukaan cawangan di Pasir Tumbuh. Perkara tersebut mendorongnya membuka cawangan yang kelima



***Pelbagai barangan elektrik dijual.***





**Cawangan Pengkalan Chepa.**

pada Ogos 2004 di Pengkalan Chepa. Diikuti oleh pembukaan cawangan keenam di Ketereh pada Oktober 2005. Menurutnya, pemilihan tempat bagi cawangan barunya itu adalah selepas meninjau peluang pasaran yang agak luas di sekitarnya memandangkan kawasan tersebut terdapat perumahan baru.

Di atas prinsip meluaskan pasaran, Shabki selanjutnya telah mengatur rancangan untuk mengembangkan lagi cawangan baru. Justeru itu,

bandar adalah berpotensi untuk mengembangkan perniagaannya. Justeru pembukaan cawangan ke-12 di Tanah Merah (April 2011), diikuti dengan cawangan ke-13 di Pasir Mas (September 2011) dan seterusnya cawangan ke-14 di Kampung Cherang (Januari 2012) dan 15 di Cabang Tiga Pengkalan Chepa (Mei 2012) telah diambil setelah mengambil kira peluang pasaran yang baik, meskipun terpaksa bersaing dengan mereka yang berniaga lebih awal.



**Cawangan Kubang Kerian.**

dua cawangan yang baru pada tahun yang sama berjaya dibuka, iaitu di Pasir Pekan (Jun 2007) dan di Taman Samudera, Batu Caves, Selangor (Ogos 2007).

Kemudian pada awal Januari 2010, cawangan yang kesembilan telah dilancarkan dengan pendekatan baru di Kubang Kerian yang tidak lagi mengguna pakai nama Kemudi Timur. Nama yang dipilih ialah Samsung Digital Centre. Selepas itu dibuka pula cawangan yang ke-10 (Februari 2010) iaitu Lumix Station di aras bawah KB Mall Kota Bharu. Manakala pada tahun yang sama, cawangan ke-11 telah dilancarkan di Kok Lanas (November 2010).

Apa yang pasti, Shabki merupakan seorang ahli perniagaan yang mendukung prinsip berniaga di mana sahaja, asalkan lokasinya strategik. Berpandukan prinsip ini, di mana sahaja pusat perniagaan



**Cawangan Kok Lanas.**

**Pasaran di Terengganu**

Tahun 2013 merupakan lembaran baru buat Kemudi Timur. Menurut Shabki, mereka berjaya mengembangkan sayapnya ke Terengganu berikutan pembukaan cawangan sulungnya di Jerneh (13 Januari 2013). Kemudian meneruskan 'penaklukan' sepertimana perancangannya di Kelantan, maka langkah awalnya itu turut merencanakan perniagaannya di Kelantan. Maka cawangan ke-17 berjaya dibuka di Pasir Puteh (23 Mac 2013). Diikuti pula, penguasaan zon perniagaan di Kuala Krai menerusi cawangannya yang ke-18 (19 April 2013).

Bagi meneruskan kesinambungan untuk suku kedua 2013, Kemudi Timur menaruh keyakinan besar akan potensi perniagaan barangan elektrik di Kelantan, terutamanya berangan berkaitan peralatan rumah dan dapur. Ia sesuai dengan kemajuan gaya hidup dan taraf sosioekonomi rakyat Kelantan masa kini. Sehubungan dengan itu, Shabki meneruskan pembukaan rangkaian cawangan berikutnya di Tumpat (16 Mei 2013), atas keyakinan daerah tersebut bersempadan dengan Thailand memiliki pasaran yang tersendiri.





*Cawangan Pasir Mas.*

### **Membuka pusat servis**

Selanjutnya, Shabki menganggap Disember 2013 sebagai titik tolak bagi Kemudi Timur Elektronik mempamerkan keupayaan penguasaan dunia perniagaan elektronik menerusi pembukaan pusat servis sendiri yang berdaftar atas nama Kemudi Timur Electronic Sales & Services.

Tumpuannya ialah bagi menyediakan keyakinan kepada pelanggan mengenai perkhidmatan selepas jualan (services after sale) di samping dapat menyediakan perkhidmatan yang cepat atas aduan pelanggan, terutama apabila menyedari persaingan perniagaan seumpamanya semakin tinggi. Atas kesedaran itulah, pihak syarikatnya memerlukan keupayaan berdaya saing dan sentiasa menjaga kualiti barangan yang dijual.

Bertolak dari situlah, pihak Syarikat Kemudi Timur Elektronik tetap menjadi pilihan ramai, selain harganya yang berpatutan, ia turut disokong oleh mutu perkhidmatan yang memuaskan hati pelanggan. Justeru, pelanggan yang pertama menggunakan *recommended price* amat berpuas hati dan secara tidak langsung harga dan khidmat adalah menjadi faktor mereka untuk menarik pelanggan lain.

### **Keahlian Kemudi Timur**

Syarikat ini juga bermatlamat dengan mengembangkannya nama Kemudi Timur Elektronik ke seluruh

negara. Maka perancangan yang dibuat ialah dengan cara memperkenalkan sistem keahlian kepada pelanggan. Setakat ini keahlian mereka sudah melebihi 5,000 orang di seluruh Malaysia. Yuran keahlian sebanyak RM10 untuk setahun. Manfaatnya, setiap ahli akan dapat mengumpul mata belian dengan membeli barangan Kemudi Timur, kemudian boleh menebus untuk barangan yang lain.


Selain itu mereka membuka cawangan di jajahan lain adalah kerana ingin memberi peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar kawasan tersebut. Setakat ini Kemudi Timur mempunyai 170 kakitangan. Termasuk juga 14 orang pengurus cawangan dan lima orang di bahagian pemasaran serta 13 orang di bahagian pentadbiran. Selebihnya merupakan pekerja am yang mahir dan berpengalaman dalam bidang masing-masing.

### **Mempelbagai jenama**

Selanjutnya, pihak Kemudi Timur peka dengan pilihan pelanggan, langkahnya dengan menyediakan barangan daripada pelbagai jenama. Antaranya ialah Samsung, Panasonic, Toshiba, Pensonic, Mitsubishi Electric, Philips, Sanyo dan pelbagai lagi jenama yang dipercayai kualitinya memenuhi pilihan pelanggan. Dan kesemua jenama ini sudah pun mengiktiraf Kemudi Timur Elektronik sebagai wakil jualan jenama mereka.

Malah Pengarah Urusan seperti Masaru Sihauchi dari Toshiba, Jepun pernah mengunjunginya bagi menyaksi sendiri keadaan perniagaannya. Pengarah Urusan Toshiba itu amat mengagumi keupayaan Kemudi Timur Elektronik, terutama kejayaan dalam mempromosikan jualan barangan elektrik keluaran syarikat Toshiba yang jualannya dikatakan meningkat dengan mendadak ketika itu.

"Dalam Kemudi Timur Elektronik, kami menekankan aspek khidmat selepas jualan, selain memberi penerangan kepada pelanggan mengenai barangan elektrik yang hendak dibeli.

"Kita tidak suka menipu pelanggan, di Kemudi Timur Elektronik kita tidak menjual barang elektrik yang tidak berjenama kerana mudah rosak serta tidak berkualiti," katanya yang memiliki aset bernilai lebih RM5 juta. 

*\*Mohd Shabki Abdullah, beristerikan Zawiah Jusoh, merupakan pemilik Kemudi Timur Sdn Bhd adalah seorang lepasan SPM, tetapi kaya dengan pengalaman perniagaan. Pernah menjadi penasihat perniagaan (Business Ambassador) UNIK19 Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 2013/2014 dan bertindak sebagai medium promosi memperkenalkan UMK melalui kaedah perniagaan. Berpengalaman dengan budaya perniagaan sejak remaja melalui ibu bapanya. Sebelum memulakan perniagaan, beliau sanggup melakukan pelbagai pekerjaan termasuklah sebagai tukang sapu, pekerja kilang, jurujual dan pengurus jualan. Kegigihannya kini telah menatijah kejayaan dunia perniagaannya bersama-sama Syarikat Kemudi Timur Sdn Bhd. Beliau memasang azam yang tinggi sebagai peniaga Bumiputera ulung untuk melebarkan penguasaan perniagaan barangan elektrik ke seluruh negara.*





# WADI IMAN LEMBAH NAN BERIMAN

Oleh Muh Na Abdullah Foto Ahmad Na'ime Muhammad

10 tahun yang lalu, semasa disuakan pelan pembinaan bercampur, Allahyarham Tok Guru yang merupakan Menteri Besar Kelantan telah menamakan projek ini sebagai Perumahan Wadi Iman. Perkataan ini diambil daripada kalimah Bahasa Arab yang membawa maksud Lembah Orang Mukmin.

Hasratnya hanya satu, untuk membina sebuah kawasan perumahan yang dilengkapi infrastruktur yang mesra orang Islam. Pembinaan bercampur yang memuatkan kawasan kejiranan teres setingkat, teres dua tingkat, rumah mampu milik, banglo, surau, taman permainan dan bangunan kedai.

Bertitik tolak daripada hasrat untuk menjadikan kawasan pembinaan bercampur ini sebagai model kejiranan yang harmoni, maka Wadi Iman diilhamkan. Hasrat mulia ini adalah berobjektifkan niat yang baik dengan



## Fasa 2



*Dzu'roh*

Rumah yang telah siap dan telah diduduki

## Fasa 1



Luas dan selesa

## Fasa 3



*Jam'an*

Rekaan terkini dan menarik

pelaksanaan yang bukan singkat. Ia menelan masa hampir 14 tahun untuk disiapkan sepenuhnya mengikut perancangan asal, bersesuaian dengan pelan pembinaan yang bertepatan dengan nama yang diilhamkan iaitu kawasan untuk mereka yang beriman.

Menjustifikasikan pemberian nama akan mempengaruhi persekitaran, lembah orang beriman inilah diharapkan agar menjadi contoh pembinaan yang lain. Tidak hanya mementingkan keselesaan fizikal tetapi mementingkan pembangunan rohani. Hasratnya yang lebih besar adalah supaya penduduk Wadi Iman menjadi orang yang bertakwa sesuai dengan nama yang diilhamkan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab

seksa disebabkan apa Yang mereka telah usahakan. (Surah Al-A'raf ayat 96)

Bermula pada tahun 2006, Wadi Iman mula diduduki pada tahun 2011 dengan permulaan 64 unit teres setingkat dan dua tingkat. Diikuti Fasa 2A pada tahun 2012 sebanyak 53 unit yang merangkumi 21 unit teres setingkat dan 32 unit teres dua tingkat.

Pada tahun 2013, Fasa 2B siap sepenuhnya sebanyak 29 unit teres setingkat dan 22 unit teres dua tingkat, disusuli oleh Rumah Kos Rendah sebanyak 32 unit pada tahun yang sama. Manakala pada tahun 2014, Fasa 3 diserahkan kunci sebanyak 94 unit yang merangkumi 54 unit rumah teres setingkat dan 40 unit teres dua tingkat.




Kawasan kejiranan ini juga dilengkapi infra seperti tangki air dan surau. Kemudahan surau yang besar berkeluasan 1500 kaki persegi seakan menyahut seruan yang dihasratkan sebagai lembah orang mukmin dengan peruntukan tanah seluas 8,000 kaki persegi. Manakala dewan orang ramai dan taman permainan sedang dalam proses pembinaan disamping Rumah Mampu Milik sebanyak 96 unit. Rumah ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018.

Sehingga ke hari ini Wadi Iman masih sedang dalam proses pembangunan. Legasi yang diwarisi daripada Tuan Guru sebagai Menteri Besar Kelantan diteruskan oleh Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob, Menteri Besar Kelantan yang

juga merupakan Pengerusi Perbadanan Menteri Besar Kelantan.

Penerusan pembangunan rumah banglo dan rumah berkembar (semi-D) masih dalam pelan pembangunan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2017, manakala perancangan bangunan rumah kedai akan bermula pada tahun 2018 dan dijangkakan Wadi Iman akan siap dibangunkan sepenuhnya menjelang 2020.

Sekalipun sukar memburu iman, tetapi Wadi Iman akan tetap berdiri meneruskan ilham yang dicetuskan agar mampu berfungsi sebagai lembah nan beriman. 



## Banglo (2 TINGKAT)

<b>Bil. Rumah:</b>	<b>4 Unit</b>
<b>Bilik:</b>	<b>3 Bilik Tidur (termasuk master)</b>
	<b>1 Bilik Tidur Tetamu</b>
	<b>1 Bilik Utiliti</b>
<b>Bilik Air:</b>	<b>3 Bilik Air</b>
<b>Stor:</b>	<b>1 Bilik Stor</b>
<b>Ruang Tamu:</b>	<b>2 Ruang Tamu</b>
<b>Keluasan rumah:</b>	<b>2,220 kaki persegi</b>
<b>Konsep:</b>	<b>Moden Kontemporari</b>

## Semi-D (2 TINGKAT)

<b>Bil. Rumah:</b>	<b>8 Unit</b>
<b>Bilik:</b>	<b>3 Bilik Tidur (termasuk master)</b>
	<b>1 Bilik Tidur Tetamu</b>
<b>Bilik Air:</b>	<b>3 Bilik Air</b>
<b>Stor:</b>	<b>Tiada</b>
<b>Ruang Tamu:</b>	<b>2 Ruang Tamu</b>
<b>Keluasan rumah:</b>	<b>1,934 kaki persegi</b>
<b>Konsep:</b>	<b>Moden Kontemporari</b>

\*pembinaan banglo 2 tingkat dan semi-D 2 tingkat adalah projek perumahan terkini (pembangunan fasa ke-4)





# اوروس ستيا قسباغونن وانيتا، كلوارك، دان كبا جيكن كراجان نكري كلنتن

## URUS SETIA PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KEBAJIKAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Pejabat Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan

Alamat: PT 109 Wisma Dr Alias Jalan Telipot, 15150 Kota Bharu Kelantan

Tel: 09-747 6568/ 09-747 6569 Faks: 09-747 6510 Fb: <https://www.facebook.com/upwkk>



**DALIL** "Wahai Tuhan kami, berilah Kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah Kami dari azab neraka". (Surah Al-Baqarah Ayat 201)

**UNIT** Pembangunan Wanita | Pembangunan Keluarga  
Pembangunan Kebajikan | Kemahiran Wanita



### PUSAT KEMAHIRAN WANITA KELANTAN

LOT 1810, TINGKAT BAWAH, BANGUNAN KPKB, JALAN BAYAM, 15200 KOTA BHARU | TEL: 09-748 0764



:: Pusat masakan & kulineri  
:: Pusat pelbagai aktiviti kepada wanita tempatan  
:: Pusat komuniti wanita tempatan



:: Pusat latihan kemahiran kerajinan tangan  
:: Pusat jahitan



:: Pusat informasi bagi wanita kelantan  
:: Laman dapur



**47**  
Pusat Latihan Seluruh Kelantan

Hubungi:  
**09-748 0764**  
Pusat Kemahiran Wanita Kelantan



**Taska Keluarga Mawaddah** merupakan inisiatif Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan yang ditubuhkan untuk menjadi agen ketiga dalam fasa pendidikan awal kanak-kanak dan kesinambungan kepada Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan yang telah digubal pada 16 Disember 2009 untuk membentuk ummah yang bertaqwa.

Menggalakkan amalan-amalan sunnah dalam kehidupan seharian supaya menjadi kebiasaan dalam diri kanak-kanak.

Memberi kesedaran akhlak dan adab melalui sirah teladan.

Penyediaan makanan sunnah untuk dijadikan amalan.

Melatih kanak-kanak berdikari dengan mengurus diri sendiri untuk melengkapkan keperluan harian.



Pendaftaran  
**TASKA**  
KELUARGA  
MAWADDAH

Kini Dibuka!!  
Hubungi:

**09-747 6568**  
Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan

Lokasi:  
Taska Keluarga Mawaddah Jalan Telipot, Kota Bharu

### Hotline UPWK

Kelas Jahitan & Sulaman 09-748 0764  
Daftar Sukarelawan 013-984 6913

Kaunseling 013-983 5912  
Kebajikan/ Bencana 019-988 2999





*Majlis penganugerahan turut diadakan di Kompleks Kota Darulnaim.*

## **PMBK TERIMA ANUGERAH PENARAFAN 4 BINTANG** **Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti**

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) sehingga ke hari ini telah melalui fasa-fasa penambahbaikan dan mengorak langkah ke hadapan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Banyak penambahbaikan dalam telah diselesaikan.

*Standard Operation Prosedur (SOP)* dan struktur pengurusan misalnya telah diselesaikan dan nati-jahnya PMBK yang merupakan salah satu agensi/jabatan Kerajaan Negeri Kelantan telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2014. Sijil kecemerlangan tersebut telah disampaikan oleh Menteri Besar Perak; Datuk Seri Diraja Dr Zambry Abd Kadir di Pusat Konvensyen Aman Jaya Casuarina @ Meru, Perak pada 30 November 2015 bersamaan 18 Safar 1437.

Ketua Pegawai Operasi PMBK, Sanusi Othman yang menerima anugerah tersebut bagi pihak PMBK melahirkan rasa syukur di atas anugerah tersebut. Jelasnya, "pengauditan yang berterusan dengan mengikut garis panduan serta prosedur antara faktor kejayaan PMBK sehingga melayakkan kami menerima pengiktirafan daripada Jabatan Audit Negara."

Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan secara formal kepada agensi yang menunjukkan tahap tad-



*Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan turut dianugerahkan Penarafan 4 Bintang.*





# KELANTAN



1. Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam
2. Yayasan Kelantan DarulNaim (YAKIN)
3. Majlis Sukan Negeri Kelantan
4. Majlis Daerah Dabong
5. Yayasan Islam Kelantan
6. Pejabat Pelesenan Merentas Negeri



*Ketua Pegawai Operasi menerima anugerah bagi pihak PMBK.*

bir urus terbaik dan sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan unggul. Ia juga merupakan salah satu mekanisme untuk menilai dan mengukur prestasi agensi kerajaan termasuk di peringkat negeri bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sektor awam berada pada tahap cemerlang.

Penarafan empat (4) Bintang tersebut adalah berdasarkan amalan kerja mengikut prosedur dan arahan yang telah ditetapkan disamping meneruskan budaya kerja baik, biarpun dalam keadaan tuntutan kerja yang semakin meningkat. Pihak audit memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan kewangan dan pentadbiran awam diaudit pada tahap kualiti yang tinggi.

Kemantapan profesionalisme pihak audit perlu bagi mengelakkan berlakunya ketirisan seperti rasuah, penyelewengan, perbuatan melanggar perundangan, perbuatan yang dapat menimbulkan kerugian kewangan dan bukan kewangan, pelanggaran standard operasi, dan pelanggaran etika.

Selain PMBK, tepat 113 agensi kerajaan di seluruh negara menerima penarafan empat bintang termasuk dari Kelantan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Majlis Daerah Ketereh Perbanda-

ran Islam, Yayasan Kelantan Darulnaim, Majlis Sukan Negeri Kelantan, Majlis Daerah Dabong, dan Yayasan Islam Kelantan. 



*Di antara penerima anugerah yang mewakili Jabatan masing-masing.*



# MAJLIS PELANCARAN DINAR DAN WAFER BAHARU



Kelantan Gold Trade (KGT) merupakan salah satu anak syarikat milik Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan melibatkan emas dinar dan perak dirham, telah selangkah lagi ke hadapan dengan melancarkan dinar dan wafer emas versi baharu dalam rekabentuk baharu yang mempunyai nombor siri tersendiri untuk tujuan keselamatan.

Wafer emas diwujudkan sebagai salah satu medium yang murah untuk mendapatkan emas, malah sebagai alat tabungan untuk ditukar dengan dinar emas yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti nombor siri dan sijil emas yang dijamin oleh pihak KGT sendiri.

Pelancaran versi baharu itu juga sebagai penjenamaan semula kaedah operasi KGT selain membuat dasar baharu bagi memberi sokongan kepada anak syarikat PMBK itu. Majlis pelancaran telah berlangsung di Kota Darulnaim pada 07 Disember 2015 bersamaan 25 Safar 1437H turut dihadiri oleh Menteri Besar Kelantan; Ustaz Dato' Ahmad Yakob, Pengerusi Lembaga Pengarah KGT; Dato' Abdul Fattah Mahmood dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK; Hj Zakie Hj Ahmad Shariff serta jemputan-jemputan dari kerajaan negeri dan syarikat swasta.







Menurut Ustaz Ahmad, Kerajaan negeri telah mensyaratkan mana-mana syarikat perlombongan emas yang pengeluarannya tidak melebihi 30 peratus, hasilnya dijual kepada KGT.

"Mata wang ini (dinar dan dirham) bebas amalan riba dan juga kalis inflasi. Dahulu kita boleh beli seekor kambing dengan satu dinar sahaja, kini ia masih boleh diguna pakai lagi kerana nilainya yang tidak terjejas, malah kegunaannya telah diaplikasikan sejak sekian lama", tambah Ustaz Ahmad lagi ketika merasmikan dinar dan wafer edisi baharu tersebut.

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad Ibn Hanbal; Akan tiba suatu zaman di mana tiada apa yang bernilai dan boleh digunakan oleh umat manusia. Maka simpanlah dinar dan dirham (untuk digunakan).





# MAJLIS UCAPTAMA & PELANCARAN INTEGRITI PMBK Meterai CIP Tingkat Integriti



Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah memeterai Ikrar Integriti Korporat (CIP) bagi meningkatkan tadbir urus dan integriti dalam kalangan warga kerjanya. CIP itu ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK; Hj Ahmad Zakie Ahmad Shariff dan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Kelantan; Datuk Abdul Aziz Aban dengan disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM; Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Menteri Besar Kelantan; Ustaz Dato' Ahmad Yakob.


Ikrar Integriti Korporat turut diadakan yang melibatkan warga kerja kumpulan PMBK dan diketuai oleh Hj Ahmad Zakie sendiri serta disaksikan oleh pihak SPRM.



"Pemeteraian CIP adalah antara usaha mewujudkan mekanisme menyokong usaha persekitaran bebas rasuah dalam pengurusan agensi itu sebagai syarikat pelaburan kerajaan negeri. Inisiatif memerangi rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa menjadi agenda utama kerajaan dan memerlukan komitmen jitu daripada semua pihak termasuk kerajaan negeri. Ia mesti diterjemahkan melalui kerjasama dua hala secara berstruktur dan berterusan. Selain berkongsi pengalaman, warga organisasi perlu memahami usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM dan kerajaan. Menjadi hasrat kerajaan dan SPRM apabila semua agensi mahupun syarikat korporat berjaya memerangi rasuah yang akan mewujudkan satu suasana perniagaan bebas rasuah di negara ini," ujar Abu Kassim dalam ucapannya.

Majlis tersebut telah dilaksanakan pada 25 Januari 2016 bersamaan 15 Rabiul Akhir 1437H di Tunjong, Kota Bharu bersempena dengan Majlis Ucaptama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK di mana ia merupakan acara tahunan PMBK yang menghimpunkan anggota kerja bagi menggariskan hala tuju gerak kerja bagi tahun kewangan 2016 disamping mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kumpulan PMBK.

Pada tahun ini, majlis ucaptama dianjurkan bersama Pelancaran Integriti Kumpulan PMBK yang bertemakan ITQAN (Integriti Teras Kualiti Perkhidmatan). Integriti secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi, dan ianya berkait rapat dengan etika. Oleh itu, integriti dalam organisasi sangat penting bagi memastikan sesebuah organisasi berfungsi dengan jayanya berteraskan etika yang telah digariskan.

Sehingga ke hari ini PMBK telah melalui fasa-fasa penambahbaikan dan telah banyak mengorak langkah ke hadapan berbanding tahun-tahun sebelumnya. 



**Bacaan ikrar diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan**



**Pemeteraian CIP oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan**



**Perasmian disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan**



# SKIM BANTUAN IMAM AL-GHAZALI



**BILANGAN PELAJAR  
CEMERLANG DIBANTU  
BERTAMBAH**

*Siri Ke-*

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) memperuntukkan sebanyak RM465,000 bagi membantu 700 pelajar cemerlang di bawah Skim Bantuan Imam Al-Ghazali sejak tahun 2009 hingga 2016. Bantuan tersebut melibatkan 50 pelajar setahun dari tahun 2009 hingga 2013 dan meningkat kepada 75 pelajar bermula tahun 2014 dengan bantuan sebanyak RM50 sebulan.

Ketua Pegawai Operasi, Sanusi Othman berkata, "kerajaan negeri melalui PMBK telah mengadakan Skim Bantuan Imam al-Ghazali sebagai salah satu program tanggungjawab sosial berupa bantuan kepada pelajar kurang berkemampuan yang cemerlang di bawah sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan memenuhi kriteria tambahan yang telah ditetapkan oleh pihak PMBK."

"Program ini telah memasuki tahun kelapan sejak ia dilancarkan pada tahun 2009. Dengan adanya bantuan seumpama ini, diharapkan ia dapat membantu mereka mencapai keputusan lebih cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang akan datang dan semoga sumbangan ini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan jumlah penerima yang lebih ramai, katanya ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan tersebut pada 19 April 2016 bersamaan 11 Rejab 1437H bertempat di Maahad Syamsul Maarif (Perempuan), Pulau Chondong.



*Antara pelajar cemerlang yang menerima bantuan.*





Majlis ini telah disempurnakan oleh Ustaz Mohamad Awang, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi negeri Kelantan. Turut hadir Ustaz Ramli Din, Mudir Maahad Syamsul Maarif Perempuan.

"Bantuan kepada pelajar cemerlang dalam bentuk kewangan menjadi pendorong kepada mereka untuk belajar bersungguh-sungguh bagi meningkatkan pencapaian mereka. Tahniah juga kepada pelajar yang mendapat sumbangan dan semoga dapat memanfaatkan sebaik mungkin bantuan yang diberi," ujar Ustaz Mohamad.

Dikesempatan majlis ini juga, seramai lima orang pelajar cemerlang SPM 2015 bersama ibu bapa masing-masing diraikan. Rata-rata melahirkan rasa syukur dan gembira di atas sumbangan yang diberikan. Diharapkan bantuan seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan bagi menjayakan moto PMBK iaitu 'Untung dunia, Untung akhirat'.



*Seramai 48 pelajar perempuan yang bertuah menerima bantuan.*



*Pelajar lelaki yang layak menerima bantuan.*



Sumber dan foto ehsan daripada  
keluarga Allahyarham Tok Guru



**1997** | Gambar keluarga Tok Guru dan isteri serta anak-anak diambil pada tahun 1997  
di kediamannya, Pulau Melaka.

**Belakang dari kiri:** Nik Omar, Nik Adli, Nik Mohd Asri, Nik Asma' Salsabila, Nik Mohamad Abduh, Nik Ab Rahim.  
**Depan dari kiri:** Nik Amalina, Nik Adilah, Tok Guru, Tuan Sabariah, Nik Aini, Nik Amaanie.





**2012** | Gambar keluarga Tok Guru dan isteri serta anak menantu diambil pada tahun  
2012 di kediaman rasmi Menteri Besar, JKR 10.

**Belakang dari kiri:** Nik Amalina, Abdul Ariffahmi Ab Rahman, Nik Mohd Asri, Zalina Ibrahim, Farah Abdul Fatah, Nik Mohamad Abduh, Nik Yusri Musa, Nik Adilah, Nik Amaantie, Hood Mohd Isa, Ahmad Asyraf Zainuddin, Nik Asma' Salsabila.

**Depan dari kiri:** Nik Adli, Sles Monira Sles Math, Nik Aini, Ahmed Pakaruldin Abdul Rahman, Tok Guru, Tuan Sabariah, Nik Omar, Kamaliah Yusuf, Arina Abdul Rahman, Nik Ab Rahim.





## Bo (Mentol lampu)

Lampu bebola daripada kaca yang di dalamnya terdapat filamen logam yang mengeluarkan cahaya apabila arus elektrik melaluinya. Alat ini disebut 'bo' diambil dari Bahasa Inggeris iaitu Bulb.

Light globe made of glass that provides light by passing an electric current through a metal filament. Pronounced as 'bo', taken from the English word 'bulb'.

## Bok (Buku)

Kepingan helaian kertas bertulis yang diikat menjadi satu unit dan disebut 'boak' diambil dari Bahasa Inggeris iaitu Book.

A written or printed pages binded together together to create a unit and pronounced as 'boak', taken from the English word 'book'.



## Bekwoh (Kenduri)

Majlis jamuan makan untuk meminta berkat dan meraikan pasangan pengantin baru. Perkataan ini disebut 'beg-woh' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Big work.

A celebratory meal to seek for blessings and celebrate newlyweds. Pronounced as 'beg-woh', taken from the English word 'big work'.

## Cebek (Kerusi belakang)

Tempat duduk (dalam kereta) di bahagian belakang dan disebut 'chey-back' diambil dari Bahasa Inggeris iaitu Chair at the back.

The back seat of a car. Pronounced as 'chey-back', taken from the English word 'chair at the back'.



# DIALEK KELANTAN

Oleh *Shariah Derahman* dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP),  
Wilayah Timur





### **Derek (Terus)**

Terus atau secara langsung. Disebut 'dare-rack' diambil dari Bahasa Inggeris iaitu Direct.

Straight ahead or directly. Pronounced 'dare-rack', taken from the English word 'direct'.

### **Ejah (Menyesuaikan)**

Menyelaraskan, memadankan, menyesuaikan diri dengan keadaan atau dengan sesuatu yang baru dan disebut "air-jah" diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Adjust.

To adjust, to match, to adapt with new surrounding or something new. Pronounced as 'air-jah', taken from the English word 'adjust'.



### **Ejuh (Ekzos)**

Lubang atau paip yang menyalurkan gas keluar dari silinder enjin sesebuah kenderaan. Ia disebut 'air-jooH' diambil dari Bahasa Inggeris iaitu Exhaust.

The hole or pipe through which gases are expelled from a vehicle's engine cylinder. Pronounced as 'air-jooH', taken from the English word 'exhaust'.

### **Ghoba (Getah Pemadam)**

Bahan kenyal atau memberi yang dibuat daripada getah untuk memadamkan tulisan. Alat tulis ini disebut 'raw-bar' diambil dari Bahasa Inggeris iaitu Rubber.

Elastic material made from rubber used to erase something written. This piece of stationery is pronounced as 'raw-bar', taken from the English word 'rubber'.



### **Istek (Ladang)**


Ladang atau kebun (getah, kelapa, dll) yang luasnya lebih daripada seratus ekar. Disebut 'es-take' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Estate.

Farm or orchard (rubber, coconut etc) with an area of more than 100 acres. Pronounced as 'es-take', taken from the English word 'estate'.

### **Kabak (Belerang)**

Benda keras berwarna kuning yang mudah hancur dan mudah terbakar dgn mengeluarkan nyalaan biru serta berbau busuk. Disebut 'car-bark' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Cobalt.

A hard chemical element, crushable and combustible. Emits blue flame and produces rotten egg smell. Pronounced as 'car-bark', taken from the English word 'cobalt'.







### **Kaley (Pensil)**

Alat yang mempunyai karbon hitam dan digunakan untuk menulis atau mewarna. Disebut 'car-lair' diambil dari perkataan Bahasa Arab iaitu Kalam.

An instrument for writing or coloring, consisting of graphite. Pronounced as 'car-lair', taken from the Arabic word 'qalam'.

### **Keh (Jentolak)**

Jentera penyodok yang kuat untuk meratakan, mengangkat atau menolak tanah, batu, dll. Disebut 'keh' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Case.

A powerful tractor used to flatten or haul the ground, rubble etc. Pronounced as 'keh', taken from the English word 'case'.



### **Kih (Tunai)**

Membayar dengan wang secara tunai sewaktu barangan diserahkan kepada pembeli (tidak berhutang atau membayar secara ansuran). Disebut 'kih' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Cash.

Paying with cash when handing over goods to the buyer (not borrowing or paying installments). Pronounced as 'kih', taken from the English word 'cash'.

### **Khopeh (Rangka ayam)**

Rangka ayam yang telah dibuang hampir 80% isi dan digoreng bersama tepung dan disebut 'core-peh' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Corpse.

Chicken carcass with almost 80% meat taken out, fried with flour and pronounced as 'core-peh', taken from the English word 'corpse'.



### **Kona (Membelok)**

Lencongan yang dibuat ketika memandu di selekoh dan disebut 'core-nar' diambil dari Bahasa Inggeris iaitu Corner.

Turning at the corner while driving. Pronounced as 'core-nar', taken from the English word 'corner'.



## Magak (Pengadang lumpur)

Pelindung bahagian tayar kenderaan yang direka untuk melindungi kenderaan daripada terkena lumpur atau kotoran lain. Alat ini disebut 'maa-gad' diambil dari Bahasa Inggeris iaitu Mudguard.

A cover over a wheel of a vehicle designed to protect the vehicle from mud or dirt. Pronounced 'maa-gad', taken from the English word 'mud guard'.



## Merkek (Pasar)

Tempat jual beli barang makanan seperti ikan, sayur, buah-buahan dan keperluan harian. Disebut 'mer-cake' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Market.

A place for the purchase and sale of food like fish, vegetables, fruits and daily needs. Pronounced as 'mer-cake', taken from the English word 'market'.

## Nneja (Pengurus)

Individu yang bertanggungjawab merancang dan mengurus sesebuah organisasi. Disebut 'nare-jar' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Manager.

An individual responsible to manage an organization. Pronounced 'nare-jar', taken from the English word 'manager'.

## Pozek (Deposit)

Wang pendahuluan atau sebahagian daripada bayaran berupa wang yang dibayarkan (sebahagian lagi ialah hutang). Disebut 'pore-zack' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Deposit.

A sum payable as a first installment or part of payment paid (with the balance being payable later). Pronounced as 'pore-zack', taken from the English word 'deposit'.

## Rizak (Keputusan)

Keputusan atau kesimpulan hasil daripada sesuatu perbincangan atau peperiksaan yang ditetapkan. Disebut 'ree-zulk' diambil dari per-kataan Bahasa Inggeris iaitu Result

An outcome or conclusion from a discussion or examination. Pronounced as 'ree-zulk', taken from the English word 'result'.

PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH PERNYATAAN KEPUTUSAN PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3) TAHUN : 2015		
NAMA	WAK ADA ANNADWA BINTI MOHD AMR	ANGKA GILIRAN
NAMA SEKOLAH	SMKA NARI LIL-BANAT	NO. KAD PENGENALAN
KOD	MATA PELAJARAN	GREED
02	BAHASA MELAYU LISAN BERTULIS	A CEMERLANG
03	BAHASA MELAYU LISAN	A CEMERLANG
12	BAHASA INGGERIS LISAN BERTULIS	A CEMERLANG
13	BAHASA INGGERIS LISAN	A CEMERLANG
21	SEJARAH	A CEMERLANG
23	GEOGRAFI	A CEMERLANG
31	BAHASA ARAB	A CEMERLANG
45	PENDIDIKAN ISLAM	A CEMERLANG
50	MATHEMATICS	A CEMERLANG
55	SCIENCE	A CEMERLANG
77	KEMAMPUAN HIDUP BERSEKAPU - ERT	A CEMERLANG

## Raung (Jalan-jalan)

Pusing-puting atau bersiar-siar dengan berjalan kaki atau kenderaan. Disebut 'ra-oung' dan diambil dari perkataan Bahasa Inggeris 'round'.

Walking or driving around during an outing. Pronounced as 'ra-oung', taken from the English word 'round'.



### **Stemek (Anggaran)**

Anggaran perbelanjaan atau kos. Disebut 'stair-mek' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Estimate.

An estimation of expenditure or cost. Pronounced 'stair-mek', taken from the English word 'estimate'.

### **Skey (Pembaris)**

Alat yang lurus dan bersengat-sengat dengan ukuran digunakan untuk membuat baris atau mengukur sesuatu. Disebut 'scay' diambil dari Bahasa Inggeris iaitu Scale.

A straight strip marked at regular intervals, to draw straight lines or measure distances. Pronounced as 'scay', taken from the English word 'scale'.



### **Sigerek (Rokok)**

Rokok merupakan silinder dari kertas yang berisi daun-daun tembakau yang telah dicincang dan dibakar pada salah satu hujungnya, serta dibiarkan membara supaya asapnya dapat disedut melalui mulut pada hujung yang lain. Alat ini disebut 'see-ger-rake' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Cigarette.

Cigarette is a thin cylinder of finely cut tobacco rolled in paper and burned at one end to inhale the smoke at the other end. Pronounced as 'see-ger-rake', taken from the English word 'cigarette'.

### **Suwih (Suis)**

Sejenis alat yang boleh memutuskan litar elektrik, menghentikan aliran arus elektrik ataupun mengalihkan arah aliran dari satu pengalir ke pengalir yang lain. Disebut 'soo-wih' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Switch.

A device for making and breaking the connection in an electric circuit or transferring connection from one circuit or another. Pronounced 'soo-wih', taken from the English word 'switch'.



### **Saksoba (Penyerap hentakan)**

Salah satu komponen suspensi kenderaan untuk menyerap hentakan. Alat ini disebut 'suck-soar-bar' diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Shock Absorber.

One of the vehicle suspension components to absorb vibrations. Pronounced as 'suck-soar-bar', taken from the English word 'shock absorber'.

### **Tera (Cuba)**

Cuba melakukan sesuatu untuk mengetahui keadaannya (seperti buruk baiknya), cuba menggunakan sesuatu untuk menguji, atau kata-kata yang dituturkan untuk mengajak atau menyuruh secara halus dan disebut 'te-ra' diambil dari Bahasa Inggeris iaitu Try.

Trying to do something to know the difference (of the good and bad), using something as a test or words uttered to invite or coax. Pronounced as 'te-ra', taken from the English word 'try'.



سِكْمٌ كِفَالَهُ تَكَا فُلٌ خَيْرٌ اُمَّتِي

SKIM KIFAALAH TAKAFUL

**KHAIRAUMMAH**

2011 hingga 2015

**44** ORANG WASI TELAH  
MENERIMA MANFAAT

MELIBATKAN BAYARAN KHAIRAT

SEBANYAK

**RM132 RIBU**

**33** PESERTA DARINYA TELAH  
SEMPURNA BADAL HAJI

SEBANYAK

**RM22 RIBU**

TELAH DISUMBANGKAN KEPADA  
BADAN KEBAJIKAN OLEH PESERTA



كفالة مسندة بركات  
**KIFAALAH SDN BHD**

سِكْمٌ كِفَالَهُ تَكَا فُلٌ الشَّبَاب  
SKIM KIFAALAH TAKAFUL  
AS-SYABAB / AN-NISA'

KINI DIKENALI SEBAGAI

- SYARAT
- ◆ PESERTA MESTILAH BERUMUR **18** HINGGA **64** TAHUN
- ◆ TERBUKA UNTUK SEMUA WARGANEGARA

- MANFAAT
- ◆ KEMATIAN DAN KEILATAN KEKAL **RM10,000.00**
- ◆ PERBELANJAAN PERUBATAN **RM500.00**
- ◆ MANFAAT HOSPITAL HARIAN **RM20.00**

سِكْمٌ كِفَالَهُ تَكَا فُلٌ احْسَان  
S K I M  
K I F A A L A H  
T A K A F U L  
**EHSAN**

**Cukai Jalan Mati???**  
**Malas bersesak di JPJ atau Pejabat Pos???**  
**Jangan risau... Layari.**

<http://www.kifaalah.com.my/index.php/aktiviti/136-e-kifaalah>

Selesa



Mudah



Jimat



Cepat

No. 4703-B Taman Maju, Jalan Long Yunus, 15200 Kota Bharu, Kelantan  
Tel : 09-747 6336 Faks : 09-747 6226  
[www.kifaalah.com.my](http://www.kifaalah.com.my) [www.facebook.com/kifaalah](http://www.facebook.com/kifaalah)

"Platinum Agency of the year 2014"


TakafuLmalaysia



WAKIL KORPORAT TAKAFUL







**Ya Allah Ya Aziz Ya Rahman Ya Rahim  
Pengetahuanku pada kemurahan-Mu  
Itulah yang memberhentikan aku di pintu-Mu  
Bagaimana aku akan kecewa?  
Sedangkan Engkau harapkan  
Bagaimana aku akan hina?  
Sedang Kaulah tempat sandaran  
Bagaimana aku akan mulia berbangga?  
Sedang Engkau menempatkanku  
dalam lemah dan hina  
Bagaimana aku akan miskin?  
Padahal Engkaulah yang mencukupkan.  
Hidupkanlah hati-hati ini  
dengan Makrifat-Mu,  
matikanlah kami  
sebagai pejuang agama-Mu,  
puaskanlah keluargaku dengan aturan-Mu  
berbanding aturan kami sendiri,  
bantulah aku dalam menunaikan  
tanggungjawab selaku pemimpin,  
ingatkanlah aku  
bahawa aku hanya seorang hamba  
supaya tidak lupa.  
Ya Allah... perkenankanlah permintaan ini.**

*Rintihan kalbu Murabbi Ummah buat Tuhannya..*

**BIDADARI DARI TIMUR**

Tuan Sabariah Tuan Ishak